

MAJALAH KORPORAT PERBADANAN MENTERI BESAR KELANTAN

# QIADAH



**KEBERSAMAAN  
DEMI**

*Rakyat*

ISSN 2289-5418



9 772289 541000

MERAKYAT MEMBANGUN BERSAMA ISLAM - KELANTAN MENERAJUI PERUBAHAN

# UNTUK DIJUAL

## RUMAH MAMPU MILIK KELANTAN (RMMK)

### MERANTI, PASIR MAS

#### Lokasi

700 Meter daripada Klinik Kesihatan Meranti, Pasir Mas

Bersebelahan projek 59 unit Rumah Mampu Milik

Jenis	Harga Jualan	Unit
Rumah Teres 1 Tingkat	RM85K	16
Rumah Teres 1 Tingkat	RM130K	43
Rumah Kedai 1 Tingkat	RM210K-RM340K	6

No. Lesen Pemaju: 13797-2/09-2021/0871(P)

No. Permit Iklan & Jualan: 13797-2/09-2021/0871(L)

**DISKAUN  
RM10K**  
UNTUK PEMBELI PERTAMA



1 Km Dari  
Pekan Melor



3 Bilik Tidur  
2 Bilik Air

## 2 UNIT SEMI-D

### MELOR

SEMI-D A (LOT11231)  
Harga Jualan - RM299,000  
Luas Tanah - 3552kp  
Luas Bangunan - 1200kp

SEMI-D B (LOT11230)  
Harga Jualan - RM270,000  
Luas Tanah - 3552kp  
Luas Bangunan - 1200kp

### PROJEK AKAN DATANG

✓ 4 UNIT SEMI-D  
✓ 16 UNIT TERES SATU TINGKAT



Hubungi:

**09-747 7227 / 019-217 4649**

PMBK Development Sdn Bhd

WADI IMAN

PASIR GENDA, TANAH MERAH

# Banglo Mewah Mesra Syariah

HARGA BERMULA DARI

**RM428,500**

**HADIAH  
1 UNIT AIRCOND**



**Tawaran  
Kami**

- Percuma yuran guaman (Tanpa disbursement)
- Deposit serendah RM500 sahaja

## Spesifikasi Kediaman

- Struktur Rangka konkrit bertulang
- Bumbung Jubin konkrit/kerangka keluli ringan
- Dinding Bata merah
- Luas rumah 1,752 kp
- Luas tanah 5,605 kp

## Kelebihan Kami

- Rumah slap dengan CCC
- Hak milik kekal
- 4 bilik tidur
- 4 bilik air



PELAN LOKASI  
WADI IMAN PMBK II  
PASIR GENDA

KOORDINAT LOKASI  
5.831522148058898, 102.1221069689484



PERBADANAN MENTERI BESAR KELANTAN  
www.pmbk.gov.my

Hubungi segera:

**011-2546 9440** Yusri  
**013-981 0054** Syazwan

# AHLI JAWATANKUASA EDITORIAL QIADAH EDISI KE-25

## KETUA EDITOR

**HJ. ABDUL RASHID MOHD YUSOFF**  
Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan  
Perbadanan Menteri Besar Kelantan

## SETIAUSAHA JAWATANKUASA EDITORIAL

**WAN MOHD HUSNI WAN OSMAN**  
Ketua Pegawai Operasi  
Perbadanan Menteri Besar Kelantan

## JAWATANKUASA EDITORIAL

**DR. WAN NIK WAN YUSSOF**  
Pengarah  
Pusat Kajian Strategik

**MOHD ASRI MAT DAUD**  
Setiausaha Politik  
Menteri Besar Kelantan

**MOHD KHAIRUL PADLI BADULDIN**  
Setiausaha Akhbar  
Menteri Besar Kelantan

**HJ. MAHADI MOKHTAR**  
Pengurus Kanan  
Pembangunan Korporat  
Kelantan Utilities Mubaarakan  
Holdings Sdn. Bhd.

**MOHD HAIKAL ROZAINI**  
Penolong Pengurus  
Komunikasi Korporat  
Perbadanan Menteri Besar Kelantan

**MUHAMMAD NAJID ABDULLAH**  
Penolong Pengurus  
Latihan Modal Insan  
Perbadanan Menteri Besar Kelantan

**ABDUL FATAH JAAFAR**  
Penolong Pengurus  
Komunikasi Korporat  
Perbadanan Menteri Besar Kelantan

## PENYELARAS EDITORIAL

**SHARIAH DERAHMAN**  
Pegawai Komunikasi Korporat  
Perbadanan Menteri Besar Kelantan

## PEMBANTU PENYELARAS EDITORIAL

**SITI NORAZAMI MOHAMED ANUAR**  
Pegawai Komunikasi Korporat  
Perbadanan Menteri Besar Kelantan

## PENGARANG NORZANA RAZALY (ZANAZANZALY)

## PENULIS BERSAMA

**A. UBaidILLAH ALIAS**  
**DR. WAN ADI WAN YUSOFF**  
**NOR ZAINAH NORDIN**  
**NIK FAUZIAH NIK HUSSIN**  
**NIK BAHROM NIK ABDULLAH**  
**LIM PENG GEOK**  
**DR. RIKINORHAKIS RIDZWAN**  
**ADE IRMA SURYANI CHE LEH**  
**ROZAINI ABDULLAH**  
**DR. LINA MALINI**  
**ALIN ALAUDDIN**  
**SITI HAJAR HUSNA CHE HASSIN**  
**ADE IRMA SURYANI CHE LEH**  
**CHU E-LIANG**  
**MOHD ZAILANI ABD RAHMAN**  
**SHARIAH DERAHMAN**  
**MUHAMMAD NAJID ABDULLAH**  
**NOORLEYNE HAMZAH**  
**IMAN MOHD YUSOFF**  
**ZAIROS FADIELA ZAINAL ABIDIN**  
**MOHD AZREIN CHE ASARI**

## PEREKA GRAFIK & PETAK

**MOHD HAIKAL ROZAINI**  
Penolong Pengurus  
Komunikasi Korporat  
Perbadanan Menteri Besar Kelantan

## SHARIAH DERAHMAN

Pegawai Komunikasi Korporat  
Perbadanan Menteri Besar Kelantan

## MUSTAQIM ISA

Pembantu Tadbir Komunikasi  
Korporat  
Perbadanan Menteri Besar Kelantan

## JURUGAMBAR

**AHMAD NAI'ME MUHAMMAD**  
Pegawai Komunikasi Korporat  
Perbadanan Menteri Besar Kelantan

## JURUGAMBAR BERSAMA

**UNIT KOMUNIKASI MENTERI  
BESAR (UKMB)**  
**PERBADANAN MUZZIUM KELANTAN**  
**RUZELY ABDULLAH**  
**SHASLIZA SAMSUDDIN**

## PENGIKLAMAN, PEMASARAN & PROMOSI

**JABATAN PEMASARAN**  
**PERBADANAN MENTERI BESAR  
KELANTAN**

## DITERBITKAN OLEH

**PERBADANAN MENTERI BESAR  
KELANTAN**  
Tingkat 6, Bangunan PMBK,  
Jalan Kuala Kral,  
15150 Kota Bharu, Kelantan.  
Tel: 09-747 4082  
Faks: 09-747 7815  
Portal: [www.pmbk.gov.my](http://www.pmbk.gov.my)

## DICETAK OLEH

**PUSTAKA AMAN PRESS SDN. BHD.**  
4200-A Simpang Tiga Tellpot,  
Jln. Sultan Yahya Petra, P.O Box 67,  
15700 Kota Bharu, Kelantan.  
No. Tel: 09-748 1849  
No. faks: 09-748 7064

Jutaan terima kasih diucapkan kepada semua yang terlibat sama ada secara langsung atau pun tidak langsung dalam penerbitan dan pengedaran majalah ini.

Hak cipta majalah korporat PMBK (QIADAH) dan kandungannya yang termasuk maklumat, teks, imej, grafik, logo, dan susunannya serta bahan-bahannya adalah hak milik PMBK. Tiada mana-mana bahagian paparan ini boleh diubah, disalin, diedar, disebarkan, dipamerkan, diterbitkan semula, dilesenkan, dipindah, disimpan, dijual atau mencipta karya terbitan daripada mana-mana maklumat atau bahagian paparan papan iklan, serta diuruskan bagi tujuan komersial dalam apa bentuk sekali pun tanpa mendapat kebenaran secara bertulis yang jelas terlebih dahulu daripada PMBK.



**KEKAL  
DI RUMAH  
KEKAL  
SELAMAT**





# GUA CHIKU 2

FAKTA MENARIK


GUA NEON PERTAMA DI  
NEGERI KELANTAN

f tic.kelantan

ig tickelantan

MORE INFO AT

WWW.TOURISM.KELANTAN.MY



f tic.kelantan

ig tickelantan

tourism.kelantan.my

Kelantan Tourism Information Centre

# QIADAH



**LAMAN HADAPAN:  
KEBERSAMAAN  
DEMI RAKYAT**

Halaman hadapan edisi kali ini memaparkan tangan bergandingan menjaga hati agar kasih sayang tetap utuh antara keduanya. Dua tangan menunjukkan kebersamaan pemimpin dan rakyat membentuk sebuah kerajaan yang makmur diterjemahkan melalui tindakan berkeadilan yang mengandung keberkatan dan rahmat Ilahi. Kelebihan pentadbiran kerajaan negeri Kelantan yang berusia lebih 30 tahun berteraskan Membangun Bersama Islam kini merakyat dari akar umbi dan menular ke serata pelusuk negeri serta ke luar sempadan geografi. Natijahnya, siri demi siri kejayaan dirakam secara berfasa melalui kerancangan pembangunan prasarana mega dan berimpak tlnggl mengikut acuan ruh Islami yang dihayati dengan penuh kesyukuran oleh seluruh warga Kelantan yang berbilang agama dan keturunan.

**PERISTIWA**



**8**

**HARI SUKAN NEGARA**

**FOKUS**



**12**

**KEBERSAMAAN FIKRAH PEMIMPIN DAN RAKYAT KELANTAN**

**FOKUS**



**18**

**KELANTANESE STAND TALL TOGETHER**

**VARIASI**



**24**

**ZON INDUSTRI AKUAKULTUR**

**VARIASI**



**28**

**PEMBANGUNAN MELALUI AGRONIAGA**

**VARIASI**



**32**

**AIDILADHA PUPUK SEMANGAT KEBERSAMAAN**

**VARIASI**



**36**

**KEBERSAMAAN KELANTAN MENANGANI COVID-19**

**VARIASI**



**40**

**PERSIDANGAN ANTARABANGSA HKN 2020**

**VARIASI**



**43**

**JAHEAIK & HALAQAT**

**VARIASI**



**46**

**PAKEJ BANTUAN DAN FASILITI KESIHATAN COVID-19**

**VARIASI**



**50**

**KIAS BERTARAF KOLEJ UNIVERSITI**

**PEMIMPIN**



**54**

**TERAJU 2A**

**LELUHUR**



**58**

**TIGA KAMPUNG BERNAMAKAN POHON**

**MAKANAN**



**61**

**NEKBAT**

**DESTINASI**



**64**

**PONDOK SELIGI**

**TOKOH**



**68**

**ZARINA MOHD NAWAWI**

**JENAMA KELANTAN**



**72**

**NASKEN COFFEE**

**KELANTAN SANA SINI**



**76**

**SARAPAN DI KELANTAN**

**INSPIRASI KELANTAN**



**80**

**ANDAK ANJANG**

**FOKUS PMBK**



**84**

**KEMPEN TUKAR MINYAK MASAK**

**AKTIVITI PMBK**



**88**

**AKSB**

**AKTIVITI PMBK**



**90**

**PROGRAM SUMBANGAN AMAL KELAB CEMPAKA**

**TEROWONG MASA**



**92**

**PUSTAKA KEPADA BANGUNAN RASMI**

**DIALEK KELANTAN**



**94**

**ALATAN DAN PERKAKASAN**



**HARI  
SUKAN  
NEGARA**

**HARI SUKAN NEGARA  
PERINGKAT NEGERI KELANTAN  
KE ARAH NEGARA BERSUKAN**

"Akal yang sihat datang daripada jasad yang sihat". Sesungguhnya kesihatan dan kekuatan jasmani merupakan antara nikmat besar yang dikurniakan oleh Allah SWT. Ia menggambarkan sebuah kehidupan yang berkualiti dan kesejahteraan hidup sesebuah masyarakat dan negara.

Sambutan Hari Sukan Negara (HSN) Peringkat Negeri Kelantan telah diadakan pada 2 Rabiul Awal 1443 bersamaan 9 Oktober 2021 bertempat di Kompleks Belia dan Sukan Negeri Kelantan telah disempurnakan oleh Dato' Bentara Kanan Dato' Haji Ahmad bin Yakob,

Menteri Besar Kelantan. Pelaksanaan pada tahun ini adalah secara hibrid (virtual dan fizikal) bermula dari 8 sehingga 10 Oktober 2021. Manakala kemuncak bagi sambutan ini adalah pada 9 Oktober 2021 yang disambut secara serentak di seluruh Malaysia.

Pelbagai aktiviti dilaksanakan antaranya senamrobik, pertandingan timbang bola, penalti bola jaring dan banyak lagi yang mana ia bertujuan merealisasikan hasrat kerajaan mewujudkan sebuah negara bersukan (sporting nation) dan rakyat yang sihat. ■





"عقل يڤ صيحت داتڠ درفد جسد يڤ صيحت". سسوغكوهن كصيحاتن دان كفواتن جسماني مروفاكن أنتارا نعمت يڤ بسر يڤ دكورنياكن اوليه الله سبحانه وتعالى. اي مفكمركن سبواه كهيدوفن يڤ بركواليتي دان كسجهترامن هيدوفن سسبواه مشاركت دان نڠارا.

سمبوتن هاري سوكن نڠارا فريشكت نڠري كلنتن تله داداكن قد 2 ربيع الأول 1443 برسامن 9 أوكٽوبر 2021 برتمقت دكومفليك س بليا دان سوكن نڠري كلنتن تله دسمفورناكن اوليه داتوه بنتارا كانن داتوه حاج أحمد بن يعقوب، منتري بسر كلنتن. فلقسانان قد تاهون اين اداله سچارا هيبريد (ويچوال دان فيزيكل) برمولا دري 8 سهيشكا 10 أوكٽوبر 2021. مانكالا كمنوچق باكي سمبوتن اين اداله قد 9 أوكٽوبر 2021 يڤ دسمبوت سچارا سرنټق دسلوروه مليسيا.

فلباكي أكتيويٽي دلقسانكن أنتاران سنمروبيك، فرتنديغن تيمبغ بولا، فينلٽي بولا جاريف دان بايق لاكي يڤ مان اي برتوجوان مرياليساسيكن حسرت كراجامن موجودكن سبواه نڠارا برسوكن دان رعيت يڤ صيحت. ■

# KEBERSAMAAN DEMI RAKYAT

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Marilah kita menggandakan tahmid dan tasbih, juga melazimi ratiban istighfar serta memanjatkan doa tanpa putus kepada pemilik kerajaan bumi dan samawi iaitu Allah SWT. Mendoakan kesejahteraan kepada seluruh warga Kelantan dan rakyat Malaysia, juga buat majoriti penduduk dunia yang sedang berperang mendepani pandemik COVID-19. Selawat dan salam ke atas junjungan Nabi Muhammad SAW, ahli keluarga dan para sahabatnya, serta seluruh penyambung legasi nubuwwah sehingga akhir zaman.

Kerajaan tidak akan wujud tanpa rakyat, melalui kebersamaan pemimpin dan rakyatlah sesebuah masyarakat dibangunkan dan membentuk kerajaan. Kini kerajaan Kelantan di bawah dasar Merakyat Membangun Bersama Islam sudah melepasi usia 30 tahun. Pasca 3 dasawarsa melalut badai dan gelombang, kemarau dan tengkujuh serta pelbagai iklim politik Malaysia, Kerajaan gabungan ulama teknokrat ini masih bertahan sehingga hari ini. Akhirmya pada awal 2020 Kerajaan Kelantan telah menyertai Kerajaan Persekutuan di bawah jenama Perikatan Nasional.

Al Marhum Tuan Guru Dato' Nik Abdul Aziz amat komited membawa dasar kerajaan ini demi mendaulatkan Agama Islam sebagai ad-deen atau rujukan utama dalam pemerintahan. Bertitik tolak dari situ, agama memainkan peranan utama menyatukan fikrah pemimpin dan rakyat Kelantan. Kita dapat melihat, penubuhan institusi-institusi agama samada berbentuk rasmi mahupun tidak rasmi begitu dirasakan di seluruh negeri. Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) yang dimasyhurkan seawal Disember 1915 oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Muhammad ke IV telah memainkan peranan yang penting dalam memacu kesatuan fikrah di kalangan pemerintah, alim ulama dan rakyat jelata.

Pemuafakatan antara Islam dan keharmonian kaum non-muslim di Kelantan terkenal sejak dahulukala yang menjadi lambang toleransi peringkat tertinggi perpaduan rakyat tanpa mengira latarbelakang agama atau keturunan. Kerana itu kerajaan negeri ada melantik wakil rasmi kerajaan di kalangan kaum Cina, India dan bangsa lain untuk berkhidmat secara langsung dengan pimpinan kerajaan.

Rakyat Kelantan bukan sahaja toleransi dengan penduduk setempat, malah juga terkenal dengan sikap pemurah dengan penduduk negara luar seperti Kemboja dan Palestin. Istilah pemurah dan dermawan sinonim dalam kamus hidup mereka terutamanya apabila saudara seagama mereka dalam situasi amat memerlukan. Meskipun sedang bergelut dengan pandemik, sultan, pimpinan dan rakyat Kelantan istiqamah membuat kutipan derma Palestin sebanyak RM3.6 juta hanya dalam tempoh seminggu untuk disumbangkan kepada Tabung Kemanusiaan Palestin. Itulah salah satu bukti kebersamaan antara pemimpin dan rakyat.

Tidak dinafikan mutakhir ini semenjak kemunculan wabak COVID-19, kebersamaan antara pemimpin dan rakyat amat teruji. Warga Kelantan perlu memahami bahawa kita sedang mendepani serangan wabak yang sangat kritikal dan telah membunuh ribuan nyawa. Di sini perlunya kebersamaan dan kepercayaan rakyat kepada pemimpin dalam memahami arahan serta penetapan Prosedur Operasi Standard (SOP).

Oleh itu, marilah kita terus-menerus berdoa dan bermunajat agar warga Kelantan di segenap barisan hadapan, pertengahan dan belakang akan terus bekerjasama dalam melawan pandemik ini. Tanpa kesatuan erat masyarakat, kejayaan melandaikan lekuk wabak sukar dicapai. Insya Allah, berkat muafakat kita bersama, Allah segera memulihkan Kelantan, Malaysia bahkan seluruh dunia daripada ancaman. ■

**YAB DATO' BENTARA KANAN  
USTAZ DATO' HJ. AHMAD HJ. YAKOB**

S.J.M.K., D.J.M.K (Kelantan), J.P., S.M.K.

MENTERI BESAR KELANTAN merangkap  
PENGURUSI PERBADANAN MENTERI BESAR KELANTAN



# KEBERSAMAAN DEMI RAKYAT

## PMBK ISTIQAMAH MEMBANGUN BERSAMA ISLAM

Alhamdulillah. Puji dan syukur hanya layak buat Allah SWT. Selawat serta salam buat junjungan besar Nabi Muhammad SAW, keluarga baginda dan umatnya hingga hari kiamat.

Firman Allah SWT dalam surah At-Talak, ayat 2 dan 3 yang bermaksud: "Dan sesiapa yang bertakwa kepada Allah (dengan mengerjakan suruhan-Nya dan meninggalkan larangan-Nya), nescaya Allah akan mengadakan baginya jalan keluar (dari segala perkara yang menyusahkannya), serta memberinya rezeki dari jalan yang tidak terlintas di hatinya. Dan (ingatlah), sesiapa berserah diri kepada Allah (setelah usaha), maka Allah cukuplah baginya (untuk menolong dan menyelamatkannya). Sesungguhnya Allah tetap melakukan segala perkara yang dikehendaki-Nya. Allah telahpun menentukan kadar dan masa bagi berlakunya tiap-tiap sesuatu."

Pandemik COVID-19 telah membuka lembaran baharu kepada dunia keseluruhannya dalam pelbagai aspek termasuk sosial dan ekonomi. Vaksinasi pula adalah antara usaha yang dijalankan seluruh dunia bagi mengekang penularan wabak ke arah endemik. Inilah barangkali contoh yang boleh diberikan dalam menjelaskan perkataan ayat di atas dengan usaha yang dileluaskan Allah kepada manusia mengikut kepakaran yang ada dan konsep tawakal yang betul.

Konsep utama sebagai Muslim yang perlu secara istiqamah dipegang erat sekuat cengkaman gigitan gigi geraham adalah ketakwaan kepada Allah SWT. Takwa dalam tafsiran mudah iaitu mengerjakan segala arahan Allah dan meninggalkan larangannya. Inilah keimanan dan keyakinan yang perlu diselarikan dengan kehidupan setiap Muslim. Melalui ketakwaan kepada Allah dengan sebenar-benar takwa akan menatijahkan pertolongan Allah kepada hambanya sebagaimana tafsiran ulama dalam ayat di atas.

### Kebersamaan Demi Rakyat

PMBK merupakan agensi korporat yang secara konsisten mengambil peranan secara saksama demi kemaslahatan rakyat negeri Kelantan. Secara timbal balik, PMBK memalinkan peranan memberikan perkhidmatan terutama dalam sektor hartanah, perkhidmatan dan produk untuk rakyat Kelantan.

Selain itu, PMBK juga secara istiqamah menjalankan fungsi kebajikan dan menjadi ejen informasi kepada rakyat melalui program-program CSR di samping menerbitkan majalah Qiadah. Qiadah merupakan usaha informasi yang mengumpulkan semua bahan berkaitan kerajaan negeri Kelantan dalam medium penulisan bercetak. Alhamdulillah, usaha ini masih berterusan sehingga kini.

### PMBK Istiqamah Membangunan Bersama Islam

Kupasan Qiadah kali ini berkaitan kebersamaan demi rakyat. Ia menghimpunkan agenda-agenda kerajaan negeri Kelantan dalam memberikan perkhidmatan kepada rakyat negeri Kelantan. Pasti slogan Membangun Bersama Islam yang diguna pakai sejak tiga dekad yang lalu perlu diterjemahkan dengan usaha dan perancangan yang boleh dinikmati oleh seluruh rakyat.

PMBK pula pastinya akan terus istiqamah menggenggam slogan kerajaan ini dalam segala kerja buat yang dilakukan merangkumi urusan korporat, kebajikan dan ekonomi. Secara pasti akan konsisten menyampaikan informasi penting dalam mewarnai dunia penerbitan melalui penyampaian penulisan.

Untuk itu, tiada kata mampu diungkapkan dan tiada bahasa yang dapat dituturkan untuk menggambarkan titipan ucapan tahniah dan terima kasih kepada semua yang telah menyumbang idea dan tenaga dalam menyiapkan dokumen ini.

Semua jawatankuasa editorial, pereka grafik, jurufoto dan tentunya para penulis yang bertungkus-lumus menyelesaikan Qiadah kali ini adalah tulang belakang yang sewajarnya diberikan penghargaan dan saya hanya mampu mendoakan agar segala kerja buat tuan/puan akan diganjarkan pahala oleh Allah SWT di akhirat kelak. Insya-Allah. Amln. ■

### HJ. ABDUL RASHID MOHD YUSOFF

KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF KUMPULAN  
PERBADANAN MENTERI BESAR KELANTAN



# KEBERSAMAAN FIKRAH PEMIMPIN DAN RAKYAT KELANTAN

Oleh:  Nik Bahrum  
Nik Abdullah



30 tahun adalah suatu waktu yang agak lama. Lebih-lebih lagi apabila tidak bersama arus perdana. Ada kerajaan yang dapat bertahan satu penggal sahaja. Manakala yang lain terus berkubur dalam lipatan sejarah.

Lalu timbul pertanyaan, bagaimanakah sebuah negeri yang dikatakan mundur (dalam tulisan ini dibaca sebagai Kelantan) dan dikatakan sebagai ketinggalan dalam segenap aspek, berjaya menidakkan ramalan nujum politik?

Bahkan lebih memmeranjatkan, bermula awal tahun 2020 negeri yang dimomokkan kononnya serba ketinggalan ini direzekikan Allah dapat bersama dalam satu wadah mempertahankan kerajaan Persekutuan berjenama Perikatan Nasional (PN).

Penulis fikir, jawapan paling tuntas bagi persoalan tersebut adalah sebagaimana jawapan arkitek kejayaannya iaitu Allahyarham Tuan Guru Dato' Bentara Setia Haji Nik Abdul Aziz Nik Mat apabila ditanya berkaitan peristiwa sapu bersih kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) Kelantan, beliau menjawab "...kesepakatan antara doa makhluk di langit dan undi hamba di bumi".

Oleh itu, kata kunci keteguhan kerajaan Kelantan pimpinan ulama berslogankan Membangun Bersama Islam (MBI) ini bermula dengan kalimah kesepakatan. Bertahannya juga adalah kerana kebersamaan fikrah (pemikiran) antara pemimpin dan rakyat yang telah direalisasikan dalam pelbagai aspek kehidupan.

## Agama

Faktor agama sememangnya memainkan peranan utama dalam menyatukan fikrah pemimpin dan rakyat Kelantan. Masakan tidak, penubuhan institusi-institusi agama sama ada berbentuk rasmi mahupun tidak rasmi begitu dirasakan di seluruh negeri.

Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) yang dimasyhurkan seawal Disember 1915 oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Muhammad ke IV telah memainkan peranan penting ke arah memacu kesatuan fikrah dalam kalangan pemerintah, alim ulama dan rakyat jelata.

Undang-Undang Perlembagaan Tubuh Kerajaan Kelantan pada perkara 5 menyatakan "Adalah agama negeri ini hendaklah agama Islam sebagaimana yang dahulu-dahulu dipegang dan dijalankan di dalam negeri: ...". Manakala Yang Maha Mulla Tuanku yang menjadi ketua bagi agama negeri ini pula disyaratkan oleh bahagian dua Perlembagaan "...seorang lelaki yang beragama Islam bermazhab Ahlul Sunnah wal Jamaah; dan Bakal Raja, Waris Yang Kedua dan tiap-tiap seorang Waris-waris yang lain itu hendaklah orang yang seumpama itu juga".

Selanjutnya, kesatuan fikrah tersebut direalisasikan pula melalui pemaktuban di dalam enakmen-enakmen yang dikanunkan di dalam DUN Kelantan seumpama di dalam seksyen 2 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam 2002 yang menyatakan "Hukum Syarak" ertinya Hukum Syarak mengikut Mazhab Syafie atau mengikut mana-mana satu Mazhab Maliki, Hanafi atau Hambali".

Jika demikian ketetapan undang-undang, mana mungkin pemimpin dan rakyat tidak sefikrah dalam beragama. Telah ditetapkan secara tegas. Agama Islam



bermazhab AhluL Sunnah wal Jamaah yang secara khususnya bermazhab Syafie. Secara tersuratnya tidak sewajarnya mana-mana individu mahupun kumpulan menyebarkan fahaman yang bercanggah dengan ajaran agama Islam bermazhab AhluL Sunnah wal Jamaah sebagaimana aliran Syafie.

Alliran fahaman agama yang tidak termasuk dalam kategori tersebut tidak dibenarkan untuk disebarluaskan secara umum di dalam negeri ini. Justeru, ajaran agama yang sampai ke hati rakyat sama ada melalui titah DiRaja, khutbah Jumaat serta kelas "tafaquh" (kefahaman hukum fikah) melalui pondok dan mubaligh telah menguatkan lagi kefahaman yang menjurus kepada pola selari kebersamaan fikrah antara pemimpin dan rakyat. Inilah yang telah dibuktikan oleh rakyat Kelantan.

### **Rakyat bukan Islam**

Pemufakatan antara Islam dan bukan Islam juga wujud di negeri ini. Kelantan terkenal sebagai negeri yang serasi dengan lambang toleransi perpaduan rakyat tanpa mengira latar belakang agama atau keturunan.

dengan masyarakat Tionghua atau Maliyalam Kelantan.

Malahan acap kali apabila ditanya tahap penerimaan dasar kerajaan negeri terhadap masyarakat bukan Islam, Ahli Majlis, Majlis Perbandaran Kota Bharu -Bandar Raya Islam (MPKB-BRI), Thaigarajan a/l Ramasamy pernah menjawab "Kita ngaji di Pondok Pasir Tumbuh. Kita reti lah hukum hakam tu...".

Walaupun penulis tidak pasti tentang status pengajiannya di pondok tersebut sah atau pun sekadar berjenaka, tetapi beliau mudah sekali memahami tentang rasional hukum-hukum setiap kali isu berkaitan hal ehwal agama Islam dibentangkan di dalam mesyuarat MPKB-BRI.

Betapa tidak, hubungan Muslim dan bukan Muslim ini dijamin oleh peruntukan undang-undang Perlembagaan Tubuh Negeri Kelantan. Perkara 5 perlembagaan yang telah penulis petik sebelum ini dengan jelas dalam sambungannya menyebut "Dengan syarat segala agama lain bolehlah dijalankan dengan aman dan sempurna oleh mereka yang memegang agama-agama itu di dalam mana-mana bahagian daripada negeri."



**Pimpinan negeri bersama masyarakat Tionghua ralkan sambutan Tahun Baharu Cina 2020.**

Slapa yang tidak kenal Cikgu Lau, Pegawai Khas kepada YAB Dato' Bentara Kanan Menteri Besar Kelantan? Ungkapannya dalam ceramah dan juga coretan dalam media sosialnya menggambarkan kebersamaan fikrahnya dengan pemerintah semasa.

Sebagai penghubung antara rakyat dan pemimpin, ucapannya seperti dalam [https://www.youtube.com/watch?v=Paw6T\\_8LBwY](https://www.youtube.com/watch?v=Paw6T_8LBwY) yang bertajuk "Saya Cina sokong PAS (Parti Islam Se-Malaysia). Anda Melayu?" menggambarkan tahap kebersamaan fikrah antara pemimpin dan masyarakat bukan Islam di Kelantan yang begitu tinggi.

Cita rasa tersebut turut dikongsi oleh Lim Guang Seng, Chia Chuan Lay dan Hareetaran J. Raman, antara pemimpin yang menjadi penghubung di antara kerajaan

### **Kebersamaan menangan COVID-19**

Kelantan termasuk antara negeri terawal yang berpindah dari Fasa 1 ke Fasa 2 Pelan Pemulihan Negara (PPN) yang berkuatkuasa 5 Julai 2021 lantaran kejayaan mencapai indikator nilai ambang kes harian terbaharu, penggunaan Unit Rawatan Rapi (ICU) yang minimum dan kadar vaksinasi yang tinggi.

Komitmen kerajaan dan kepatuhan rakyat dalam mencapai 80 peratus imuniti kelompok wajar diberi pujian. Pada 10 Oktober, statistik merekodkan 911,290 (73.7 peratus) rakyat sudah mendaftar untuk menerima vaksinasi melalui aplikasi MySejahtera. Manakala 1,131,538 (59.3 peratus) sudah pun menerima suntikan dos pertama.

**Sumbangan barang keperluan dan kewangan dari kerajaan negeri Kelantan bagi bantuan bencana alam kepada Menteri Besar Kedah, Muhd Sanusi Mohd Nor di Kedlamam Rasmi Menteri Besar, Sri Mentaloon 1 semasa pandemik COVID-19 melanda negara.**



Pesan Dato' Ahmad Yakob kepada seluruh rakyat Kelantan agar sentiasa berhati-hati dan terus mematuhi prosedur operasi standard (SOP) seperti biasa kerana bermula 11 Oktober, kerajaan Malaysia membenarkan individu yang telah lengkap imunisasi untuk merentas negeri.

"Walaupun rindu berjumpa ibu bapa, keluarga dan saudara mara, apa yang lebih penting adalah melengkapkan dua dos vaksinasi terlebih dahulu. Sekiranya bergejala, saya mohon jangan balik lagi dan bertenang dahulu serta patuhi SOP yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan (KKM) bagi mencegah penularan COVID-19," katanya.

Mulai 18 Oktober pula, Kelantan sudah memasuki fasa 3 PPN dan rakyat bersedia untuk berada dalam suasana endemik. Nah, semua ini tidak mungkin terhasil tanpa rahmat dan pertolongan Allah SWT dan sekiranya tidak ada kesatuan fikrah antara pemimpin dan rakyat, sekalipun terpaksa berlawanan dengan kebiasaan dan adat.

### **Kebergantungan teguh kepada Allah**

Ketaatan beragama rakyat Kelantan memang diakui sejak kewujudan kerajaan Islam di Kelantan bermula pada abad ke-11. Sejarah merekodkan Kelantan sebagai negeri terawal di Tanah Melayu menerima Islam sekitar tahun 997M.

Natijahnya, masjid, surau dan balaisah adalah rutin utama kebanyakan rakyat. Tidak ada tempat yang kosong daripada majlis ilmu. Di seluruh dunia, wabak pandemik COVID-19 telah mengubah segalanya-galanya dan memaksa kita hidup dalam kebiasaan baharu. Masjid, surau dan balaisah menjadi sunyi. Majlis Agama Islam melalui titah DiRaja hanya membenarkan empat orang pegawai masjid sahaja mengisi ruang untuk solat fardu, solat Jumaat dan hari raya.

Jiwa rakyat Kelantan yang telah lama bersebatl dengan masjid merintih sayu namun lantaran kepatuhan kepada pemimpin adalah sebahagian ajaran agama menjadikan mereka taat. Institusi mufti telah memainkan peranan yang besar dalam mengubat duka lara hati rakyat yang taat beragama ini.

Mufti kerajaan negeri Kelantan, Dato' Muhammad Shukri Muhammad menyatakan "Masyarakat perlu sedar bahawa apa yang dilakukan kerajaan ketika ini terutamanya dalam menangani pandemik COVID-19 adalah untuk kebaikan bersama".

Menurutnya lagi, sebelum ini ada pihak yang mempersoalkan kenapa solat dihadkan di surau dan masjid sedangkan masjid adalah rumah Allah. Ramai yang mahu rapatkan saf tetapi kita sepatutnya tahu waktu darurat kena hadkan jarak, ternyata mereka tidak nampak perbezaan di waktu aman dan darurat.

Sohibul Samahah seterusnya pada 10 Jun 2021 telah tampil dalam rancangan Bicara Mufti anjuran Urus Setia Penerangan dan Komunikasi Kerajaan Negeri Kelantan (UPKN). Menurut laporan yang ditulis oleh Norzana Razaly, slot bual bicara di platform maya itu disiarkan secara langsung berdurasi 1 jam 4 minit melalui Facebook UPKN dengan sorotan tajuk "Pelaksanaan Ibadat Waktu Darurat" telah mencapai kumulatif 8,100 tontonan.

Hasilnya, sebagaimana kata-kata Pengarah UPKN, Ustaz Ahmad Fathan Mahmood bahawa program santai tersebut mendedahkan beberapa ilmu dan kaedah baharu yang dapat mendekatkan masyarakat dan ulama.

### **Kelantanku Bersih**

Kempen Kelantanku Bersih yang telah dimulakan secara rasmi sejak April 2019 bertujuan menjadikan Kelantan dikenali sebagai sebuah negeri yang bersih, indah dan ceria. RM17.5 juta telah diperuntukkan dalam Belanjawan 2021 bagi program Kelantanku Bersih, taman rekreasi dan lain-lain untuk memastikan hasrat tersebut tercapai.

Dato' Ahmad Yakob menegaskan pelaksanaan program tersebut bertujuan memastikan Kelantan dikenali sebagai sebuah negeri yang bukan sahaja dari sudut pentadbiran yang bersih malah kehidupan rakyat yang cakna kepada kebersihan kerana katanya, "kebersihan itu sangat dikasihi Allah SWT dan Nabi SAW".

Tahukah pembaca bagaimana cetusan kempen itu bermula? Laporan Harakahdaily bertarikh 5 Julai 2018



merekodkan kempen ini telah dimulakan oleh sekumpulan rakyat Kelantan terdiri daripada ahli NGO Pertubuhan Amal Perubatan Ibnu Sina Malaysia (PAPISMA) bermula pada pertengahan Mei 2018 lantaran terblarnya sisa-sisa bahan kempen Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU 14) di jalan.

Kempen tersebut kemudiannya digerakkan oleh kerajaan negeri Kelantan di bawah Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Perumahan dan Kesihatan. Bermulanya dengan rakyat disambut oleh kerajaan dan dengan kesatuan fikrah disepadukan pula oleh rakyat Kelantan yang cintakan kebersihan dan keindahan.

Selain peruntukan oleh kerajaan sama ada kerajaan negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Kempen Kelantanku Bersih juga disambut oleh pelbagai lapisan masyarakat yang lain. Lagu "Kelantanku Bersih: Jupa sapoh kutip, jange tohok koksey" di laman Youtube.

Kempen-kempen lain juga disambut secara bersemarak oleh pelbagai agensi dan rakyat. Contohnya, pertandingan kebersihan anjuran MPKB-BRI dilaksanakan dalam pelbagai kategori seperti premis makanan terbersih, tandas awam terbersih, taman perumahan terbersih dan beberapa kategori lain telah dianjurkan dan mendapat sambutan rakyat.

Hasilnya, dapat dikatakan bahawa minda masyarakat mula berubah. Suatu ketika dahulu; kotor dan rakyat Kelantan dikatakan sinonim, tetapi tidak lagi sekarang. Rakyat sudah mula lantang dan berterus-terang dalam isu berkaitan kebersihan. Lambat kutipan sampah oleh petugas kebersihan di PBT, tong sampah penuh ditepi jalan, rumput terblar panjang – antara lainnya – cepat sahaja ditegur oleh rakyat melalui media sosial. Tindakan kompaun terhadap pesalah laku kebersihan

dipuji oleh rakyat.

Fakta-fakta tersebut membuktikan secara jelas bahawa terdapat kesatuan fikrah antara pemimpin dan rakyat dalam memastikan stigma rakyat Kelantan sebagai pengotor akan terkikis daripada catatan sejarah.

### Solidariti bersama Gaza

Rakyat Kelantan juga terkenal sebagai warga yang pemurah. Istilah kedekut tidak sesekali wujud dalam kamus hidup mereka terutamanya ketika saudara seagama mereka amat memerlukan bantuan material mahupun emosional.

Meskipun terhimpit dengan dugaan tersendiri (dalam kes ini COVID-19), dalam masa seminggu sahaja sebanyak RM3,651,347.27 berjaya disumbangkan oleh rakyat Kelantan kepada Tabung Kemanusiaan Palestin.

Ketika umat Islam di seluruh dunia sedang menjalani hari-hari terakhir Ramadan 2021, dunia dikejutkan dengan tindakan biadap dan agresif pihak zionis yang menggempur Masjid al-Aqsa pada 7 hingga 10 Mei 2021.

Sebelum itu, berlakunya perintah Mahkamah Tempatan di Timur Baitulmuqaddis yang mengarahkan 13 keluarga Palestin di Sheikh Jarrah untuk mengosongkan kediaman mereka demi memberi laluan kepada pendatang Yahudi membina penempatan baharu.

Perancangan jahat tersebut telah menimbulkan bantahan besar-besaran oleh penduduk Palestin yang turut dirasai oleh masyarakat di Kelantan. Di Gaza berlaku pertempuran menyebabkan ratusan cedera dan ramai yang ditahan oleh rejim zionis. Lebih daripada itu,



mereka telah memulakan serangan udara bertali arus yang menyebabkan kemusnahan infrastruktur dan jumlah korban yang tinggi di pihak Gaza.

### **Kelantan bersatu membantu**

Sumbangan fasa pertama berjaya dikutip dalam waktu yang amat singkat kerana persepakatan fikrah antara pemimpin dan rakyat. Teladan yang ditunjukkan oleh Sultan Kelantan disambut oleh pemimpin kerajaan terdiri daripada Menteri Besar, Timbalan Menteri Besar, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan, Yang DiPertua Dewan Undangan Negeri (DUN), Kelab Penyokong Kerajaan Negeri (BBC) serta anak syarikat kerajaan negeri dan rakyat negeri Kelantan serta badan-badan bukan kerajaan (NGO).

Persepakatan fikrah antara pemimpin dan rakyat juga menghasilkan RM150,000 yang dapat disumbangkan kepada mangsa banjir kilat di Yan, Kedah pada 25 Ogos 2021. Facebook rasmi UPKN melaporkan bahawa kerajaan negeri Kelantan segera menghantar Misi Bantuan Kemanusiaan tersebut susulan bencana fenomena kepala air di Gunung Jerai pada 18 Ogos lalu.

Majlis pelepasan yang memabitkan konvoi empat buah kenderaan pacuan empat roda, dua buah lori dan 17 ahli rombongan itu disempurnakan oleh Dato' Ahmad Yakob. Sehubungan dengan itu, Exco Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita, Dato' Mumtaz Md Nawi mewakili Menteri Besar ke sana berkata, bantuan ini diharapkan dapat membantu meringankan beban mangsa terlibat tambahan pula tragedi itu berlaku pada masa penularan pandemik COVID-19 masih tinggi di Kedah.

"Bantuan kerajaan Kelantan berbentuk tunai, manakala peralatan harian seperti periuk nasi, telekung solat dan pensanitasi tangan adalah sumbangan orang ramai melalui Tabung Banjir Kedah bernilai hampir RM150 ribu", kata Dato' Mumtaz sejurus majlis pelepasan.

Tambahnya, bantuan tersebut bertepatan dengan penghayatan ibrah Hijratul Rasul yang menitikberatkan semangat persaudaraan. "Kita zahirkannya melalui Misi Bantuan Kemanusiaan Banjir Kilat Kedah", ujarinya dan turut berterima kasih kepada seluruh rakyat Kelantan yang dermawan.

Seterusnya, beliau bersama konvoi pasukan misi kemanusiaan membuat serahan sumbangan di Wisma Darul Aman yang disempurnakan oleh Menteri Besar Kedah sebelum diagihkan ke kawasan terkesan .

Delegasinya diiringi Setiausaha Politik Menteri Besar, Mohd Asri Mat Daud, Pengarah Urus Setia Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita (U-KeKWa), Ilvira Mohd Dasuki dan pegawai serta pihak Pertubuhan Sukarelawan Rakyat Kelantan (MESRA).

### **Ruang penambahbalkan**

Walau bagaimanapun, di sebalik beberapa contoh yang

telah penulis kemukakan di atas berkait dengan kebersamaan fikrah antara pemimpin dan rakyat Kelantan, masih ada ruang untuk penambahbaikan.

Antaranya sikap "hanya baca tajuk" tanpa mendalami isi kandungan sebenar dalam sesuatu berita. Sikap tersebut telah menyebabkan banyak salah faham dan kefahaman tentang apa yang sebenarnya mahu disampaikan oleh pemimpin.

Malah lebih dahsyat dari itu, mereka lantang sahaja mengeji dan mencerca pemimpin dalam ruangan komen di media sosial sehingga menimbulkan persepsi salah terhadap pemimpin. Seharusnya sikap seperti ini perlu diperbetulkan. Jentera penerangan kerajaan perlu lebih proaktif dalam membetulkan persepsi rakyat yang terpesong lantaran netizen yang bersikap begitu. Walaupun bilangan mereka tidak ramai, tetapi mereka ada dan keberadaan mereka itu boleh menghakis kebersamaan fikrah pemimpin dan rakyat.

Majlis penerangan untuk menghasilkan tulisan yang bertajuk menarik perlu sentiasa dianjurkan. Medium sosial yang ada sekarang perlu dimanfaatkan sepenuhnya. Ceramah melalui Zoom, Google Meet, YouTube atau Facebook Live hendaklah dipergiat bagi menjelaskan persoalan rakyat yang terhasil dari sikap "hanya baca tajuk".

### **Penutup**

Setelah melihat betapa pentingnya kebersamaan fikrah antara pemimpin dan rakyat, adalah diharapkan agar kebersamaan ini sentiasa dipupuk dan dibaja. Harapan kita pasakkan bersama agar kebersamaan ini sentiasa subur dan merimbun.


Anai-anai perosak permuafakatan pemimpin dan rakyat perlu dihapus dari awal sebelum rumah muafakat yang kita bina sesama kita di Kelantan ini binasa oleh mereka yang iri terhadap keharmonian negeri tercinta.

Justeru, sebarang langkah yang diambil; solusinya adalah kembali kepada kata kunci utama iaitu Islam. Pemusatan pemikiran kepada Islam dalam erti kata yang syumul adalah teras kepada segala kebersamaan fikrah. Intelektual rakyat perlu disemai. Spiritual (kerohanian) ummah perlu disiram. Life and limb (jasmani) rakyat hendaklah sentiasa dirai. Alam persekitaran yang lestari mestilah kondusif dan kehendak material rakyat juga tentulah perlu diberi perhatian. ■



**BERSATU TEGUH, BERCERAI ROBOH**

# KELANTANESE STAND TALL TOGETHER

By  Lim Peng Geok

## SKMK

Lokasi penempatan pertamaku,  
Negeri Cik Siti Wan Kembang,  
Yang kutangisi apabila surat itu sampai,  
"Cikgu ditempatkan di sekolah S di sempadan,  
Sila lapor diri sebelum 1 Januari"  
Demikian kandungan surat daripada Kementerian.

Masih segar di ingatan  
Aku mencari-cari di dalam  
peta Semenanjung Malaysia,  
Tempat yang digelar Rantau Panjang,  
Kuukur juga jauhnya daripada ibu kota; Kota Bharu,  
Berapa lama perjalanan dari KB?  
Bolehkah aku singgah sekali-sekala ke bandar ini?

Masa itu, SKMK syarikat bas tersohor,  
Syarikat Kenderaan Melayu Kelantan,  
Sampai Kelantan Mesti Kelik,

Sebab cikgu-cikgu luar minta  
keluar Kelantan setiap tahun,  
Begitu juga penulis dari Pulau Pinang ini,  
Isi borang permohonan minta balik ke negeri asal,  
Namun ditakdirkan, setiap kali isi,  
permohonan tetap tidak dilayan.

Seluruh pihak lain: SKMK -  
Sampai Kelantan Mesti Kahwin,  
Tahun keempat di Kelantan  
bertemulah dengan jejaka Ikhlas,  
Berputiklah satu kisah percintaan,  
Yang akhirnya membawa ke pelamin,  
Kerana pemuda ini setia dan sabar,  
Maka tepatlah gurauan,  
Sampai Kelantan Mesti Kahwin.

**LIM PENG GEOK**  
(Kota Bharu, Januari 2020)

**Sultan Ismail Petra Silver Jubilee Mosque  
also known as Beijing Mosque.**



Posted by the Government of Malaysia to this state umpteen years ago, I cried when I received the news that I had to report for work in the hitherto unheard of town of Rantau Panjang. I was then a young Penangite born and bred who had never been to Kelantan or knew where Rantau Panjang was. I even looked up its location in the atlas that I used to study Geography during my secondary school days. Only then did I know that Rantau Panjang is a town located on the northern border of Kelantan, not too far from Kota Bharu.

### **Love at first sight**

Adjusting to working life in Kelantan was tough, having had to struggle to live on my own and not comprehending what the local Kelantanese spoke as I did not understand the Kelantanese dialect. Every year during the first few years, I would submit my transfer forms to go back to Penang. My situation began to change after I had met and married this Kelantanese man and the scene of love at the first sight was on tuned.

Located in the north-eastern part of Peninsular Malaysia with a population of about 1.6 million, Kelantan is a state consisting of various races. Though the majority of the population are Malays, this being the heartland of the Malays, the state has a certain proportion of Chinese, Siamese, Indians and Indigenous people.

According to the Pantar Irama State Assemblyman, Honourable Haji Huzalmi bin Che Husin, the multi-ethnic groups live in harmony because they are compliant towards the policy of MMBI which is "Merakyat Membangun Bersama Islam" meaning making the people citizens and developing the state together with

ethnic groups of Kelantan as well as allows them to practise their various beliefs and cultures whilst respecting the rights of others.

### **Two-way communications**

To ensure the welfare of the non-Muslims, the Kelantan State Government has set up the Inter-Racial Integration Centre (PEKA) with the objective of taking care of the interests and harmony amongst the various races in Kelantan. Besides that, PEKA also plays the role as the official two-way communications channel between the State Government, the various ethnic groups and the various ethnic NGOs in the state.

It is an organization launched by YAB Ustaz Dato' Bentara Kanan, Haji Ahmad Yakob in March 31, 2017 led by the Chairman, Mr. Lim Guan Seng.



**PEKA's Chairman, Lim Guan Seng.**

With the COVID-19 pandemic still raging and the Movement Control Order still enforced, the livelihood of many Kelantanese has been adversely affected. As a caring State Government, RM2.7 million was allocated via the COVID-19 Care for the People Package with RM60,000 for all the 45 State Legislative Assemblymen to help their needy constituents.

On the meanwhile, RM450,000 has also been allocated for the Jejak Amal COVID-19 Komuniti (JACK) or Tracing the COVID-19 Community Charity Project, to trace the household heads whose incomes have been inadvertently reduced. The role of PEKA is hence important in helping to identify the various ethnic groups adversely impacted so that this assistance can be channeled to them and to ensure that no one is left behind.

"Islam is a religion that promotes unity. Due to that, the sense of togetherness should always be instilled in the hearts of the people of Kelantan for them to continue living together in unity and peace. These are the keys for the well-being of the people of Kelantan and should be upheld for the continual prosperity of the state", said Huzaimi.

For instance, there is a closed-circuit television Chinese businessman in Pasir Pekan, Tumpat, who puts his name Ali on his business cards as he has been known as Ali since small and not by his actual name of Ah Lee. This open minded attitude is very different from that of the Chinese community on the west coast who are more comfortable with English names like Priscilla Lee or Johnson Phang. The Kelantan Chinese do not mind adopting Malay names although they are not Muslims.

Instead of feeling awkward, they are comfortable with their Malay names. For examples, those called Ah San will be called Hassan and Hock Seng as Hussin. In fact, the Chairman of PEKA, Mr. Lim Guan Seng also has a Malay name. Since his school days, Mr. Lim has been called Hashim by his friends in school especially his football buddies.

### **Dialect fluency**

Another reason for this close relationship amongst the various races is the fluency of the various ethnic groups in speaking the unique Kelantanese dialect. The non-Malay communities in Kelantan are very close to the other races and also with the Malays in Kelantan. This is because they are able to 'kkecek Kelate' (speak) smoothly. If an outsider were to listen to them speaking the Kelantanese dialect, they may mistakenly think the



**Chinese New Year celebration and open house by Pertubuhan Tiong Hwa Kelantan.**

### **Open minded**

As such, the Chinese community in Kelantan is rather special compared with their counterparts on the West Coast. They mingle well and have good relationship with the Malays in Kelantan. The Kelantanese Chinese even have this unusual and unique characteristic whereby although they have their own Chinese names, if the particular name sounds Malay, they are more comfortable being called by their adopted Malay name.

person is not a Chinese or Indian or even Siamese because they do not have the usual slang associated with each individual race.

In fact, the ability to "kkecek Kelate" tends to draw the various ethnic groups together even when they are out of the state. I have noticed Kelantanese rattling away to each other in this common dialect when they are in other states and surrounded by non-Kelantanese. There is a sense of camaraderie or affinity around them when they do so. Many times this camaraderie even leads to

treatment of their fellow Kelantanese in these places.

Hence, knowledge and a good mastery of the Kelantanese dialect is a contributory factor towards such positive acceptance by the local Malay community. It is not uncommon even for the Kelantanese Chinese to speak the Kelantanese dialect amongst themselves when they interact with one another. Many times you may hear them communicating with each other in Hokkien, the local Chinese dialect, and then suddenly code-switch to the Kelantanese dialect out of habit, just for fun or in good camaraderie. Therefore, good mastery of the Kelantanese dialect is a strong factor for bonding and unity in Kelantan.

Besides the Kelantanese dialect, mastery of the dialects of other races is also a key factor for unity in Kelantan. Interestingly, Honorable Culture, Heritage and Tourism Committee Chairman, Major (R) Dato' Md Anizam Abdul Rahman, is a pure Kelantanese who enables to speak and understand Mandarin, Hokkien and Thai. Hence whenever he meets people in any formal or informal occasion, he preferably communicates in the audiences' mother tongue. This helps other races in Kelantan feel so proud of their leader for being united and harmonious that make Kelantanese able to stand tall together.

### Equally successful

Kelantanese stand tall together because the people are equally given the chances to be well known entrepreneurs. Who has not heard of Datuk Steven Sim, the francis founder and owner of Secret Recipe? Dato' Steven Sim was born in Kota Bharu and grew up amongst the local Malays. Fluent in speaking the Kelantanese dialect, he now has 270 restaurants in 8 countries including Australia. Datuk Steven Sim's Secret Recipe chain employs 3000 workers comprising 98% Malays.



**Datuk Steven Sim (Left), Secret Recipe receive a recognition from World Branding Awards.**



**Dato' Zang Toi (Right) with his mother in Malaysia. He was knighted by the sultan in 1997.**

Similarly, Dato' Zang Toi is another distinguished Kelantanese who rose from humble beginnings to being a renowned boutique fashion designer. He was born and raised in Kuala Kral, the youngest of seven children.

In August 1989, Zang started his own collection, the atelier House of Toi. Award-winning Zang Toi has dressed celebrities like Elizabeth Taylor and Eva Longoria to Melinda Gates and even royalty. His high-profile clients are loyal fans. The hallmark of his designs are impeccable construction and elegant styles. Dato' Zang Toi has in the past even paid tribute to Malaysia with collections denoting his roots. His 30th anniversary collection showcased his homeland when he came out with designs utilising traditional textiles such as batik, sarong and songket.

Another Chinese, Mr. Phillip Fang Seng Kok was also given the Malay name "Akok" since his childhood in Machang. Currently the general manager of BMC Travel



**Content Creator, Akok Channel.**

Kuala Lumpur and a widely travelled Kelantanese (having travelled to 60 countries).

Akok decided to use this Malay name to start his YouTube channel calling it Akok Channel which promotes the culture and language of the Kelantanese Chinese, the Kelantanese dialect, unity, the Kelantanese cuisine as well as places of interest in Kelantan and Malaysia. Akok Channel can also be accessed via Facebook, Telegram and Twitter.

Although it only started on the 28th of June 2020, the Akok Channel on YouTube currently has around 21,400 subscribers with 216 videos uploaded. Among the unique videos on YouTube are that of an elderly Kelantanese Chinese writing in Jawi entitled: "Ming Chu's mum writes in old Malay script called Jawi" and the "Gallery of the Origins of the Kelantanese Chinese in Tanah Merah". The channel has also been featured on the New Malaysian Herald.

The Kelantanese Bumiputeras are also equally successful. One very outstanding example is Dato' Wira (Dr) Ameer Ali Mydin, owner of the Mydin hypermarket chain, vice-president of the Malaysia Retail Association and head of the Bumiputera Retailers Organisation. The grandson of Indian immigrants, Ameer Ali Mydin, was born in Kota Bharu. He inherited the Mydin business from his father Mydin Mohamed Ghulam Hussein, who started it in 1957.

As Operations Director of Mydin Mohamed Holdings Bhd, Ameer Ali Mydin expanded Mydin until it now operates more than 95 branches all over Peninsular Malaysia with a varied business chain covering emporiums, big supermarkets, convenience stores and also mini markets.

Mydin is among the biggest retail and wholesale business in Malaysia with annual sales of more than

RM1.6 billion. The Mydin Group is also involved in the TUKAR (Transformation of Sundry Shops) programme to modernise traditional sundry shops.

He has won numerous awards for his entrepreneurship and leadership, among them the 2014 National Expert by the Human Resource Ministry, Malaysia Business Leadership Awards 2009 under the category of Master CEO of the year 2009 by the Kuala Lumpur Chamber of Commerce and the Asia Pacific International Entrepreneur Excellence Award 2009.

### **Amongst the richest**

It has also been said that Kelantanese are amongst the richest in Malaysia for they are smart in making use of available opportunities. For instances, they will operate their business only in locations where other businesses and people congregate.

They are also very united. The bazaar or free trade zone traders in the state are united in determining that the price of items for sale are similar. If a particular item in their shop has run out, they are willing to look for the same item in other shops to meet their customers' needs as well as help their neighbours' sales.

### **Deep affinity**

Branding is another business strategy of this state, as certain brands, for example food products bear Malay names or signify that it is manufactured by the Malays themselves such as 'Sos Pencicah Cik Nah' atau 'Keropok Segera Cap Keropok dan Pinggan'. Sometimes certain logos like the keris (a short Malay weapon), domes of mosques and so on are used. The Kelantanese dialect is also used in labelling budu products as 'Budu Tersohor Kelate!', indirectly making them consumer friendly.

The Kelantanese have a deep affinity for doing business either because of family influence or their own inclination. The people here are known for their liking for trade especially when there is a demand. The famed tourist attraction, the Pasar Besar Siti Khadijah has the unique characteristic of being predominantly run by women! There are also numerous trading outlets like the Wakaf Che Yeh Wholesale Market, KB Mall, KB Bazaar, Buluh Kubu Bazaar, Tok Guru Bazaar, Rantau Panjang Free Trade Zone Trading Centre and Pengkalan Kubur Free Trade Zone.

The last factor would be the ever ready attitude of the Kelantanese themselves. They can start their business wherever they may be even if they are not in Kelantan. Their discipline and friendliness towards their customers also help them to succeed. Undoubtedly, there are those who are forced into it to carry on the family business or out of the need to support their families.



◀ **Datuk Dr. Ameer Ali bin Mydin.**



Prof. Dr. Lim Swee Tin.



Photo: Facebook

### **Inter-racial marriage**

Besides business, other Kelantanese have also made the state proud with their achievements in the literary world. Associate Professor Dr. Lim Swee Tin, is a renowned prolific writer of various literary works in Malay. Born in Bachok, Kelantan, Dr Lim is the son of a Hokkien Chinese immigrant from Fujien, China and a Thai mother who has settled down for many generations in Bachok, Kelantan.

Being the offspring of an inter-racial marriage, Dr. Lim grew up amidst the predominantly Malay community and became very well-versed in the Malay Language. He said that one contributing factor that motivated him to continue writing was his environment particularly the Malay way of life and culture around him in Kelantan. The renowned and accomplished Dr Lim is a non-Malay who stands tall together with other Kelantanese.

### **Conclusion**

In the nutshell, unity, harmony and the ability to speak the Kelantanese dialect are among the factors that have enabled the multi-ethnic groups in this state to thrive and succeed together. These coupled with strong business acumen and industry have helped propel many to greater prosperity. Whereas those endowed with specific talents nurtured by the diverse environment of the state have reached the pinnacle of their career and brought glory and honour to the state and the nation. Kelantanese stand tall together. ■

# ZON INDUSTRI AKUAKULTUR MANFAAT LADANG SOLAR DAN ESTETIK IKAN KEPADA RAKYAT



Oleh: Norzana Razaly

## Pendahuluan

Pelan Induk Pembangunan Danau Tok Uban (DTU) Eco Green Park seluas 1,100 ekar telah disediakan oleh kerajaan negeri Kelantan bagi memastikan pembangunan di kawasan Tasik DTU bersistematis dan terancang rapi.

Pembangunan DTU Eco Green Park ini selaras dengan Pelan Induk Pembangunan Mampan Negeri Kelantan (PIPM) yang memfokus kepada pelaksanaan agenda pembangunan sosioekonomi negeri merangkumi pihak yang berkepentingan, termasuklah kerajaan negeri, agensi kerajaan, sektor korporat dan swasta, para sarjana serta rakyat secara amnya.

Antara lain, matlamat PIPM adalah untuk mengharmonikan tiga elemen teras pembangunan, iaitu pertumbuhan ekonomi, pembangunan sosial dan perlindungan alam sekitar. Oleh itu, salah satu langkah yang diambil oleh kerajaan negeri bagi memastikan matlamat ini tercapai ialah dengan melantik Kelantan Utilities Mubaarak Holdings Sdn. Bhd. (KUM) sebagai rakan strategik dalam membangunkan industri teknologi hijau di Kelantan.

## Latar lokasi

Danau Tok Uban terletak di koordinat 5°58'02.5"N 102°08'27.7"E sebelum ini popular dengan Taman Rekreasi Danau Tok Uban dan Masjid Putih tajaan Sultan Brunei Darussalam yang berlatar belakang Bukit Panau dalam jajahan Tanah Merah, sedangkan danau ini pula terletak di dalam daerah Pasir Mas.

Kini, DTU yang terkenal dengan tarikan pelancongan dek peninggalan sejarah ini dipilih pula sebagai pusat projek berinovasi yang menyokong pelan pembangunan mampan negeri Kelantan untuk dimajukan sebagai lokasi hab pembangunan pusat pelancongan bergaya moden seumpama Projek Solar Akuakultur Terbesar Dunia di Cixi, Zhejiang, China seluas 1,300 ekar.

## Projek Tenaga Solar Terapung

Ladang solar terapung di atas permukaan tasik DTU seluas 164 ekar adalah projek usaha sama pintar antara KUM, syarikat induk milik penuh Perbadanan Menteri Besar Kelantan (PMBK) dengan syarikat swasta, Cypark Resources Berhad (Cypark) melalui anak syarikatnya iaitu Cypark Etsuary Solar Sdn Bhd dan Cove Suria Sdn Bhd.

Cypark Etsuary dan Cove Suria membangun dan mengendalikan ladang solar terapung berkapasiti 100MW tenaga solar terapung berskala besar terdiri daripada 247,830 panel solar yang akan menjana 259,004 MWh kuasa setahun dan berupaya menyalurkan tenaga kuasa elektrik kepada kira-kira 86,000 isi rumah dan menjimatkan purata 178,713 tan metrik karbon dioksida setiap tahun.

Timbalan Menteri Besar, Dato' Mohd Amar Abdullah berkata, projek bernilai RM500 juta itu adalah bukti komitmen kerajaan negeri untuk merealisasikan visi Pembangunan Mampan Negeri Kelantan bagi menyokong Pelan Strategik Negeri Kelantan dan PIPM.

Menurut beliau lagi, projek ini memberi tumpuan kepada peningkatan kualiti hidup rakyat melalui kehidupan masyarakat yang mesra alam dan melibatkan pelaksanaan ciri-ciri cekap tenaga seperti penggunaan tenaga boleh diperbaharui dan teknologi hijau.

"Kita lihat ladang solar terapung mempunyai peluang yang baik untuk menjana kuasa dengan kos yang rendah dan tidak akan menjejaskan ekosistem", katanya ketika berucap dalam majlis perasmian pada 1 April 2021.

Pengarah Projek, Datuk Ahamad Kamel Ismail memaklumkan buat masa ini semua kerja pemasangan panel solar, tiang elektrik dan kawasan fasiliti elektrik berjalan serentak dan dijangka siap pada bulan September atau Oktober bergantung kepada kelonggaran yang diberikan oleh pihak berkuasa berikutan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0.

"Sehingga 15 Julai, hanya 50 peratus kekuatan tenaga kerja digunakan untuk mengawal penjarakan sosial semasa bekerja", kata Ahamad Kamel ketika dihubungi. Pembinaan dan pemasangan panel solar telah mencapai 25 peratus proses pemasangan sehingga pertengahan Julai, sebanyak 4 daripada 20 buah pulau panel solar sudah siap dipasang yang mana setiap pulau mempunyai 12,000 unit panel solar.





### **Zon Industri Akuakultur**

Susulan pengisytiharan Tasik DTU sebagai Zon Industri Akuakultur (ZIA) bagi meningkatkan hasil pengeluaran sektor terbabit di bawah Dasar Pertanian Negara Ketiga (DPN3), Jabatan Perikanan Malaysia merancang untuk meningkatkan pengeluaran sektor akuakultur negara yang dibangunkan bagi memulihara sumber dan ekosistem semula jadi kawasan tasik tersebut.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani, Bioteknologi, Teknologi Hijau dan Alam Sekitar negeri, Ustaz Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail berkata, tasik tersebut akan dilengkapi fasiliti sesuai dengan pemilikan status ZIA dengan pembangunan terancang.

"Pada tahun 2019, terdapat 274 sangkar dengan 35 penternak telah meningkat kepada 406 sangkar pada tahun 2020. Terkini sehingga Jun 2021, terdapat peningkatan 557 petak sangkar ikan air tawar antaranya tilapia, lampam, keli dan kelah ditenak di estet ikan seluas 607 hektar", katanya.

### **Aktiviti Pelancongan Terbesar di Asia Tenggara**

Tasik DTU terletak di Kampung Tok Uban dalam daerah Pasir Mas adalah tempat pelancongan yang menarik. Terletak hampir 20 kilometer dari bandar Pasir Mas, tasik ini menyediakan pemandangan yang indah dihiasi rimbunan hijau memberi suasana yang penuh nyaman bagi mereka yang inginkan suasana tenang dan sesuai untuk perkelahan bersama keluarga.

Tasik DTU juga terkenal sebagai salah satu lubuk bagi Pemandang kerana terdapat beberapa spesis ikan air tawar yang membiak di dalam tasik tersebut secara semula jadi antaranya baung, talapia, kelah, lampam dan sebagainya.

Pembangunan Eco Green Park DTU meliputi 15 ekar tanah milik kerajaan negeri Kelantan yang dikenal pasti untuk dijadikan hab pelancongan yang berhadapan dengan sumber air, akses perhubungan dan tenaga yang lengkap.

Faktor tersebut berpotensi menjadi tarikan pelancong melalui Integrasi ladang solar terapung fotovoltaik (PV) yang diintegrasikan dengan industri akuakultur serta aktiviti pelancongan terbesar di Asia Tenggara dan yang kedua terbesar di dunia selepas China.



## Manfaat kepada rakyat

Pengisytiharan Tasik DTU sebagai kawasan ZIA akan merencanakan tiga sektor pembangunan bersepadu iaitu;

- a) Projek Teknologi Hijau Solar
- b) Projek Akuakultur Ikan Sangkar
- c) Projek Pelancongan

Ketiga-tiga projek tersebut pemangkin peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan. Sekali gus menjadikan Kelantan berpotensi menandingi negeri di negara lain yang sudah lama mewujudkan sistem Integrasi sedemikian.

Tambahan pula, Kelantan mempunyai fasiliti semula jadi yang sangat menarik ditambah pula dengan pembangunan Projek Solar Terapung seluas 40 hektar di Tasik DTU membuka 300 peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan.

Aset sumber alam tersebut juga mampu menggalakkan pertumbuhan ekonomi dan menambah pendapatan penduduk setempat bagi menarik ramai pelancong ke DTU dengan mengusahakan perniagaan gerai makanan di sepanjang jalan, restoran dan chalet terapung dan jeti riadah serta sukan air.

Dato' Mohd Amar menyatakan, Kelantan cukup bertuah kerana Cypark memilih Kelantan sebagai lokasi pelaburan. "Walaupun mereka sudah mempunyai tempat lain untuk berbuat demikian dan menyifatkan projek tersebut sebagai satu kejayaan cemerlang kepada projek pembangunan yang melibatkan teknologi baharu solar terapung di Malaysia. Kita turut mengemukakan cadangan kepada syarikat berkenaan supaya menjadikan lokasi ini sebagai pusat pembelajaran untuk pelajar sekolah melihat penggunaan teknologi hijau menerusi aktiviti lawatan", katanya.

Statistik Jun 2021 merekodkan 77 nelayan sungai merah pendapatan lumayan dengan tangkapan 55.626 metrik tan ikan sebulan. Anggaran pendapatan nelayan tersebut bersamaan RM1,200 sebulan dengan jangkaan jumlah nelayan meningkat kepada 140 orang yang bakal mengikuti program Industri akuakultur kendalian Jabatan Perikanan Kelantan di DTU.

## Kesimpulan

Kerajaan negeri Kelantan pimpinan Ustaz Dato' Bentara Kanan Haji Ahmad Yakob terus berdaya maju membangunkan projek Eco Green DTU. Sekali gus, membuka ruang penyelidikan baharu dalam teknologi solar dan industri akuakultur serta produk hiliran.

KUM selaku agensi yang bertanggungjawab mewakili Kerajaan negeri Kelantan, membawa visi menjadikan Projek Integrasi Projek solar terapung, estet ikan dan hab pelancongan negeri Kelantan yang menawarkan banyak peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan.

Ketiga-tiga projek mega di ZIA ini dijangka menjadi batu loncatan untuk membina lebih banyak peluang bagi meningkatkan sosioekonomi rakyat pada masa akan datang terutamanya dengan komitmen kerajaan Persekutuan dalam memastikan sektor teknologi hijau dan tenaga boleh diperbaharui adalah sebahagian daripada rangka tindakan ekonomi masa hadapan Malaysia. ■

ستيشين ميك اوي

Satu Tempat  
Aneka Pilihan  
Makanan

# STESSEN MEK AWEY

Niaga Anak Muda  
Urus Setia Belia dan Sukan Kelantan

U-Bes  
Urus Setia Belia dan Sukan  
Kelantan



District 50  
Bandar Baru Tunjong



*Suata Inisiatif*

f Urus Setia Belia dan Sukan Kelantan

@ubeskelate

## PAKEJ BILIK DUYONG MARINA & RESORT

DUYONG  
MARINA & RESORT  
TERENGGANU



RM  
**280**  
2 HARI 1 MALAM

LAYARI LAMAN SESAWANG KAMI :  
<https://duyongmarinaresort.com.my/>



Beautiful  
Terengganu  
Malaysia



TEMPAH SEKARANG  
**09 627 7888**

# PEMBANGUNAN SOSIO EKONOMI KOMUNITI DESA MELALUI AGRO NIAGA



Oleh: Dr. Riknorhakis Ridwan

## Pengenalan

Pembangunan sosioekonomi ialah usaha meningkatkan taraf hidup berkualiti dan kesejahteraan komuniti setempat yang wajar dilaksanakan oleh komuniti sendiri atau bekerjasama dengan agensi kerajaan negeri Kelantan dengan melibatkan peruntukan besar dan teknologi bersesuaian.

Kerajaan negeri Kelantan melalui portfolio Pertanian dan Industri Asas Tani berperanan membantu Badan Bukan Kerajaan (NGO) merangka strategi pembangunan sosioekonomi komuniti melalui agro niaga sehingga menghasilkan kejayaan dalam program terancang yang dilaksanakan oleh komuniti di Pengkalan Chepa melalui Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) dan Kelab Komuniti Tani-temak Pasir Mas (KITABINA).

## Kesediaan pengamal dan peserta

Kejayaan pembangunan sosioekonomi komuniti bergantung kepada kesediaan peneraju selaku Jawatankuasa Koperasi atau NGO Komuniti merangkumi pendekatan yang dipraktikkan dan kebersediaan mereka berkongsi pengalaman pada peringkat lapangan amat membantu kelancaran perancangan dan pelaksanaan program pembangunan komuniti setempat khususnya di desa.

Manakala pada pihak komuniti pula, penyertaan ahli komuniti itu sendiri memerlukan kesediaan untuk mengalami perubahan sikap melalui pendidikan yang memerlukan aktiviti komunikasi untuk sedia belajar ilmu baharu, berunding dan berpakat sesama ahli komuniti ke arah usaha positif dalam bidang yang diceburi.

Oleh itu, keperluan pendidikan dan latihan khusus untuk melahirkan para pekerja pembangunan komuniti yang mahir dan terlatih adalah proses penting kepada pembangunan sosioekonomi yang membawa kepada kemajuan cetusan komuniti itu sendiri.

## PPK PENGKALAN CHEPA – Projek Bersepadu Tanaman Banggol Melon

Melon atau Tembikal Susu Hibrid kaya dengan pelbagai khasiat dan berpotensi tinggi pada masa kini serta mempunyai pasaran luas di seluruh negara. Terkini di Kelantan, projek pertanian melon diusahakan di kawasan seluas 24 hektar di Kampung Banggol, Pengkalan Chepa, Kota Bharu.

Menurut Timbalan Menteri II Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) (pada ketika itu), Dato' Che Abdullah Mat Nawi, nama Banggol Melon diberi bersempena dengan lokasi penanaman buah melon di kawasan Kampung Banggol.

"Nama ini diambil sebagai simbolik dengan nama kawasan tempatan tersebut dan tanaman Banggol Melon ini buat pertama kalinya diperkenalkan menerusi Projek Bersepadu Pertanian Banggol, PPK Pengkalan Chepa", katanya ketika dihubungi, 15 Ogos lalu.

Tambah beliau, Banggol Melon mempunyai kualiti terbaik dengan kemanisan mencapai 15 peratus Brix. Teksturnya menyerupai tembikal susu tetapi kulitnya kuning dan isinya jingga serta baunya sangat harum mampu menarik minat pembeli.

## Penanaman dan penjagaan

32 peserta projek penanaman Banggol Melon menggunakan kaedah fertigasi telah memasuki musim kedua bermula 5 Julai 2021. Teknik tersebut dipraktikkan bagi memudahkan para petani mengusahakannya secara komersial dan meminimumkan penyelenggaraan selepas peneaian dalam tempoh 60 hari.





Bagi memastikan kesegaran buah, cara penanaman dan penjagaan melon perlu diteliti melalui lapan langkah berikut;

1. Merancang jadual penanaman, pembajaan dan penuaian bagi memastikan tanaman dapat mengeluarkan hasil pada kualiti piawai standard dan dapat dijual pada musim yang sesuai.
2. Penyemaian benih yang berkualiti sahaja dipilih untuk disemai di dalam dulang bagi memastikan hanya anak pokok melon yang sihat dapat ditanam.
3. Pemindahan anak benih boleh dilakukan pada usia antara 10 hingga 15 hari.
4. Proses lilitan pada buah melon bagi mengelakkan pokok menjalar ke arah lain atau pun tidak nalk mengikut lilitan yang disediakan.
5. Proses pemangkasan untuk membuang tunas yang keluar dari batang utama.
6. Pemilihan baja berkualiti dapat memastikan kesuburan pokok dan kesegaran buah melon.
7. Proses pendebungaan dilaksanakan dengan menggosokkan stamen bunga jantan ke stigma bunga betina bagi meningkatkan hasil.
8. Penuaian melon dibuat apabila daun pengasuh (flag leaf) kering dan diikuti tanda retak di sekeliling pangkal buah.

Kemudian, semua hasil diasingkan mengikut saiz dan dibuat pengredan untuk menentukan harga pasaran.

### **Jana pendapatan lumayan**

Komuniti PPK Pengkalan Chepa mampu meraih pendapatan lumayan harga jualan hasil usaha tani Banggol Melon mereka berpurata RM2 sekilogram. Di samping itu, peserta tersebut juga memperoleh pendapatan melalui tembikai jenis Merah Boci, Apollo dan Jack Dew.

Perkara tersebut dijelaskan oleh Che Abdullah dengan kenyataan, setiap peserta yang terlibat dengan Projek Bersepadu Pertanian Banggol telah mengusahakan 0.9 hektar yang memberi hasil lumayan RM20,000 kepada setiap penanam dengan penjualan 20 metrik tan buah pada setiap musim.

"Secara purata, 960 metrik tan dengan anggaran pendapatan RM1.44 juta setahun hasil tembikai tiga musim pada setiap tahun. Tambahan pula, penanaman Banggol Melon ini hanya mengambil masa tiga bulan," katanya.

### **Sokongan agensi kerajaan**

Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) sangat membantu dalam memasarkan hasil pertanian melalui pembukaan dua Pasar Segar Terkawal (PST) di Kelantan bagi memberi ruang kepada usahawan tani memasarkan produk masing-masing ketika dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0.

Pengarah Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Kelantan, Wan Nora Wan Ahmad berkata, salah satu PST dibuka di tapak Pasar Tani Kekal Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC) Tunjong yang menempatkan 250 peniaga. Manakala sebuah lagi di Pusat Operasi FAMA Machang yang dikendalikan oleh empat kakitangan bagi membantu memasarkan produk usahawan tani.

Ringkasnya, komuniti desa amat wajar terlibat secara langsung dalam industri pertanian yang berpotensi tinggi menjana pendapatan ahli. Buktinya, Projek Bersepadu Pertanian Banggol yang diusahakan PPK Pengkalan Chepa telah berjaya menanam dan memasarkan Banggol Melon sehingga beroleh pendapatan lumayan.

### **KITABINA - Pertanian Bersepadu Berteknologi Tinggi**

Kelab Komuniti Tani-ternak Pasir Mas (KITABINA) yang beroperasi di Kampung Beta, Pohon Buloh, Pasir Mas, Kelantan, ditubuhkan pada 11 Januari 2021 khas untuk membantu menyelesaikan masalah golongan B40 dan perantau Kelantan yang hilang pendapatan akibat Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Pengerusi KITABINA, Fadly Zakaria memaklumkan KITABINA diwujudkan atas kesedaran pentingnya penjaan semula ekonomi kepada kumpulan B40, belia dan armalah yang terjejas akibat PKP kesan penularan pandemik COVID-19.

Tidak terkecuali, anak perantau Kelantan yang berdepan ujian kehilangan sumber pendapatan juga terpaksa pulang ke kampung untuk meneruskan kehidupan. Dari sinilah tercetus idea penduduk kampung untuk mencadangkan penubuhan satu permuafakatan masyarakat yang bertindak menjaga kebajikan anak-anak mukim tersebut.

Persetujuan dicapai setelah mendapat khidmat nasihat daripada pihak pendaftaran pertubuhan (ROS) agar kelab komuniti itu diperluaskan ke peringkat jajahan Pasir Mas dan dinaungi oleh Penghulu Mukim Alor Buloh, Afendi Mat Nawi.

"Ikhtiar menjana pendapatan disepakati melalui aktiviti pertanian bersepadu dan berteknologi tinggi. Oleh itu, kami bertani dan menternak di atas tanah ahli KITABINA berkeluasan satu ekar di Kampung Beta", katanya mewakili warga KITABINA yang mampu menjual cendawan segar RM10 sekilogram.

### 10 Plot Perintis Projek Agro Niaga

KITABINA menyedilkan pelan 10 plot projek perintis model pertanian bersepadu berteknologi tinggi bermula pada Februari 2021 dengan pembinaan Plot 1, Rumah Cendawan Pintar berinovasi Internet Kebendaan (IoT), disusuli Plot 2 Fertigasi dan Plot 3 Akuaponik. Manakala, Plot 4 pula Kafetaria yang menjual makanan berasaskan tanaman cendawan, sayuran dan ternakan ikan KITABINA dan Plot 5 Hugelkultur dan Holtikultur.

Seterusnya, Fadly berkongsi perencanan KITABINA pada tahun 2022 yakni untuk melaksanakan lima lagi bidang pertanian iaitu Plot 6 Ternakan Ayam/Puyuh Organik disusuli Plot 7 Madu Kelulut, Plot 8 Kambing dan Biri-biri, Plot 9 Baja Kompos dan Plot 10 Pengurusan Sisa Pepejal.

### Sokongan Kerajaan dan Korporat

Fadly mengakui aktiviti tani-ternak KITABINA lebih lancar dengan sokongan material dan moral daripada kerajaan negeri Kelantan dan agensinya serta badan korporat.

"KITABINA amat berterima kasih kepada Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani, Bio-teknologi, Teknologi Hijau dan Alam Sekitar Negeri Kelantan, Ustaz Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail yang menambah dana RM10,000 ke atas modal permulaan kami bagi memulakan perniagaan cendawan tiram hasil tanaman sendiri di rumah cendawan Fasa 1 yang dibina secara bergotong-royong sesama penduduk kampung dengan modal permulaan sebanyak RM28,000. Tidak terkecuali peranan Ahli Parlimen Pasir Mas, Ustaz Fadhli Shaari dalam menjayakan pembinaan rumah cendawan pintar fasa kedua yang lebih canggih dengan pembiayaan RM15,000," jelasnya.

Menurut Fadly lagi, kunjungan Che Abdullah pada 3 Julai lalu ke tapak projek Fertigasi sumbangan Jabatan Pertanian Kelantan adalah motivasi untuk bella yang mengetuai pasukan teknikal KITABINA, terus menerokai sektor pertanian berteknologi tinggi.

Sehubungan itu, dalam usaha meremajakan bidang pertanian, Che Abdullah menyarankan lebih ramai belia menceburi sektor tersebut dengan menerapkan idea kreatif berasaskan teknologi IR 4.0.

Ketika mengadakan lawatan kerja ke KITABINA, Ahli Parlimen Tumpat itu berkata, timbal balik sektor pertanian dengan penglibatan anak-anak muda yang kreatif dapat memaksimumkan hasil pengeluaran pertanian bermutu tinggi dan boleh dieksport.



## Kecanggihan prasarana

Di samping itu, sektor korporat seperti Telekom Malaysia (TM) juga amat komited membantu menyedkakan prasarana telekomunikasi terkini di lokaliti desa. Fasiliti tersebut membolehkan sistem IoT rumah cendawan pintar, plot fertigasi dan akuaponik KITABINA saling berhubungan dalam rangkaian bersepadu terus ke kafe KITABINA sebagai pusat pemasaran produk akhir hasil pertanian.

Contohnya, pengunjung rumah cendawan pintar boleh memilih cendawan, sayur dan ikan menerusi aplikasi yang disediakan dan menempah menu untuk hasil tani tersebut dimasak di kafe KITABINA.

Sistem pengurusan kewangan dan perakaunan KITABINA pula dibantu selia oleh Kumpulan Pertanian Kelantan Berhad (KPKB) dengan penganjuran webinar usahawan tani. Menariknya, sistem pengurusan tersebut juga disokong oleh TM melalui kecanggihan teknologi pengkomputeran awan (Cloud Computing) untuk menyimpan, mencapai data dan aplikasi dengan menggunakan Internet selain daripada komputer di pejabat.

## Kursus anjuran KPKB dan sokongan TM

Sistem pengurusan kewangan dan perakaunan KITABINA pula dibantu selia oleh Kumpulan Pertanian Kelantan Berhad (KPKB) dengan penganjuran webinar usahawan tani.

Menariknya, sistem pengurusan tersebut juga disokong oleh pasukan TM One yang memberi khidmat nasihat tentang aplikasi teknologi pengkomputeran awan (Cloud Computing) untuk menyimpan, mencapai data dan aplikasi dengan menggunakan Internet selain daripada komputer di pejabat.

## Harapan Sultan Kelantan

Menerusi titah perasmian Istiadat Pembukaan Persidangan Kali Pertama, Penggal Ke-4 Dewan Negeri Kelantan Ke-14 Tahun 2021, Sultan Muhammad V berharap kerajaan Kelantan memberi fokus kepada pemerksaan "Food Security". Hal tersebut diluluskan di bawah Rancangan Malaysia Ke Dua Belas (RMK-12) untuk mewujudkan "Jelapang Makanan Negara" bertujuan mengurangkan kebergantungan kepada makanan import.

"Beta berharap langkah pemerksaan ini akan berjalan seiring dengan pemerksaan Pengurusan Sijil Halal bertepatan dengan perintah Allah SWT yang mengkehendaki hamba-Nya mencari yang halal lagi baik bersesuaian dengan dasar Merakyatkan Membangun Bersama Islam", titah baginda.

## Kesimpulan

Pembangunan sosioekonomi komuniti desa bergantung kepada kekreatifan penerajunya merancang hala tuju aktiviti agro niaga mereka secara sistematik dan berwawasan untuk memodenkan sektor pertanian selari peredaran zaman.

Semoga kerajaan terus memberi bantuan dari segi latihan mahupun kewangan agar kemajuan sosioekonomi komuniti desa melalui industri agro niaga semakin dinamik selari dengan slogan "Bertani Satu Ibadah". ■



# Aidiladha

Oleh: Ade Irma Suryani Che Leh

## PUPIK SEMANGAT KEBERSAMAAN DALAM NORMA BAHARU



Penularan wabak COVID-19 sejak dua tahun lalu merubah segala-galanya. Daripada kehidupan rutin, sektor ekonomi dan bidang pendidikan sehinggalah sambutan perayaan. Malah tidak ada tanda wabak ini akan reda, bahkan kes terus melonjak ekoran pelbagai virus yang ganas dengan kadar kebolehsangkitan yang sangat cepat. Masyarakat terikat dengan norma baharu dan Prosedur Operasi Standard (SOP) yang ketat.

Buat kali keduanya tiada lagi solat sunat Hari Raya Aidiladha (atau disebut juga Hari Raya Korban dan Hari Raya Haji) berjemaah di surau dan masjid. Tiada lagi aktiviti ziarah-menziarahi rumah sanak-saudara dan jiran-tetangga. Tidak juga kedengaran riuh tawa dan canda mesra kala melapah ternakan korban serta menyiapkan juadah buat tetamu yang berkunjung. Momen ini pasti dirindukan oleh sesiapa pun.

Terkesan dengan situasi tersebut, ibadah ini disambut dengan suasana yang amat sederhana. Hanya peranti dan skrin sebagai penghubung kasih, pengerat cinta dan kemesraan dalam ruang yang amat terbatas. Apa pun keterbatasan waktu, ruang dan jarak tidak menjejaskan kemerlahan hubungan yang sedia terpupuk bukan sahaja sesama keluarga, sanak saudara atau tetangga, bahkan antara pemimpin dan rakyat yang sedia erat sejak berzaman. Misalnya, Kebawah Duli Yang Maha Mulla Sultan dan Yang di-Pertuan Negeri Kelantan, Sultan Muhammad V sendiri turut mengurniakan ternakan korban, menyembelih dan mengagihkan kepada rakyat yang layak.

Hal yang sama turut dipraktikkan oleh pemimpin lain membuatkan hubungan itu tampak sangat manis. Semangat kebersamaan antara pemimpin dan rakyat serta sikap saling menghormati inilah membuatkan setiap arahan yang dikeluarkan oleh kerajaan negeri dipatuhi tanpa banyak persoalan. Kepelbagaian etnik dan budaya yang hidup dalam suasana muhibah menambahkan "halwa" dan kemanisan untuk dihayati oleh setiap golongan masyarakat.

### Patuhi titah Sultan

Melihat kepada perkembangan penularan wabak yang begitu membimbangkan, KDYMM Sultan Muhammad V menitahkan rakyat Kelantan kekal mematuhi arahan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang masih berkuat kuasa. Rakyat tidak dibenarkan merentas negeri untuk pulang berhari raya di kampung halaman.

"Tidak berjumpa dengan ibu bapa sewaktu pandemik bukan bermakna tidak menyayangi mereka. Sebaliknya, ia adalah pilihan yang bertanggungjawab demi melindungi keluarga masing-masing. Apabila kita tidak berjumpa mereka, kita tidak mendedahkan mereka kepada risiko jangkitan virus COVID-19 yang kini mempunyai mutasi yang semakin ganas dengan kadar kebolehsangkitan yang lebih tinggi." Titah baginda melalui kenyataan rasmi lima hari sebelum Aidiladha bagi tahun 1442.

Baginda turut berpesan agar rakyat sentiasa berwaspada dan tidak alpa dalam mematuhi garis panduan yang ditetapkan supaya tidak dijangkiti virus berkenaan memandangkan kes di Kelantan masih tinggi (tiga angka). Berikutan peningkatan kes di seluruh negara yang membimbangkan, Sultan Muhammad V juga menasihatkan pembukaan masjid dikekalkan mengikut ketetapan yang sedia ada.

Rakyat diseru mengambil iktibar daripada kluster masjid yang berlaku sebelum ini dengan melakukan pencegahan sendiri kerana virus tersebut tidak mengenali orang, tempat dan waktu. Sebagaimana sabda Rasulullah SAW yang dirwayatkan oleh Bukhari dan Muslim yang bermaksud, "Yang sakit jangan mendatangi yang sihat".

Seterusnya baginda berharap rakyat bersabar menepuhi kesukaran ini dan berganding bahu bersama petugas kesihatan untuk meringankan beban mereka, selain mengajak rakyat terus berdoa agar keluk kes di seluruh negara dapat dilandaikan secepat mungkin.



## Pelaksanaan ibadah korban bersyarat

Sementara itu, Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) membenarkan pelaksanaan ibadah korban dengan syarat sebagaimana pemakluman oleh Yang Dipertua MAIK laltu Tengku Tan Sri Dato' Haji Mohamad Rizam Tengku Abdul Aziz: "proses penyembelihan hanya dibenarkan di masjid bandar, jajahan dan mukim serta perlu mendapatkan kelulusan MAIK. Kebenaran tersebut dibuat berdasarkan Mesyuarat Khas Mengenal Ibadah Korban dalam tempoh PKP 3.0 pada 1 Julai lalu."

Jelasnya, "bilangan petugas bagi penyembelihan lembu atau kerbau, tidak melebihi 10 orang. Manakala penyembelih kambing atau bebiri tidak melebihi lima orang. Peserta yang menyertai ibadah korban hanya perlu mewakilkan penganjur bagi menyempurnakan akad dan wakalah."

## Keakraban hubungan

Tokoh ilmuan tersohor, Profesor Emeritus Datuk Nik Safiah Karim tidak menyangkal kemeriahan sambutan Hari Raya Aidiladha dan keakraban hubungan antara pemimpin dan rakyat di Kelantan.

Menurut beliau, sambutan Hari Raya Haji lebih bererti dan meriah dalam kalangan masyarakat Pantai Timur khususnya di Kelantan dan Terengganu. Di Kelantan, kemeriahan dan makna Aidiladha tidak hanya dirasai dalam kalangan masyarakat, bahkan melibatkan pemimpin. Konsep pengorbanan dapat dilihat daripada sikap pemimpin yang tidak kekok untuk turun padang dan meraikannya bersama rakyat.

"Hal ini dapat dilihat melalui penglibatan mereka ketika melakukan ibadah korban. Selain bermaaf-maafan, pemimpin menyertai rakyat menyumbang haiwan ternakan untuk dikorbankan, kemudian melapah daging, memasak dan menikmati hidangan bersama-sama masyarakat setempat. Suasana sebegitu amat penting kerana ia bukan sahaja dapat mengeratkan ukhuwah, bahkan menyemarakkan perasaan hormat antara dua golongan ini", tambahnya.

Beliau menjelaskan, "dalam suasana baharu seperti hari ini semua itu sudah berubah. Namun, sambutan Hari Raya Haji dan ibadah korban tetap disambut meriah, tetapi dalam konteks dan dimensi baharu. Misalnya, rakyat perlu mengikut peraturan yang ditetapkan dengan jumlah ternakan korban yang terhad dalam satu masa. Mereka tidak lagi boleh bergotong-royong seperti dahulu kerana tugas tersebut diambil alih oleh pihak tertentu atau ahli jawatankuasa masjid. Dalam aspek lain, seperti pengagihan daging dilihat lebih sistematik dan teratur."

Sehubungan dengan itu, Dato' A. Aziz Deraman juga bersependapat wujudnya hubungan kekeluargaan yang rapat di samping semangat kebersamaan antara pemimpin dan rakyat yang utuh tetapi dalam suasana yang berbeza. Jika tahun-tahun sebelum ini, pemimpin akan turun padang bersemuka dengan rakyat memberikan sumbangan ternakan untuk dikorbankan dan dibahagi kepada rakyat, kini ia tidak lagi boleh dilakukan kerana terikat dengan SOP dan kawalan kendiri seperti yang ditetapkan. Sebaliknya sumbangan tersebut dilakukan oleh para Penghulu Mukim selaku penduduk setempat yang dilantik mewakili pemimpin. Matlamatnya tetap sama, cuma cara dan pendekatan yang berbeza.



Profesor Emeritus Datuk Nik Safiah Karim



Dato' Abdul Aziz Deraman

"Sesuatu yang menarik tentang sambutan Hari Raya Haji di Kelantan ialah perayaan ini dianggap sebagai hari raya untuk orang tua. Manakala Hari Raya Puasa pula kemeriahan lebih dirasai oleh kanak-kanak. Sudah dua tahun kita meraikan Aidiladha dalam suasana seperti ini. Pastinya tidak sama dengan tahun-tahun sebelumnya", katanya.

Beliau turut melahirkan rasa kesal dengan sikap segelintir rakyat Kelantan yang masih berdegil sehingga melanggar SOP yang ditetapkan kerana mahu bersama keluarga sehingga mewujudkan kluster baharu di kampung.

"Disebabkan hubungan kekeluargaan yang sangat rapat itulah ada di antara rakyat Kelantan yang berusaha untuk pulang walau dengan cara apa sekalipun. Sedangkan sikap sebegini tidak sepatutnya ada kerana ia mendedahkan keluarga kepada bahaya. Sekiranya saling menjaga SOP, peluang untuk kita menyambut kemeriahan hari raya seperti dahulu akan lebih cepat dicapai," tegas beliau.

### Keunikan budaya

Sementara itu, pensyarah Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Dr. Rosila Bee Mohd Hussain juga tidak menafikan kemeriahan sambutan Hari Raya Aidiladha dan kebersamaan antara pemimpin dan rakyat yang ditonjolkan dalam masyarakat Kelantan.

"Keunikan dan kemeriahan sambutan Hari Raya Aidiladha di Kelantan sejak dahulu kerana kecintaan terhadap budaya dan semangat kenegerian yang begitu menebal dalam kalangan masyarakat negeri ini", huraikannya ketika dihubungi.



Dr. Rosila Bee Mohd Hussain

**Buletin MINGGUAN DARULNAIM**  
www.upknkelantan.com

**MENTERI ALAM SEKITAR LANCAR PROGRAM SEMARAK HARI MALAYSIA**      **BELIA LULUSAN KEJURUTERAAN AWAM, TANAH JAGUNG HIBRID**      **PENERIMA SKIM AZ-ZIWAJ DIRAI SECARA MAYA**

**SULTAN MUHAMMAD V TITAH RAKYAT SUNTIK VAKSIN**

Sultan Muhammad V, Dato' Nik Mohd Shafriman Nik Hassan, berkata baginda juga menzahirkan dukacita kerana Kelantan antara negeri yang mempunyai peratus penerima vaksin terendah iaitu 50 peratus.

"Dengan kes positif di negeri Kelantan di paras empat angka, baginda menyarankan agar semua pihak menggembeng tenaga memperluas Program Outreach Vaksinasi di seluruh Kelantan, terutama sekali di kampung dan pedalaman supaya masyarakat yakin akan keberkesanan vaksin dan tidak bersangka buruk", titah baginda dalam satu kenyataan, semalam.

Katanya lagi, baginda juga mengulaskan pengumuman Menteri Kesihatan, YB Khairy Jamaluddin berkenaan peruntukan 1.2 juta dos tambahan untuk Kelantan bagi membantu mempercepatkan proses pemberian vaksin.

Baginda turut mengingatkan tentang pengambilan vaksin adalah tanggungjawab individu kepada diri sendiri, keluarga dan masyarakat. Baginda turut mengulaskan kepada rakyat Kelantan akan segera mendapatkan vaksin supaya Kelantan tidak terciris dalam mencapai imuniti kelompok dan seluruh rakyat boleh menjalani kehidupan dengan lebih baik, hospital tidak lagi terbeban dan rawatan untuk para pesakit lain tidak terjejas.

Di samping itu, baginda juga merakamkan ucapan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan program vaksinasi di negara ini termasuk sukarelawan, dan amat menghargai jasa petugas kesihatan yang memikul amanah berat dalam merawat dan menyelamatkan pesakit COVID-19 sejak tahun lepas.

**MB KELANTAN BAKAL KUNJUNGI PM, BINCANG ISU PEMBANGUNAN**

KOTA DARULNAIM - Menteri Besar Kelantan, Dato' Bentara Kanan Ahmad Yakob merancang untuk berkunjung hormat Perdana Menteri, Dato' Seri Ismail Sabri Yaakob bagi membincangkan isu pembangunan negeri.

Pertemuan dijangka berlangsung dalam masa terdekat berkisar kepada pelaksanaan projek pembangunan Kelantan termasuklah pembinaan jambatan Palekbang - Penambang.

Beliau memaklumkan, pihaknya sudah menyatakan hasrat tersebut menerusi satu surat yang telah dikirimi ke Pejabat Perdana Menteri, baru-baru ini.

"Saya mahu memastikan pembangunan di Kelantan yang dirancang sebelum ini diteruskan dengan lancar. Oleh itu, penting saya bertemu dengan Perdana Menteri dalam masa terdekat ini untuk berbincang termasuk rancangan projek pembinaan jambatan Palekbang di Tumpat.

"Selain itu, kita juga akan membincangkan beberapa perkara penting berkaitan dengan projek yang disenarai pada Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12) di Kelantan. Buat masa ini kita sedang menunggu maklum balas berhubung perkara tersebut," katanya ketika dihubungi.

Beliau turut menyatakan projek melibatkan kos RM250 juta itu sudah bermula pada Julai lalu dan dijangka menarik lebih ramai pelabur. Sekali gus menggalakkan peluang pekerjaan dan aktiviti keusahawanan di Kelantan.

Pensyarah Jabatan Sosiologi ini percaya sambutan Hari Raya Haji ialah platform yang menonjolkan budaya setempat dan begitu rapat dengan ajaran Islam. Ketika inilah mereka akan berkumpul, bermaaf-maafan, memupuk semula kemesraan, sekali gus mengukuhkan ikatan yang mungkin renggang akibat keterbatasan waktu dan kesibukan masing-masing.

Tambah beliau, pada kesempatan ini peserta ibadah korban akan bergotong-gotong menyembelih, melapah, menginfakkan daging mentah yang masih segar itu kepada fakir miskin. Afdalnya, hamba Allah yang melakukan ibadah korban itu hanya mengambil setapak tangan sahaja untuk dimasak dan dimakan sesama ahli keluarganya. Situasi ini jugalah menjadikan negeri ini begitu unik sehingga mengundang tetamu dari luar ke Kelantan untuk bersama-sama merasai keunikan Hari Raya Korban. Secara tidak langsung dapat membangunkan produk pelancongan yang sukar diperoleh di negeri lain.

Katanya, kemeriahan berlangsung selama tiga hari berturut-turut. Sepanjang tempoh itu, pelbagai aktiviti diatur untuk mengeratkan hubungan kekeluargaan dan persahabatan. Situasi ini berbeza dengan sambutan Hari Raya Aidilfitri yang lazimnya disambut sehari sahaja. Seusal solat sunat hari raya, keadaan kembali seperti sediakala.

"Konsep perkongsian yang begitu menebal dalam kalangan masyarakat menambahkan lagi kemeriahan sambutan hari raya. Bukan itu sahaja, konsep interaksi yang begitu kukuh dapat dilihat dengan jelas dalam masyarakat Kelantan. Selain menjunjung nilai persaudaraan sukar dilerai daripada generasi ke generasi, berterusan sehingga kini", jelasnya.

Beliau menambah, rumah terbuka menonjolkan keakraban yang diterapkan dan dijadikan sebahagian cara hidup, membuatkan tetamu akan berusaha memenuhi undangan. Blarpun berlaku perubahan zaman, budaya tersebut bagaikan sudah sehati dengan kehidupan masyarakat disebabkan tuntutan agama dan pendidikan yang terbentuk oleh budaya itu sendiri, membuatkan mereka sedar betapa pentingnya nilai berkenaan dipertahankan.

Inilah yang membezakan Kelantan dengan negeri lain. Blarpun ramal yang berhijah dan membina kehidupan di luar, namun sifat terpuji ini terus dipupuk dan terpacat kukuh dalam diri anak-anak Kelantan.

### Norma baharu

Dr. Rosila turut menegaskan, masyarakat tidak lagi boleh melakukan seperti apa yang pernah dilakukan sebelum ini disebabkan situasi pandemik, sedangkan komunikasi sesama manusia penting kerana mereka merindui suasana indah dan keriang bersama keluarga serta sanak-saudara tanpa sebarang sekatan.

Berada dalam situasi interaksi yang terbatas disebabkan COVID-19 menjadikan hubungan kekeluargaan semakin rapat dan berfikiran positif berbanding sebelumnya. Acara gotong-royong sewaktu ibadah korban juga mungkin berubah tetapi tidak menghalang kemesraan. Cumanya, masing-masing perlu membasuh tangan terlebih dahulu dan kerap berbuat demikian sebagai pencegahan penularan wabak.

Kesimpulannya, Aldiladha tetap meriah meskipun berlaku sedikit perubahan budaya berdasarkan norma baharu tanpa menjejaskan semangat kebersamaan pemimpin dan rakyat. Misalnya, pemimpin dan rakyat akan lebih sensitif pada perkembangan semasa dan lebih menghargai apa yang mereka miliki.

Norma baharu juga mengingatkan semua pihak agar tidak mengambil mudah tentang SOP atau perkara yang boleh memudaratkan keluarga, kerana sudah terblasa dengan nilai tersebut tanpa menolak atau meninggalkan budaya sedia ada yakni persepakatan perasaan kerana secara sosiologi, perhubungan berse-muka dan secara sentuhan (human touch) lebih berkesan berbanding komunikasi atau interaksi dengan skrin. Itulah antara pengajaran yang boleh diambil kesan dari pandemik yang berlaku pada hari ini untuk kita belajar bersyukur dan bersabar. ■

## S.O.P IBADAH KORBAN BAGI NEGERI KELANTAN 1442H/2021M

Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) MEMBENARKAN ibadah korban tahun 2021 diadakan di negeri ini semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0.

**Tempat Penyembelihan dibenarkan:**

- Rumah Sembelih Ruminan Jabatan Perkhidmatan Veterinar di tiga Jajahan iaitu Kota Bharu, Machang dan Pasir Mas.
- Masjid Bandar/Jajahan/Mukim dengan kelulusan pihak Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK)

Aktiviti korban persendirian/keluarga adalah **TIDAK DIBENARKAN.**



### PANDUAN MELAKSANAKAN IBADAH KORBAN KELANTAN 1442H/2021M

**PESERTA IBADAH KORBAN**

- Tidak dibenarkan hadir. Mereka hanya perlu meletakkan kepada penganjur ibadah korban bagi menyempurnakan adat dan wakalah.

**JARAK ANTARA RUMINAN**

- Tidak kurang 5 meter antara satu sama lain, dan jumlah maksimum dalam satu-satu masa sebanyak 2 ekor manakala maksimum dalam satu hari dihadkan sebanyak 5 ekor.

**BILANGAN PETUGAS BAGI SEKOR TERNAKAN**

- Sembelihan seekor ruminan besar (lembu/kerbau) tidak melebihi 10 orang.
- Sembelihan seekor ruminan kecil (kambing/bebiri) tidak melebihi 5 orang.

**PERALATAN MENYEMBELIH**

- Peralatan menyembelih perlu berada dalam keadaan baik, bersih dan tajam sama ada disediakan oleh penganjur atau dibawa oleh individu.
- Peralatan tersebut tidak boleh dikongsi.

**PENGANJUR PERLU BUAT**

- MEREKODKAN PENDAFTARAN
- MEMERIKSA SUHU
- JAGA PENJARANAN FIZIKAL DAN PETUGAS WAJIB PAKAI PELTUP MUKA

**AKAD DAN WAKALAH**

[saya... (nama peserta)... dengan ini meletakkan dan menganjakan... (nama penganjur)... untuk menyembelih ternakan korban saya dan membuat agihan korban].

**PETUGAS YANG TIDAK DIBENARKAN**

- Kanak-kanak berumur 15 tahun ke bawah.
- Petugas yang berumur 70 tahun ke atas.
- Pesakit yang berisiko tinggi dan berpenyakit kronik (seperti stroke, darah tinggi, obesiti, kencing manis, sakit jantung dan lain-lain).
- Individu yang berada dalam tempoh kuarentin akibat Covid-19.
- Individu yang hadir dan mempunyai suhu badan 37.5°C ke atas atau yang bergelaja tidak dibenarkan menyertai aktiviti dan perlu diujuk kepada klinik kesihatan yang berdekatan.

## S.O.P PELAKSANAAN IBADAH KORBAN 1442H/2021M

**SYARAT PELAKSANAAN PENYEMBELIHAN TERNAKAN KORBAN**

- Mendapat kebenaran daripada Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK)
- Mendapatkan Sijil Kesihatan Veterinar (SKV) (OV5)
- Permit Menyembelih (DVS) (Pengawo)
- Tapak penyembelihan yang sesuai, bersih dan selamat serta tidak berhampiran saliran awam.

**AGIHAN BAGIAN KORBAN**

- Agihan oleh petugas dilakukan secara langsung kepada peserta yang mengambil bahagian.
- Agihan dengan kehadiran peserta, jumlah kehadiran dan masa ditentukan oleh penganjur tertakluk kepada kelulusan kawasan dan elastikon 3S (Sesak, Sempt dan Sembang dekat).
- Tidak dibenarkan mendapatkan jantina tetapi lenu diagihkan kepada peserta yang mengambil bahagian.

**PERMOHONAN PENYEMBELIHAN DENGAN MAIK**

- Permohonan daripada penganjur/individu boleh dibuat di masjid bandar, jajahan atau mukim serta Rumah Sembelihan Ruminan Jabatan Veterinar yang dipilih oleh pemohon untuk melaksanakan sembelihan korban mereka.
- Had maksimum untuk sembelihan binatang korban di satu-satu lokasi (Rumah Sembelihan atau Masjid) adalah sebanyak lima (5) ekor seharian atau dua puluh (20) ekor dalam tempoh empat (4) hari. (20 hingga 23 hb Julai 2021)
- Tarikh akhir permohonan untuk sembelihan binatang korban di lokasi-lokasi yang dibenarkan ialah pada 14hb Julai 2021. Tertakluk kepada had maksimum jumlah sembelihan binatang korban.

**SELEPAS PELAKSANAAN IBADAH KORBAN**

- Mempastikan keseluruhan tapak penyembelihan, meliputi dan mengagih dibersihkan.
- Sila pepejal hendaklah dibungkus dan dipusukkan dengan cara yang berkesan berdasarkan peraturan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)
- Sila cecair seperti darah haluan sembelihan hendaklah dituangkan atau dipusukkan dengan cara yang berkesan.
- Melaksanakan pembersihan dan disinfeksi mengikut garis panduan KKJK.

**Lokasi yang terlibat dengan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) adalah tidak dibenarkan.**



## KEBERSAMAAN KERAJAAN NEGERI KELANTAN DAN RAKYAT KELANTAN MENANGANI COVID-19



Oleh: Dr. Wan Adi bin Yusoff

Kes pertama COVID-19 dikesan di Kelantan berkalutan Kluster Jemaah Tabligh Sri Petaling dan dirawat di Hospital Kuala Kral pada 13 Mac 2020. Kemudian, rekod kematian pertama pada 21 Mac 2020 melibatkan kes berumur 69 tahun.

Rentetan itu, satu per satu kes COVID-19 meningkat yang saban hari meninggikan graf kematian akibatnya. Penangan COVID-19 juga menyebabkan sebahagian besar daripada kita tidak dapat menunaikan ibadat berjemaah di masjid, berladah, keluar melancong, keluar makan-makan di restoran bersama keluarga, malahan ada yang kehilangan pekerjaan.

Kupasan ini menjurus kepada komitmen Kerajaan Negeri Kelantan membantu rakyat menangani pandemik COVID-19 sejak Mac 2020 hingga Ogos 2021 dari segi bantuan ekonomi dan sokongan psikologi.

### Bantuan ekonomi

Keprihatinan terhadap rakyat yang terkesan akibat PKP dizahirkan Dato' Ahmad Yakob dengan memaklumkan Kerajaan Kelantan membelanjakan RM18.77 juta bagi menyalurkan pelbagai jenis bantuan kepada rakyat yang terkesan dengan pandemik COVID-19 setakat tujuh bulan pertama tahun ini. Berbanding tahun 2020, hanya RM33.25 juta bantuan disalurkan kepada rakyat terkesan COVID-19 dan daripada jumlah itu, RM21.81 disalurkan oleh Kerajaan Kelantan.

"Jika mengambil kira peruntukan disalurkan oleh kerajaan Pusat sebanyak RM13.5 juta, jumlah keseluruhan bantuan kepada rakyat Kelantan mencecah RM32.7 juta. Daripada jumlah ini, RM6.96 juta diperuntukkan untuk membantu penjaja dan peniaga kecil, pemandu teksi, petani, nelayan, guru pondok, pengusaha pelancongan dan lain-lain", katanya dalam persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN) pada 24 Ogos lalu.

Tambahan pula, pakej rangsangan pihak berkuasa tempatan (PBT) mewartakan pengecualian sewa selama dua bulan melibatkan kos RM3.3 juta, yang diberikan kepada peniaga kecil untuk sewa bagi Julai dan Ogos tahun 2021.

Hal ini dilaksanakan menerusi Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat Negeri Kelantan. Sebanyak 9,571 premis yang disewa oleh peniaga kecil dapat menikmati pakej ini. Manakala kos Pusat Kuarantin dan Rawatan COVID-19 (PKRC) adalah RM6.56 juta dan pusat pemberian vaksin pula adalah RM6.84 juta.

### Bantuan Sejahtera Tani

Perbadanan Kemajuan Pertanian Negeri Kelantan pula mengagihkan dana RM200 ribu melalui Program Sejahtera Tani 2020 bagi membantu para petani dan penternak mengatasi masalah dalam memasarkan produk sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bermula 18 Mac sehingga 12 Mei 2020.

Beberapa isu yang dihadapi oleh golongan petani seperti lambakan hasil pertanian yang tidak dapat dipasarkan sedikit sebanyak membantu melegakan kesukaran yang dihadapi. Oleh itu pada tahun 2021, program yang sama, peruntukan ditambah sehingga RM1.41 juta.

### Bakul makanan

Perkara asas dalam suasana PKP ialah bekalan makanan dan pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat Kelantan mengagihkan 45,000 bakul makanan di bawah Pakej Bantuan Perlindungan Ekonomi dan Rakyat Malaysia (Permal).

Beberapa NGO juga memalinkan peranan dalam meringankan beban terutama golongan yang terkesan B40. Contohnya bantuan daripada Kumpulan Malvest dan Yayasan Kelantan Darul Naim (YAKIN) mengambil inisiatif dengan mengagihkan sebanyak 350 bakul makanan kepada keluarga yang miskin. Beberapa

inisiatif dengan mengagihkan sebanyak 350 bakul makanan kepada keluarga yang miskin. Beberapa barang keperluan harian seperti beras, tepung gandum, minyak masak telur dan bihun itu juga diedarkan kepada golongan yang memerlukan.

Dato' Ahmad turut memaklumkan penyediaan bakul makanan kepada penduduk di kawasan yang dikenakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) melibatkan peruntukan RM8.31 juta.

### **Petugas barisan hadapan; wira didendang**

Petugas barisan hadapan telah memerah segala keringat, tenaga dan titik peluh setiap saat berdepan dengan dugaan menguruskan pesakit COVID-19 di hospital. Oleh itu, Kerajaan Kelantan meluluskan RM0.1 juta bagi program pengurusan COVID-19 dan RM2 juta pula diperuntukkan bagi membekalkan makanan untuk petugas barisan hadapan.

Tidak terkecuall, pihak keselamatan yang berkawal bagi memastikan pelaksanaan PKPD dikuatkuasakan dan dapat berjalan lancar. Lantaran itu, Kerajaan Negeri telah memberi komitmen dengan mengambil beberapa inisiatif untuk menyokong keperluan para petugas barisan hadapan dengan menyatakan penghargaan kepada pelbagai agensi yang terbabit.

Bagi menghargai jasa dan pengorbanan pihak petugas barisan hadapan di negeri ini, beberapa tokoh telah dianugerahkan penghargaan yang dinamakan Anugerah Khas Frontliners sempena Majlis Sambutan Hijratul Rasul Peringkat Negeri Kelantan Tahun 1443 H/2021 M yang diumumkan pada 11 Ogos lalu.

Penerima anugerah ini terdiri daripada Dr Abdul Haris Muhammad selaku Timbalan Pengarah Kesihatan (Bahagian Kesihatan Awam) Jabatan Kesihatan Kelantan, ASP Mohd Said Mamat dan SJN Nasrudin Mudin (PDRM), Muhammad Nur Rayyan Abdullah (Markas Briged Ke-8 Infantri), Raja Arisansahseni Raja Semail dan Mohd Azlan Zainal (Jabatan Bomba dan Penyelamat), Kapten Mohd Arif Mohd Zain (Jabatan Pertahanan Awam) dan Mlor Muhammad Taufik Mlor Burhanuddin dari Ikatan Relawan Rakyat (RELA).

### **Saling menyokong; kerajaan - NGO - rakyat**

Pihak Badan Bukan Kerajaan (NGO) di Pusat Kuarantin dan Rawatan COVID-19 (PKRC) juga menerima menu makanan yang istimewa daripada 14 penyedia makan yang dilantik. Menu makan bernilai RM25 sehari itu disediakan untuk setiap penghuni dan petugas barisan hadapan. Sekurang-kurangnya pesakit dan petugas kesihatan dapat menikmati hidangan yang disediakan walaupun jiwa dilanda gellsah akibat musibah yang tidak dijangka ini.

Misi Kembara Dakwah (MKD) pula membantu menyediakan peralatan perlindungan diri (PPE), pelindung muka dan 100 telekung solat kepada pesakit wanita yang mengidap COVID-19. Termasuklah pengedaran bakul makanan kepada penduduk yang kehilangan pekerjaan dan yang dikuarantin di rumah.

Selain itu, Pertubuhan Amal Perubatan Ibnu Sina Malaysia (PAPISMA), gabungan tenaga yang dianggotai profesional kesihatan turut menyumbang kepada program vaksinasi di Program Outreach Vaksinasi COVID-19 PAPISMA Siri 3 di SK Mulong 1 melibatkan seramai hampir 600 orang Individu berjaya menerima suntikan dos pertama vaksin COVID-19. Usaha ini akan ditingkatkan dari masa ke masa bagi membantu komuniti mencapai imuniti kelompok menjelang September nanti.

### **Sokongan Psikologi**

Sokongan psikologi juga perlu di ambil perhatian agar waris mangsa yang meninggal dapat dipulihkan semangat mereka untuk meneruskan hidup walaupun kehilangan anggota keluarga yang tersayang. Justeru, Kerajaan Negeri Kelantan telah memperuntukkan sumbangan sebanyak RM1500 bagi waris mangsa B40 bagi mengurangkan beban yang ditanggung.

Termasuklah kos pengurusan jenazah juga akan ditanggung sepenuhnya oleh kerajaan negeri bagi golongan B-40. Sokongan motivasi, solat hajat, ceramah keagamaan dan pengurusan emosi turut dititik beratkan sepanjang mereka menalani proses kuarantin di PKRC dan di hospital.



## Teman Mendengar anjuran U-KeKwa

Sepanjang pandemik COVID-19, terutama ketika PKP berlaku, tekanan perasaan dialami kakitangan sektor awam dan petugas barisan hadapan termasuklah masyarakat awam.

Memahami situasi tersebut, Urus Setia Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita Negeri Kelantan (U-KeKwa) mewujudkan perkhidmatan tele-kaunseling melalui pasukan Skuad Kita Cakna, Fasilitator Mawaddah Centre, Penyelaras Pembangunan Armalah DUN, Penyelaras MESRA Parlimen dan Penyelaras OKU Parlimen.

Pengarah U-KeKwa, Ilvira Mohd Dasuki berkata Talian Cakna ini berfungsi sebagai teman mendengar iaitu perkhidmatan sokongan yang disediakan bagi membantu orang ramai yang terkesan dengan penularan wabak COVID-19 serta memerlukan sokongan psikologi dan emosi.

"Talian ini dibuka kepada mereka yang memerlukan teman mendengar masalah, khidmat nasihat dan lain-lain khidmat untuk membantu orang ramai yang terkesan dari segi emosi dan psikologi.

Mereka boleh menghubungi talian mengikut DUN atau parlimen yang disediakan", katanya ketika dihubungi

dan menguar-uarkan Talian Cakna yang boleh dihubungi melalui nombor telefon pada poster di <http://nak.la/kg6g>

## Kesimpulan

Pelbagai usaha dijalankan bagi membantu rakyat dari aspek ekonomi dan psikologi sepanjang pandemik COVID-19 bermula Mac 2020 sehingga 31 Julai 2021, sejumlah 44,003 tele-Psikososial telah dilakukan. Hanya 30 orang atau 0.07 peratus daripada 44,003 responden perlu dirujuk kepada pakar.

Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Perumahan dan Kesihatan Negeri Kelantan, Dr Izani Husin berkata, pengurusan kesihatan mental yang dilaksanakan itu melibatkan tiga kategori iaitu pesakit COVID-19, kontak rapat pesakit, dan petugas barisan hadapan diselarasakan melalui Perkhidmatan Sokongan Kesihatan Mental Dan Psikososial (MHPSS), Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan.

Oleh itu, sikap berdisiplin rakyat amatlah diharapkan. Pendek kata, kedua-dua belah pihak perlu saling berperanan supaya bilangan kes harian dapat dikurangkan dan akhirnya kita dapat mengecapi kehidupan yang sejahtera. ■



Penyampalan sumbangan tanggungjawab sosial korporat Perbadanan Menteri Besar Kelantan kepada DUN Selising.



Agihan majalah Qladah sebagai bahan bacaan ke beberapa Pusat Kuarantin dan Rawatan COVID-19.



# Inisiatif اينيسياتيف U-KeKwa Bagi Tahun 2021



**HOTLINE KEBAJIKAN**  
**019-988 2999**  
**HOTLINE KAUNSELOR**  
**013-983 5912**

**JEJAK AMAL  
COVID-19 KOMUNITI (JACK)**  
**RM450 RIBU**



**200** Penerima  
Setiap DUN **9000** Orang  
Penerima

**SKUAD KITA CAKNA**  
**RM327 RIBU**

**BANTUAN ANAK YATIM**  
**RM900 RIBU**



**45 Unit** Agihan Tab  
Anak Yatim

**TABUNG  
USAHAWAN WANITA**  
**RM2 JUTA**



**HARI SAYYIDATINA KHADIJAH 2021**  
**94 ORANG TOKOH**



Tokoh HSK Negeri : **13 Orang**  
Ikon HSK Negeri : **8 Orang**  
Tokoh Wanita Parlimen : **14 Orang**  
Ikon Wanita Parlimen : **14 Orang**  
Tokoh Wanita DUN : **45 Orang**



Imbas QR CODE  
**Hotline Cakna  
Teman Mendengar  
Setiap Parlimen**

**PROJEK WAKAF KATIL  
TAMBAHAN 90 UNIT**



**2 Unit Setiap DUN**

**BANTUAN ARMALAH**  
**RM4.5 JUTA**

**SKIM CAKNA SURI**  
**RM450 RIBU**

**Suri** 4500 Orang  
Penerima

**SKIM CAKNA HAWA  
(WANITA BEKERJA B40)**  
**RM450 RIBU**



**Fasilitator**  
**Mawaddah Centre**



- Hj. Mohd Ab. Aziz  
b. Hj. Mohd Noor  
**014-505 4555**
- Ismail b. Harun  
**013-930 8042**
- Kamarulzaman  
b. Latif  
**019-911 3559**
- Hj. Hamzah b. Ismail  
**013-962 9998**
- Razali b. Hamzah @ Ismail  
**011-1941 6215**
- Mohd Alias b. Hassan  
**017-967 2845**
- Shamsiah bt. Ali  
**011-2058 2003**



## PERSIDANGAN ANTARABANGSA HKN 2020 MUAFAKAT KEBAJIKAN GLOBAL MELALUI DUNIA MAYA



Oleh: Nik Fauziah Nik Hussin

Dasar Berkeadilan dan Kesejahteraan Rakyat Negeri Kelantan adalah dasar pertama di peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa yang melihat kebajikan secara holistik. Tambah menarik, dasar yang dilancarkan pada tahun 2015 oleh Ustaz Dato' Bentara Kanan Haji Ahmad Yakob, Menteri Besar Kelantan, mendepani masanya apabila inti patinya selari dengan Matlamat Pembangunan Mampan 2030 yang diisytiharkan oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) pada tahun 2016.

### Pilihan tepat

Pelantikan Dato' Hajah Mumtaz Md Naww, selaku Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Kebajikan Negeri Kelantan semenjak tahun 2013 ternyata pilihan yang tepat.

Bukan senang sebenarnya untuk seseorang mengetuai sebuah jawatankuasa, apatah lagi yang melibatkan kebajikan orang awam andai diri sendiri tidak mempunyai kecintaan dalam kerja kebajikan, membantu golongan yang kurang bernasib baik menuntut kesungguhan, belas ihsan dan kesanggupan untuk berkorban; sama ada masa, tenaga, harta dan wang ringgit. Semua ini tidak dapat dilakukan tanpa meletakkan iman sebagai asas.

Benarlah seperti kata beliau, agenda kebajikan bukan semata-mata agenda politik atau negara, malah lebih besar lagi kerana kebajikan ialah agenda agama berteraskan prinsip keadilan pemikiran sosial menjadi cabaran kepada para pemimpin berfikirah Islamiah untuk merealisasikan dalam perjuangan Islam.

Tragedi banjir besar tahun 2014 menyaksikan beliau bukan sahaja turun padang berusaha membantu, malah penderitaan yang ditanggung oleh mangsa turut dijiwai beliau sehingga beliau terasa berat untuk menjamah makanan dan minuman kerana bimbang ada lagi mangsa banjir yang masih kelaparan.

Pasca banjir 2014 menjadikan beliau lebih matang dan dinamik dalam memberikan khidmat kepada rakyat. Tahun 2015 hingga 2021 adalah era kecemerlangan Dato' Mumtaz sebagai Exco Wanita dan ADUN Demit.

Pengalaman itu bagaikan penggera yang mencetus empatinya kepada orang lain dan turut difahami oleh warga kelantan lalu berjaya menghulurkan RM150,000.00 kepada mangsa tragedi fenomena 'kepala air' pada 18 Ogos lalu. Dato' Mumtaz mengetuai delegasi Misi Bantuan Kemanusiaan tersebut untuk disampaikan kepada Menteri Besar Kedah.

Di samping itu, Penubuhan Skwad Mesra, Cakna Wanita, Usrah Bulanan Wanita, Bantuan Khas Pesakit Stroke, Kelas Kullnarl dan Jahitan, Bantuan Usahawan Wanita dan Hari Sayyidatina Khadijah dilaksanakan bagi membantu golongan wanita khususnya tanpa mengetepikan golongan lain.

### Sidang dalam talian

Pada 17 hingga 21 Mac 2020, buat julung kalinya kerajaan negeri di bawah Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Kebajikan Negeri Kelantan telah menganjurkan Persidangan Antarabangsa Hari Kebajikan Negeri Kelantan 2020 (HKN 2020) di Kompleks Balai Islam, Lundang.

Dalam uaputama Persidangan Antarabangsa HKN 2020 tersebut, Mumtaz menegaskan bahawa asas kebajikan adalah berteraskan keimanan, mematuhi prinsip amar makruf nahi mungkar serta akhlak yang sarat dengan kasih sayang dan perikemanusiaan.

Justeru, dalam melaksanakan kebajikan, kerajaan negeri telah mengaplikasikan konsep maqasid syariah yang bukan hanya bersandarkan syiar atau bersifat luaran semata-mata. Maqasid syariah terbahagi kepada tiga iaitu dharuriyyat, hajiyyat dan tahsiniyyat. Ketiga-tiga aspek pembahagian ini penting kerana mempengaruhi prinsip kerajaan Kelantan melaksanakan agenda kebajikan untuk rakyatnya.

Bersesuaian dengan prinsip kebajikan untuk semua, maka kerja-kerja kebajikan adalah sistem kerja berobjektifkan keadilan sosial secara individu mahupun komuniti, tidak semata-mata kepada gerak kerja kerajaan. Ini bermakna dalam melakukan kebajikan, semua pihak sama ada kerajaan, individu, NGO, sektor korporat dan seluruh anggota masyarakat mempunyai peranan masing-masing.

Perkara ini selaras dengan strategi pelaksanaan dasar kebajikan oleh kerajaan negeri melalui kaedah seperti at-Taawun (bekerjasama), al-Takaful al-Ijtimaie (keselimbangan masyarakat), dan al-Mahabbah (berkasih sayang).



## Pengubalan dasar

Dalam menggubal dasar kebajikan, kerajaan negeri telah mengambil kira sembilan konsep penting iaitu:

### 1. Al-Birr

- Meliputi seluruh perkara kebaikan yang dilakukan semata-mata kerana beriman kepada Allah SWT dan Rasul-Nya, menghulurkan bantuan dan menegakkan keadilan demi mencapai kesejahteraan dunia dan akhirat.

### 2. Al-Adl wal Ihsan

- Menjadikan prinsip adil dan ihsan sebagai teras pentadbiran. Ia merupakan satu tuntutan agama untuk direalisasikan bagi memastikan kebajikan dirasai oleh seluruh masyarakat.

### 3. Al-Makruf

- Membina masyarakat yang saling bekerjasama melakukan kebajikan dan mencegah kemungkaran sebagai tanggungjawab yang perlu dipikul bersama.

### 4. Al-Hasanah

- Membina masyarakat sejahtera ke arah kebaikan di dunia dan akhirat.

### 5. At-Tayyibah

- Membina sebuah negara yang aman dan sejahtera serta mendapat keampunan Allah SWT.

### 6. Al-Khair

- Membangun ummah terbaik yang saling berlumba melakukan kebajikan.

### 7. Ar-Rahmah

- Memupuk kasih sayang dan belas ihsan untuk semua golongan dalam masyarakat.

### 8. As-Sadaqah

- Membudayakan sikap dan amalan baik sebagai maksud sedekah dalam masyarakat.

### 9. At-Tatawu'

- Melakukan amal perbuatan secara sukarela semata-mata kerana Allah adalah salah satu bentuk kebajikan yang dipandang tinggi oleh Allah SWT.

Persidangan menampilkan panel dari dalam dan luar negara berdasarkan tema:

1. Pengurusan dan Pembangunan Asnaf
2. Pengurusan dan Pembangunan Komuniti Warga Emas
3. Pembangunan Kesukarelawanan Kebajikan Sosial
4. Pengurusan dan Pembangunan Komuniti Anak Yatim
5. Pengurusan dan Pembangunan Orang Kurang Upaya (OKU)

Hasil persidangan tersebut telah menghasilkan resolusi umum berikut:

1. Memastikan usaha pembangunan golongan sasar berpaksikan kepada iman dan kasih sayang.
2. Usaha berterusan merakyat kerja kebajikan yang merujuk perkongsian tanggungjawab antara kerajaan dan rakyat.
3. Memperkukuhkan jaringan sistem keluarga dengan pemeraksanaan sistem wali dan pembudayaan kecaknaan kerabat.
4. Memperkasa instrumen sistem kewangan Islam di Malaysia dengan membuat semakan pada akta, undang-undang dan prosedur yang berkaitan.

Persidangan Maya Pengurusan dan Pembangunan Asnaf dalam persidangannya telah mencapai tiga resolusi iaitu:

- I. Menggesa penambahbaikan mekanisme pembangunan jati diri dan kepentingan pengurusan asnaf dalam komuniti.
- II. Mewujudkan bank data yang mengumpul dan mengintegrasikan semua data berkaitan kemiskinan.
- III. Mempergiat program pendidikan dan kemahiran untuk golongan asnaf.

Bagi aspek Pengurusan dan Pembangunan Komuniti Warga Emas telah merumuskan tiga usul:

- I. Menggubal Dasar Warga Emas Negeri Kelantan dengan mengambil kira input terkini perkembangan pembangunan masyarakat menua.
- II. Menggembleng tenaga semua pihak dalam membangunkan prasarana dan perkhidmatan mesra warga emas agar sejajar dengan dasar MBI.
- III. Mempromosi budaya "pembelajaran sepanjang hayat" secara berimbang dalam usaha memperkasa jati diri warga emas serta memanfaatkan kemahiran dan kepakaran mereka.

Persidangan Maya Aspek Pembangunan Kesukarelawanan Kebajikan Sosial telah menyimpulkan empat resolusi:

- I. Mewujudkan persekitaran kondusif bagi menggalakkan pihak swasta dan pertubuhan sukarela untuk terus menyumbang kepada masyarakat.
- II. Mengiktiraf organisasi sukarela sebagai rakan pembangunan (partners in development) dan turut dilibatkan dalam proses pembuatan keputusan.
- III. Mempergiat penyelidikan yang sistematik, terancang dan berterusan tentang isu-isu kesukarelawanan.

IV. Menggesa media massa supaya meningkatkan ruang dan program menaik imej kesukarelawan dalam kalangan masyarakat.

Aspek Pengurusan dan Pembangunan Komuniti Anak Yatim telah mencapai empat perkara:

I. Menggubal, menyemak serta meminda akta dan enakmen yang berkaitan kebajikan anak yatim.

II. Penubuhan Jawatankuasa Pengurusan Anak Yatim dan Anak Terbiar untuk merangka dan menyediakan garis panduan dan model pembangunan generasi tersebut.

III. Menambah baik program-program dan skim bantuan sedia ada seperti Skim Pendidikan Anak Yatim iaitu bantuan yang diberikan kepada anak yatim atau anak armalah (ibu tunggal) yang berdaftar melalui Pusat Khidmat DUN.

IV. Menubuhkan Yayasan Pembangunan Dana Anak-anak Yatim pada peringkat negeri Kelantan.

Persidangan Maya Pengurusan dan Pembangunan OKU bersetuju dan menyokong empat usul utama hasil daripada persidangan iaitu:

I. Menghargai dan memberikan peluang kepada OKU untuk hidup secara normal dan turut menyumbang kepada pembangunan masyarakat.

II. Meningkatkan prasarana mesra OKU dalam semua aspek.

III. Mewujudkan Agensi Pengupayaan OKU sebagai badan pemantau kepada perancangan dan pelaksanaan dasar kerajaan supaya bersifat mesra OKU.

IV. Meletakkan kuota kepada OKU agar suara mereka didengar pada setiap peringkat organisasi tertinggi.

### Kesimpulan

Keseriusan pihak kerajaan negeri dalam merealisasikan Kelantan Negeri Berkeadilan menyaksikan pelbagai strategi dirangka. Pembinaan projek dan prasarana kebajikan di 59 lokasi dan premis awam yang akan membantu meningkatkan mutu khidmat kebajikan secara efektif kepada masyarakat. ■



# JAHEAIK & HALAQAT

## Keseimbangan Kemajuan Teknologi Dan Pengisian Rohani



Oleh: Rozaini Abdullah

Dunia kini mengalami perkembangan teknologi yang begitu drastik dan terus berevolusi sehingga memberi Impak maksimum kepada penggunanya. Secara tidak langsung ia mempengaruhi keseluruhan cara hidup masyarakat kontemporari.

Selaras dengan Dasar Sains, Teknologi dan Inovasi Negara (DSTIN) yang memacu Malaysia ke arah negara yang lebih kompetitif dan cekap melalui asas Sains, Teknologi dan Inovasi (STI) yang kukuh, DSTIN digubal bertunjangkan lima asas kukuh iaitu STI untuk Dasar, Dasar untuk STI, Komitmen Industri kepada STI, Tadbir Urus STI dan STI untuk membentuk masyarakat yang stabil, aman makmur, bersatu padu dan berdaya tahan.

Kepesatan kemajuan teknologi berkaitan bidang komunikasi dan maklumat menyebabkan masyarakat sekurang mengubah cara hidup mereka. Sesetengahnya ada yang terjerumus ke arah kesan negatif terutamanya golongan remaja dan belia.

Justeru, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan (JAHEAIK) dan Bahagian Dakwah Halaqat Negeri Kelantan mengambil inisiatif menyeimbangkan kemajuan teknologi ini dengan pelbagai program dan aktiviti kerohanian.

### Peranan JAHEAIK

Sebagai agensi pelaksana dasar hal ehwal Islam sebagaimana terkandung di dalam enakmen yang diputuskan oleh kerajaan negeri Kelantan bersama Majlis Agama Islam Kelantan dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK), JAHEAIK juga merancang, menyelaraskan serta melaksanakan pembangunan dakwah kepada seluruh masyarakat.

Selain itu, JAHEAIK turut menerbitkan program digital merangkumi aspek pembangunan Institusi keluarga bahagia mengikut undang-undang keluarga Islam, membuat kajian terhadap isu semasa, akidah, moral, sosial, dan pemakanan "Halalan Toyyiba".

### Fungsi Halaqat

Peranan JAHEAIK diperhalusi lagi oleh Halaqat melalui pelaksanaan kegiatan dakwah secara komprehensif bagi mempertingkatkan keilmuan dan kefahaman Islam; ilmu fardu ain atau fardu kifayah kepada semua lapisan masyarakat.

Di samping itu, Halaqat juga menjadi perantara kerajaan negeri dan rakyat dalam menjelaskan dasar kerajaan serta menyelesaikan permasalahan masyarakat dengan membawa aduan mereka untuk diselesaikan oleh pihak kerajaan. Seterusnya berusaha melahirkan masyarakat yang berakhlak mulia dan berkasih sayang, menyeru masyarakat menghayati Islam sebagai satu cara hidup dan memakmurkan institusi agama serta membentuk keluarga yang cemerlang dari segi sahsiah dan ibadah.

### Cabaran agensi dakwah

Penularan COVID-19 memberi cabaran kepada kegiatan dakwah kepada kedua-dua agensi ini. Namun kemajuan teknologi membantu meneruskan usaha murni tersebut. Program Minggu Kempen Kesedaran Halal PKP 3.0 sangat relevan kerana program ini membicarakan tentang taharah yang sememangnya satu daripada langkah-langkah pencegahan wabak berkenaan.

Virus ini memberi kesedaran bahawa manusia lemah dan perlu bersedia menghadapi kemungkinan ditimpa musibah dan kematian. Secara tidak langsung, masyarakat lebih mendekatkan diri kepada-Nya dengan beramal ibadah. Program maya anjuran JAHEAIK dan Halaqat turut memblimbing masyarakat ke arah itu.

### Kerancangan program maya

Metodologi penyampaian ilmu Islam amat anjal dan mesra zaman serta mengikut suasana. Selari dengan Revolusi Industri (IR) 4.0, dua agensi dakwah tersebut turut memanfaatkan dunia siber yang merentasi sempadan global.

Salah satu usaha JAHEAIK dalam memberi kefahaman, menghapus kejahilan, mencegah kemungkar serta menjauhi budaya liar yang bakal meruntuhkan jati diri masyarakat dan identiti bangsa Melayu Islam Kelantan ialah melalui penerbitan siaran maya yang berjumlah 210 program siaran langsung sepanjang tahun 2020.

Antaranya, Program Bedah Buku yang mendapat sambutan amat menggalakkan seperti "Perang Gerila dengan Syaltan" dan "Asam Garam Tiga" (Meriahnya rumahtangga Nabi Muhammad SAW). Begitu juga dengan tazkirah di platform digital bertajuk "Hamba Yang Bersyukur" telah mengundang penonton melebihi 1,000 orang.

Pegawai Agama Jajahan Bachok, SurateMI Mat Yusof memaklumkan JAHEAIK terus prolifik menerbit siaran secara dalam talian dengan jumlah 302 program sepanjang tahun 2021. "Sepanjang Ramadan 1442, 88 rancangan secara langsung berjaya diterbitkan. Antara yang tular ialah Program Johan Tilawah al-Quran Negeri Kelantan 1442H/2021M dengan tontonan 4.3 ribu", katanya dalam kesyukuran kerana sehingga Julai 2021, Pejabat Agama Jajahan Bachok telah menerbitkan 181 siaran di platform digital sama ada menerusi media sosial ataupun saluran YouTube.

Demi "Mencari Halal Satu Kefarduan", JAHEAIK Jajahan Bachok menganjurkan Minggu Kempen Kesedaran Halal PKP 3.0 yang berlangsung pada 11 hingga 15 Julai lalu. Menerusi segmen "Dakwah IT, Kemah Molek" pada 14 Julai tersebut, DJ Pok Nik (Izani Zakaria) menemubual Timbalan Pengarah JAHEAIK, Dr. Hasnan Ramli di saluran Izaniza Radio.

"Tujuan pensijilan halal ialah untuk memastikan apa yang kita makan, minum dan pakai berada dalam ruang lingkup halalan toyyiban. Kekuatan pensijilan halal ini sebagai simbol jaminan kualiti berasaskan hukum syarak, kerana halal bermaksud baik, berkhasiat, bersih, suci dan selamat digunakan serta berkait rapat dengan kebersihan," ujarnya.

Seterusnya pada 17 Julai, Pegawai Agama Jajahan Kuala Krai, Salbon Ismail pula bersiaran secara langsung menerusi Facebook Pejabat Agama Jajahan Bachok dalam kullah maghrib bertajuk "Hasil Bertaubat Kepada Allah" ke udara pada pukul 8.00 hingga 8.30 malam.

### **Tunjang kejayaan JAHEAIK dan Halaqat**

Kejayaan dan keberkesanan program kerohanian secara maya anjuran JAHEAIK dan Halaqat adalah bertunjangkan kepimpinan Dato' Panglima Perang Dato' Haji Mohd Nasuruddin Daud selaku teraju utama.

Sebagai Pengerusi Jawatankuasa Penerangan, Pembangunan Islam, Dakwah dan Hubungan Seranta, beliau mengemudi dua institusi agama tersebut ke arah kejayaan cemerlang sehingga JAHEAIK mendapat Anugerah Inovasi Kumpulan Inovatif Dan Kreatif (KIK) Negeri Kelantan Tahun 2019 (4 Bintang) dan Anugerah 5 Bintang Pensijilan Ekosistem Kondusif Sektor Awam



(EKSA) daripada Unit Pemodenan Tadbiran Dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) bagi tahun 2019.

Manakala Halaqat pula terus diberi mandat untuk menganjurkan Program Membina Generasi Solat dengan peningkatan bajet RM600 ribu pada tahun 2021 berbanding RM400 ribu pada tahun sebelumnya. Lebih membanggakan, kerajaan negeri Kelantan telah meluluskan bajet RM1.5 juta untuk memperkasakan program Mega Halaqat berbanding RM800 juta sahaja sebelum ini.

Sejajar dengan itu, pada hemat penulis, seandainya kerjasama antara JAHEAIK dan Jabatan Pendidikan Negeri Kelantan (JPNK) dapat diselaraskan, misi kerajaan negeri untuk melahirkan Generasi Rabbani semakin cepat mencapai matlamat.

### **Usul usaha sama pintar agensi kerajaan negeri dan Persekutuan**

Sebagai Penolong Pengarah di JPNK, penulis ingin mengusulkan Idea iaitu dua agensi kerajaan negeri Kelantan (JAHEAIK dan Halaqat) menjalinkan usaha sama pintar dengan JPNK kerana Bahagian Pendidikan Islam, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) yang telah melaksanakan program Sahlah Unggul Murid (SUMUR) pada tahun 2020 bagi sekolah menengah di Malaysia.

Program e-usrah SUMUR bertujuan melahirkan pelajar yang memiliki personaliti terpuji dan boleh dicontohi yang sentiasa memburu ilmu untuk kebahagiaan di dunia dan akhirat dengan mempraktikkan amalan penjagaan kesihatan yang cemerlang, mempunyai ketahanan diri dan berusaha meningkatkan daya kepimpinan serta bersemangat patriotisme tinggi.

Objektif memperkasakan anak muda Kelantan bermaruah juga diyakini serasi dengan empat

pendekatan iaitu modul berbudi bahasa, penampilan diri, jati diri dan "mutadayyin" yang menggalakkan pelajar mengamalkan solat berkualiti, bertadarus al-Quran dan istiqamah mengamalkan zikir dan doa harian.

Kaedah pelaksanaannya pula terpulang kepada sekolah untuk menentukan tajuk usrah berpandukan modul dan mekanisme pula melalui aplikasi media sosial seperti Google Meet, Zoom, YouTube dan sebagainya.

### Rumusan

Secara tuntasnya, program dan aktiviti yang dianjurkan oleh JAHEAIK dan Halaqat ini berupaya mendidik masyarakat berdaya usaha untuk selmbangkan kemajuan teknologi dengan pengisian rohani yang mantap agar terlindung daripada unsur-unsur negatif. Sementara situasi di Kelantan sekarang yang masih bergelut menangani wabak pandemik COVID-19, masyarakat secara tidak langsung telah diajak untuk mendekatkan diri kepada Allah SWT.

Semoga Kelantan menjadi perintis kelahiran para teknokrat mutadayyin iaitu pekerja profesional yang memiliki ilmu agama secukupnya dalam apa jua bidang. Contohnya, doktor yang faqih, jurutera yang solat di awal waktu dan guru yang hafaz al-Quran. ■



Bahagian Pengurusan Halal Jaheaik  
July 11

\* MINGGU KEMPEN KESEDARAN HALAL "PKP 3.0" JAJAHAN BACHOK \*

- Tarikh : 11-15 JULAI 2021
- Hari : Ahad-KHAMIS
- Masa : 10.00 PAGI
- Uca... See More

**Minggu Kempen KESEDARAN HALAL**  
Jajahan Bachok Secara Atas Online

*Mempersembahkan oleh*  
**YB. DATUK HAJI AHMAD MARZUK BIN SHAARY**  
Penasihat Menteri di Jabatan Perdana Menteri  
(Halal & Agama) Jabatan Perdana Menteri

**YB DATU' HAJI CHE MOHD RAHIM BIN HAJI JUSOH**  
Pengerusi Bahagian Halal Etiket Agama Islam Negara, Kementerian Agama

01 Zulhijjah 1442H / 11 Julai 2021H  
Ahad, 10.00 pagi

Pejabat Agama Jajahan Bachok was live.  
July 11

MINGGU KEMPEN KESEDARAN HALAL "PKP 3.0" JAJAHAN BACHOK (ONLINE)

Tarikh : 11-15 Julai 2021 (Ahad)  
Masa : 10.00 pagi... See More


حلاله ماكنن كيت؟


Halalkah makanan kita? | Mencari Halal adalah wajib | Belilah produk yang ada logo Halal yang sah

**Cara-cara Mengenali Logo Halal Malaysia**

<p>2 bintang kecil berbucu 5 bagi memisahkan rumi &amp; arab</p> <p>Tulisan Halal di tengah</p> <p>Tulisan "ماليزيا" dalam arab</p> <p>No. Rujukan Permohonan</p>		<p>Perkataan "Malaysia" dalam bulatan</p> <p>Bintang berbucu 8 di tengah bulatan.</p> <p>Perkataan Halal Arab 'حلال' di tengah bintang</p> <p>Contoh No. Standard MS 1500:2009</p>
---	--	--

MS 1500 : 2009  
1 200-05/2006

**PERINGATAN :** "Menggunakan sebarang logo halal tanpa kebenaran boleh didenda sehingga RM500,000.00"



## PAKEJ BANTUAN DAN FASILITI KESIHATAN COVID-19 BUKTI KERAJAAN KELANTAN CAKNA RAKYAT



Oleh: Nor Zainah Nordin

### Pengenalan

Di dalam Sidang Dewan Undangan Negeri Kelantan pada 24 Ogos lalu, Menteri Besar Kelantan, Dato' Bentara Kanan Ustaz Ahmad Yakob menyatakan kerajaan negeri Kelantan telah membelanjakan RM18.77 juta bagi menyalurkan pelbagai jenis bantuan kepada rakyat yang terkesan akibat pandemik COVID-19 setakat tujuh bulan pertama tahun 2021. Menurutnya, jika mengambil kira peruntukan yang disalurkan oleh kerajaan Persekutuan sebanyak RM13.5 juta, jumlah keseluruhan bantuan kepada rakyat Kelantan mencecah RM32.7 juta.

"Daripada jumlah tersebut, RM6.96 juta diperuntukkan untuk membantu penjaja dan peniaga kecil, pemandu teksi, petani, nelayan, guru pondok, pengusaha pelancongan dan lain-lain. Penyediaan bakul makanan kepada penduduk di kawasan yang dikenakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) melibatkan peruntukan sebanyak RM8.31 juta, program pengurusan COVID-19, RM0.1 juta dan makanan untuk petugas barisan hadapan, RM2 juta.

Pakej rangsangan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bagi menampung pengecualian sewa selama dua bulan pula melibatkan kos RM3.3 juta, kos Pusat Kuarantin dan Rawatan COVID-19 (PKRC) RM6.56 juta dan Pusat Pemberian Vaksin (PPV) sebanyak RM6.84 juta," katanya.

Berbanding tahun lalu, jumlah bantuan disalurkan kepada rakyat terkesan COVID-19 adalah RM33.25 juta dan daripada jumlah itu, RM21.81 juta disalurkan oleh kerajaan negeri.

### Pakej bantuan

Nasib rakyat yang terkesan dengan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) kian terbeban sejak tahun 2020 dan berterusan sehingga kini. Kerajaan Kelantan menanganinya secara berikhtisar melalui pengumuman pakej bantuan dan peruntukan bagi membantu segenap lapisan rakyat mengharungi suasana jerih.

Bermula dengan pengumuman oleh Menteri Besar insentif RM300 disalurkan kepada satu keluarga pesakit golongan B40 yang didapati positif COVID-19 atau diletakkan di bawah pengawasan berpusat akibat wabak tersebut.

Selaras dengan pengumuman RM5 juta peruntukan khas pada tahun 2020 bagi menangani penularan wabak COVID-19, kerajaan Kelantan memberikan RM500 kepada waris mangsa COVID-19 (bukan peserta Skim Kifalah Kerajaan Negeri Kelantan) yang meninggal dunia.

Seiring dengan arahan PKP 3.0 yang diumumkan oleh kerajaan Persekutuan pada Mac 2021, sekali lagi kerajaan negeri Kelantan mengumumkan peruntukan berjumlah RM2.7 juta bagi meringankan beban rakyat kurang berkemampuan akibat kesan penularan wabak terbahit sebagai insentif kepada rakyat susulan pelaksanaan sekatan pergerakan penuh atau "lockdown".

Menurut Dato' Ahmad, RM60,000 diperuntukkan bagi setiap kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) yang diselaraskan melalui 45 Pusat Khidmat DUN.

"Selain itu, bayaran cukai tanah semasa yang berakhir pada 30 Jun ini akan dilanjutkan kepada 31 Ogos dan denda lewat cukai tanah hanya akan dikenakan bermula 1 September," katanya ketika dihubungi.

## Peruntukan MAIK

Melalui peruntukan RM15.6 juta, Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) melaksanakan Program Bantuan MAIK 2021 untuk membantu golongan yang terjejas akibat COVID-19. Yang Dipertua MAIK, Tengku Tan Sri Dato' Haji Mohamad Rizam Tengku Abdul Aziz berkata, bantuan diagihkan menerusi tiga pakej iaitu Bantuan Prihatin MAIK, Perangsang MAIK dan Projek Pemangkin Kontraktor Kecil.

Katanya, bantuan Prihatin MAIK diperuntukkan sejumlah RM6.1 juta dengan mensasarkan penerima dalam kalangan ibu tunggal, pesakit kronik atau terlantar serta mereka yang hilang pekerjaan dan sumber pendapatan. Bantuan itu dijangka dapat memanfaatkan 30,500 orang penerima melibatkan orang Islam serta bukan Islam termasuk kategori B40 dan M40 yang terkesan.

Menurut beliau, bantuan itu dalam bentuk barangan keperluan dan wang tunai. Penerimaan dan penyaluran peruntukan tersebut diluruskan melalui ketua jajahan dengan kerjasama imam-imam masjid bandar dan mukim.

Manakala, Bantuan Perangsang MAIK pula melibatkan peruntukan sebanyak RM5.5 juta yang difokuskan kepada penggiat ekonomi merangkumi penjaja (pasar awam, pasar borong dan pasar malam), peniaga kecil (warung dan gerai tepi jalan), pengusaha teksi, beca, e-hailing, bas dan van sekolah, petani, peladang kecil serta nelayan.

Bagi Projek Pemangkin Kontraktor Kecil, MAIK memperuntukkan bantuan berjumlah RM3 juta bagi membantu kontraktor Kelas G-1 yang berdaftar dengan MAIK. Kategori mereka diperincikan melalui tahap projek kerja-kerja membaiki dan membaik pulih rumah asnaf MAIK berjumlah RM1 juta yang akan memanfaatkan sekurang-kurangnya 100 buah rumah asnaf.

Sementara itu, bantuan untuk kerja-kerja pembaikan kecil dan pembekalan keperluan asas surau serta madrasah yang bernilai RM2 juta dijangka memberi impak kepada 150 orang kontraktor. Bantuan serampang dua mata tersebut bermatlamat untuk memastikan rumah-rumah asnaf, surau dan madrasah berada dalam keadaan selesa dan selamat untuk digunakan di samping membantu kontraktor-kontraktor kecil "bernafas" setelah melalui musim suram yang panjang.

## Sumbangan peribadi pemimpin negeri

Sementara itu, Dato' Ahmad turut mengumumkan sumbangan peribadi beliau sebanyak RM15,000 diikuti barisan Exco negeri berjumlah RM10,000 kepada Tabung Serambi Mekah yang diluruskan oleh kerajaan negeri.

Keprihatinan pemimpin kerajaan juga disambut oleh semua Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kelantan yang turut memberi sumbangan berjumlah RM3,000 setiap seorang bagi tujuan yang sama.

Tidak terkecuali, golongan peniaga kecil disediakan peruntukan berjumlah RM2.25 juta menerusi Pakej Bantuan Cakna Rakyat COVID-19 Fasa 2 bagi meringankan beban golongan tersebut yang terkesan dengan perintah sekatan penuh yang sedang berlangsung sehingga Ogos 2021.

Ketika mengumumkan peruntukan tambahan itu, Dato' Ahmad berkata, bantuan fasa kedua tersebut membuktikan kerajaan negeri sangat memahami masalah ekonomi yang dihadapi peniaga kecil ekoran pelaksanaan PKP 3.0 ketika ini.

Bantuan tersebut akan disalurkan kepada 45 Pusat Khidmat DUN yang bertanggungjawab sebagai pusat khidmat untuk diagih-agihkan kepada peniaga yang terkesan.

## Elaun tambahan

Terbaharu, Persidangan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Kelantan kali yang ke 16/2021 yang bersidang pada 2 Muharam 1443 bersamaan 11 Ogos 2021 bersetuju meluluskan pemberian elaun tambahan kepada imam tua dan imam muda sebanyak RM150.00 dan bilal RM50.00.

Dato' Ahmad memaklumkan menerusi kenyataan rasmi tentang pembayaran elaun tambahan itu melibatkan 587 kategori masjid mukim A, besar dan kecil seluruh negeri Kelantan berkuatkuasa Julai 2021 melibatkan jumlah keseluruhan elaun imam tua adalah RM1,850.00 dan RM1,350.00 bagi imam muda bagi masjid mukim kategori A, manakala bilal pula menerima RM800.00.

Di samping itu, bermula 15 Ogos 2021, kerajaan negeri bersetuju untuk memperuntukkan sumbangan sebanyak RM1,500.00 kepada waris mangsa kategori B-40





sebagai pengurusan jenazah kes COVID-19 adalah bukti keprihatinan kerajaan negeri terhadap bebanan waris yang kehilangan ahli keluarga akibat jangkitan wabak ini.

#### **Kemudahan fasiliti kesihatan berpusat dan bergerak**

Bukan sekadar bantuan kewangan yang diperuntukkan, kerajaan negeri kekal prihatin dengan nasib rakyat yang dijangkiti COVID-19, telah menyediakan kemudahan berpusat khas untuk mereka iaitu Pusat Kuarantin dan Rawatan COVID-19 Berisiko Rendah (PKRC).

Penyediaan fasiliti kesihatan ini disokong oleh pelaksanaan program capaian komuniti (outreach) atau bergerak ke kawasan terpilih. Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan Perumahan dan Kesihatan Negeri Kelantan, Dr. Izani Husin berkata, berdasarkan pemerhatian, jangkitan COVID-19 di Kelantan melonjak setiap kali musim perayaan, namun menurun selepas kadar suntikan vaksin meningkat.

"Di Kelantan, penerima vaksin tidak hanya dipanggil melalui aplikasi MySejahtera, malah kita turut melakukan Program Outreach di kawasan tertentu bagi membolehkan lebih ramai rakyat di negeri ini mendapat suntikan vaksin dengan segera", katanya.

#### **Pujian menteri**

Usaha kerajaan negeri menggerakkan Program Outreach mendapat pujian Menteri Penyelaras Vaksinasi Kebangsaan (pada ketika itu), Khairy Jamaluddin yang berpendapat pendekatan yang diambil kerajaan Kelantan itu menunjukkan ia tidak bergantung kepada PPV semata-mata.

Sebanyak 10 program berkenaan sudah dilaksanakan di Jeli, Kuala Krai, Kota Bharu dan Pasir Mas malah bakinya akan diadakan dalam masa terdekat yang biasanya dilakukan selama tiga hari sehingga dua minggu bergantung kepada lokasi serta jumlah komuniti.

Pemilihan lokasi pula ditentukan melalui perbincangan dengan ketua jajahan, penghulu serta pegawai setempat. Bagi tujuan sama, Jabatan Kesihatan Kelantan (JKNK) dan MAIK bersinergi menjadikan masjid sebagai PPV bergerak termasuklah sokongan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Kelantan yang menyediakan tiga bas untuk membawa orang ramai terutama dari kawasan pedalaman ke PPV tersebut.





Tidak terkecuali masyarakat Orang Asli, JKNK bekerjasama dengan Pejabat Kesihatan Gua Musang untuk melaksanakan program vaksinasi dan ia membuktikan semua golongan masyarakat diberi perhatian supaya mendapat suntikan bagi memastikan penularan COVID-19 dapat diputuskan. Begitu juga, 1,143 Orang Kurang Upaya (OKU) dalam kalangan pelatih Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PPDK) seluruh Kelantan turut diberi perhatian serius dan layak menerima suntikan vaksin COVID-19.

Timbalan Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Negeri Kelantan, Siti Nor Hasma Mat Isa mengesahkan 333 pelatih dari tujuh jajahan kecuali Pasir Puteh, Kuala Krai dan Gua Musang telah divaksinasi. Pelatih lain bakal menerima suntikan untuk fasa berikutnya dalam tempoh terdekat berdasarkan penyelarasan jadual pemberian vaksin Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) yang melibatkan 150 penyelia dan petugas PPDK di seluruh negeri.

Tidak terkecuali malah para banduan. Pengarah Penjara Kelantan, Mat Yaacob berkata, 2,000 individu divaksinasi dalam program selama lima hari bermula 15 Jun lalu yang membabitkan kakitangan, ahli keluarga dan masyarakat setempat di Program Outreach Vaksinasi Kakitangan dan Ahli Keluarga di Dewan Tan Sri Murad Ahmad di Penjara Pengkalan Chepa. Tambahan lagi, bagi menangani kes COVID-19 dalam kalangan banduan, pihaknya mewujudkan PKRC di dalam penjara.

### Kesimpulan

Komitmen kerajaan Kelantan amat tinggi dalam penyediaan bantuan ekonomi dan fasiliti kesihatan kepada rakyat dalam menangani ujian PKP rentetan pandemik COVID-19. Kemuncaknya, apabila Pengelola Istana Diraja Kelantan Dato' Tengku Azmi Tengku Jaafar memaklumkan Sultan Kelantan, Sultan Muhammad V berkenan membuka pintu Istana Balai Besar kepada rakyat jelata bagi tujuan kemudahan pelaksanaan PICK di Istana Balai Besar bermula 1 hingga 5 Ogos lalu bagi Fasa Dua PPN.

Sehingga 1 Oktober 2021, puluhan ribu rakyat Kelantan yang terkesan COVID-19 dan PKP sudah diberikan bantuan bernilai jutaan ringgit. Manakala 1,086,606 atau 57.0 peratus rakyat sudah mendapat suntikan vaksin dos pertama dan 905,951 (73.3 peratus) sudah mendaftar di 37 PPV awam yang disediakan di setiap jajahan.

Kerajaan sudah menyediakan yang terbaik, maka pihak rakyat pula diharapkan bersedia bekerjasama untuk segera mencapai kekebalan kelompok (herd immunity) kerana vaksin hanya ikhtlar dan tidak menjamin jangkitan tidak berlaku. Sebaliknya, SOP kendiri seperti kerap mencuci tangan, menjaga jarak sosial, sanitasi dan memakai pelitup muka adalah langkah terbaik mengekang penularan COVID-19. ■

**PAKEJ BANTUAN CAKNA RAKYAT NEGERI KELANTAN**  
Perintah Kawalan Pergerakan 3.0

**FASA 1** **RM2.7 JUTA** **RM60 RIBU**  
KEPADA RAKYAT TERKESAN BAGI SETIAP DUN

**FASA 2** **RM2.25 JUTA** **RM50 RIBU**  
KEPADA PENIAGA-PENIAGA KECIL TERKESAN BAGI SETIAP DUN

**RM4.95 JUTA**  
JUMLAH KESELURUHAN

**PAKEJ BANTUAN CAKNA RAKYAT COVID-19**  
Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0

**RM 2.7 Juta** sebagai bantuan kepada golongan terkesan COVID-19 dengan **Peruntukan RM 60,000** bagi setiap kawasan **Dewan Undangan Negeri (DUN)**

Bayaran **Cukai Tanah Semasa** yang berakhir **30 Jun 2021** dilanjutkan kepada **31 Disember 2021**

**Sumbangan RM 15,000** daripada Menteri Besar, **RM 10,000** daripada EXCO Kerajaan Negeri dan **RM 3,000** daripada semua **ADUN Kelantan** kepada **Tabung Amanah Kebajikan Darul Naim (Tabung Serambi Mekah)**

UPKN

**Mukadimah**

Penubuhan Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS) pada tanggal 24 Ogos 1999 dirasmikan oleh Sultan Kelantan, KDYMM Sultan Ismail Petra menawarkan tiga program pengajian peringkat Diploma iaitu Diploma Al-Syariah, Usuluddin dan Al-Dakwah Wal Qiadah.

Mulai sesi 2002/2003 KIAS telah menambah program Ijazah Sarjana Muda berkembar (3+1) dengan Universiti al-Azhar, Mesir, dalam bidang Syariah dan Usuluddin. Seterusnya, mulai sesi pengajian 2006/2007, KIAS melangkah setapak lagi ke hadapan dengan menawarkan program Diploma Bahasa Arab.

Manakala pada sesi November 2007, KIAS menerima pelajar-pelajar bagi mengikuti satu lagi program terbaru KIAS iaitu Sijil Pengajian Islam yang direka khas untuk memberi peluang kepada pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang tidak mempunyai kelayakan memasuki pengajian pada peringkat Diploma.

Kemudian, pada Jun 2010, tiga program Diploma baharu ditawarkan iaitu Diploma Tahfiz Al-Quran, Diploma Qiraat & Tarannum dan Diploma Kewangan Islam disusuli dengan Diploma Perbankan Islam dan Diploma Pengajian Islam pada Jun 2012.

Hasil usaha yang bertekad, KIAS berjaya menambah tiga lagi program Diploma iaitu Diploma Dakwah Dengan Media, Diploma Pendidikan Awal Kanak-Kanak Secara Islam dan Diploma Pengurusan Logistik dan Rantaian Bekalan mulai semester Jun 2014/2015.

Pada semester Jun 2015/2016, satu lagi program mula ditawarkan iaitu Diploma Kaunseling dan pada Jun 2017/2018 pula, KIAS mula menawarkan Diploma Pengurusan Halal.

Seterusnya, Sarjana Muda Pendidikan Awal Kanak-kanak (Dengan Kepujian) dan mutakhir, KIAS turut merangka satu lagi program baharu pada peringkat diploma iaitu Diploma Teknologi Maklumat. Selain itu, KIAS turut memperkenalkan dua program asasi iaitu Asasi Pengajian Islam dan juga Asasi Pengurusan Perniagaan. KIAS juga sedang merancang satu lagi program pada peringkat diploma iaitu Diploma Multimedia Kreatif.

Terkini, KIAS berjenama Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra dengan mengekalkan akronim "KIAS" dan dijangka menawarkan program pengajian ijazah sarjana muda yang dibangunkan sendiri pada tahun 2022.

**Berstatus antarabangsa**

Semua program yang ditawarkan oleh KIAS diberi pengiktirafan oleh kerajaan Malaysia. Sehubungan dengan itu, lepasan Diploma KIAS layak memasuki pasaran pekerjaan di sektor awam di samping layak untuk menyambung pengajian pada peringkat Ijazah Sarjana Muda di IPT dalam dan luar negara seperti universiti-universiti di Jordan dan Mesir, Institut Agama Islam Negeri (IAIN) serta Universitas Islam Negeri (UIN) di Indonesia dan juga IPTA/S tempatan.



Oleh: Dr. Linamalini Mat Nafi

**KIAS BERTARAF KOLEJ UNIVERSITI  
KEBERSAMAAN ADALAH  
PENGALAMAN BERTARAF**

Pengurusan KIAS ditadbir oleh 78 orang kakitangan daripada pelbagai peringkat. Manakala 1716 mahasiswa dari dalam dan luar negara seperti Indonesia, China, Thailand, Kemboja, Singapura, Nigeria dan Palestin kini dibimbing oleh 91 orang pensyarah termasuk 12 orang berkelulusan Doktor Falsafah, 58 orang Sarjana dan 21 orang Sarjana Muda dalam pelbagai jurusan.

**Kebersamaan bermula**

Sekitar tahun 2011, pentadbir KIAS telah membentangkan permohonan naik taraf Kolej Universiti di KPT dan kemudiannya dilawat oleh pihak KPT untuk

membuat penilaian terhadap permohonan naik taraf tersebut.

Pihak KIAS telah sedaya upaya berusaha memenuhi segala kriteria yang telah ditetapkan, namun nasib tidak menyebelahi KIAS pada waktu itu apabila permohonan tersebut tidak dapat dipertimbangkan oleh pihak KPT.

Walau bagaimanapun, perkara tersebut tidak sedikitpun mematahkan semangat warga KIAS untuk terus berusaha menggapai cita-cita murni ini. Usaha-usaha menaik taraf kolej universiti diteruskan yang mana KIAS telah mengemukakan dokumen permohonan naik taraf kolej universiti buat kali kedua kepada Jabatan Pendidikan Tinggi pada penghujung tahun 2018.



**Sesi bergambar ketika Mesyuarat Penyelaras Pelaksanaan Dasar Pendidikan Rabbani Kelantan (DPRK) peringkat KIAS bersama Sekretariat bersama; Institut Latihan Pengurusan Kelantan (ILPK) dan Panel Perunding**

Pada April 2019 KIAS sekali lagi diberi peluang untuk membentangkan permohonan naik taraf kolej universiti di Jabatan Pendidikan Tinggi.

#### **Khabar gembira**

Tanggal 22 Mac 2021 adalah detik bersejarah bagi warga KIAS dan kerajaan negeri Kelantan khususnya serta seluruh rakyat Kelantan amnya kerana pada tarikh tersebut KIAS berjaya dinaik taraf berstatus Kolej Universiti.

Kejayaan ini hasil usaha yang tidak berbelah bahagi yang dilakukan oleh warga KIAS bermula dari peringkat bawahan sehinggalah pada peringkat pengurusan tertinggi bermula lebih sepuluh tahun lalu.

Setelah melalui beberapa proses, KIAS dijemput buat kali ketiga oleh pihak KPT untuk membentangkan permohonan naik taraf kolej universiti secara dalam talian pada 1 Disember 2020. Akhirnya, KIAS mendapat perkhabaran gembira mengenai kejayaan KIAS dalam permohonan naik taraf kolej universiti. KIAS telah dijemput ke majlis penyerahan surat kelulusan penubuhan naik taraf Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) pada 1 April 2021.

Penantian hampir 10 tahun untuk mendapat taraf kolej universiti berakhir apabila KIAS Kelantan berjaya menerima sijil naik taraf yang diserahkan oleh Menteri Pengajian Tinggi (pada ketika itu), Datuk Seri Dr. Noraini Ahmad kepada Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Insan, Pendidikan, Pengajian Tinggi, Sains dan Teknologi Negeri Kelantan, Dato' Dr. Mohamed Fadzli Hassan.

Mohamed Fadzli berkata, pengiktirafan yang diterima oleh satu-satunya kolej milik kerajaan negeri itu

**Pelaksanaan Projek Rintis  
Dasar Pendidikan  
Rabbani Kelantan  
Diimplimentasikan Melalui**

**10 SEKOLAH RINTIS  
YAYASAN ISLAM KELANTAN**

1 Maahad Muhammadi Lelaki	2 Maahad Muhammadi Perempuan	3 Maahad Muhammadi Tumpat	4 Maahad Syamsul Maarif (P)
5 Maahad Tahfiz Sains Tanah Merah	6 Maahad Pengajian Islam	7 SMU(A) Al-Ittihadiah Tanjung Pagar	
8 SMU(A) Tarbiah Mardiah Panchor	9 SMU(A) Tarbiah Islamiah Chabang Empat	10 SMU(A) Nurul Huda Kajang Sebidang	

**1 IPT RINTIS**

1  
Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS)

adalah kejayaan bersama setelah 10 tahun berusaha untuk memenuhi kehendak KPT.

#### **Mendapat sokongan**

KIAS juga sangat beruntung kerana sentiasa mendapat sokongan yang tidak berbelah bahagi daripada kerajaan negeri Kelantan melalui pelaksanaan Dasar Pendidikan Rabbani Kelantan (DPRK). Justeru, kurikulum yang dibangunkan dalam semua program pengajian sangat menitikberatkan prinsip-prinsip DPRK ini.

Kurikulum yang dibangunkan dijangka mampu menyeimbangkan aspek akademik dan karakter serta sahsiah pelajar. Dalam erti kata lain, graduan yang dihasilkan oleh KIAS bukan sahaja mantap dari segi nilai intelek bahkan mereka juga hebat dari sudut akhlak dan keterampilan.

Kini, KIAS sedang menawarkan dua program Ijazah Sarjana Muda yang dibuat secara kolaborasi dengan Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (UniSHAMS), Kedah dan 15 program pada peringkat diploma serta satu program sijil.

Bagi memantapkan kurikulum pengajian, KIAS telah menubuhkan tiga fakulti utama iaitu Fakulti Pengajian Islam Kontemporari, Fakulti Pengurusan Muamalat dan Teknologi Maklumat serta Fakulti Pengajian Pasca-siwazah.

Manakala program pengajian baharu pula KIAS telah selesai menyiapkan dokumen bagi lapan program pada peringkat Ijazah sarjana muda, satu program tambahan di peringkat diploma dan dua program asasi. Semua dokumen tersebut sedang dalam penilalan pihak Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) untuk kelulusan pelaksanaannya.

Antara program pengajian pada peringkat Ijazah Sarjana Muda ialah Sarjana Muda Usuluddin Dengan Pengurusan (dengan Kepujian), Sarjana Muda Syariah Dengan Pengurusan Halal (Dengan Kepujian), Sarjana Muda Pengajian Islam Dengan Pengurusan (Dengan Kepujian) dan Sarjana Muda Tahfiz Al-Quran Dengan Pengurusan (Dengan Kepujian).

Seterusnya, ditawarkan juga Sarjana Muda Bahasa Arab Untuk Tujuan Khusus (Dengan Kepujian), Sarjana Muda Pentadbiran Muamalat (Kewangan dan Perbank-

an Islam) (Dengan Kepujian) dan Sarjana Muda Sains Komputer Dengan Multimedia (Dengan Kepujian).

Selain itu, KIAS juga merancang untuk memperoleh status universiti penuh dalam tempoh lima tahun. Perkara ini memerlukan komitmen dan usaha yang lebih gigih lagi daripada semua pihak khususnya kakitangan akademik dan pengurusan KIAS serta sokongan yang padu daripada kerajaan Kelantan.

### Kesimpulan

Sesungguhnya perjalanan untuk mencapai taraf kolej universiti bukanlah mudah. Perjuangan ini telah melalui proses yang agak panjang dan pelbagai cabaran serta rintangan yang dilalui dalam usaha mencapai status kolej universiti.

Sememangnya pencapaian tersebut tidak akan dapat dicapai tanpa pengorbanan serta usaha yang gigih daripada sebuah pasukan yang hebat iaitu ahli-ahli akademik dan juga pihak pengurusan.

Kejayaan ini sekali gus dapat meningkatkan lagi kemampuan pendidikan rakyat Kelantan khususnya dalam bidang pengajian Islam kerana para graduan KIAS pada hari ini adalah hasil usaha dan kesungguhan warga KIAS seluruhnya yang memikul amanah dalam merealisasikan aspirasi melahirkan ilmuan dan profesional Islam.

Semoga KIAS terus berkembang maju dan dapat meluaskan sayapnya di bumi Malaysia dan ke persada antarabangsa dengan imej siswazah berakhlak mulia, bertaqwa dan modal insan yang berupaya untuk menyumbang kepada pembangunan masyarakat dan negara. 🇲🇾



Dr. Abdul Aziz Mohd Zain, Ketua Eksekutif KIAS menerima sijil naik taraf KIAS kepada Kolej Universiti dari YB Datuk Seri Dr. Noraini Ahmad, Menteri Pengajian Tinggi.



Gambar exco bersama rombongan KIAS yang terdiri daripada ahli lembaga pengarah, dan pengurusan tertinggi KIAS.



# INISIATIF MEMBENDUNG PENULARAN COVID-19



## INFORMASI PERHUBUNGAN

Pusat Informasi & Talian Aduan AKSB (PINTAS) - **15777**  
Laman Web - [www.airkelantan.com.my](http://www.airkelantan.com.my)



@airkelantan



Air Kelantan Official



[pintas@airkelantan.com.my](mailto:pintas@airkelantan.com.my)



019-575 5777  
(Whatsapp Sahaja)



# TERAJU 2A

## MANTAPKAN TADBIR URUS KELANTAN BERINTERGRITI

Oleh:  Nik Fauziah  
Nik Hussin

Firman Allah Taala dalam surah al-Baqarah ayat 188,  
 “Dan janganlah kamu makan harta orang lain antara kamu dengan jalan yang batil, dan janganlah kamu  
 menghulurkan harta kamu (memberi rasuah) kepada hakim-hakim supaya kamu dapat mengambil sebahagian  
 daripada harta orang dengan cara berbuat dosa padahal kamu mengetahui salahnya”.

Manakala hadis daripada Thauban RA menyebut,  
 Rasulullah saw melaknat pemberi rasuah, penerima rasuah dan perantara yang bersifat penghubung antara  
 kedua-duanya”- Riwayat Ahmad (22399), al-Tabarani dalam al-Mu’jam al-Kabir (1415), al-Baihaqi dalam Syu’ab  
 al-Iman (5503) dan al-Hakim dalam al-Mustadrak (7068)

Perbuatan rasuah bukan sahaja umpama merampas hak orang lain, malah menimbulkan banyak kesan buruk yang membahayakan. Bayangkan, disebabkan rasuah, bangunan boleh runtuh dan nyawa melayang dek ketidakjujuran jurutera yang meluluskan atau kontraktor yang membekalkan barangan tidak berkualiti.

Kelantan bertuah kerana teraju 2A yakni Ahmad dan Amar berjaya melestarikan tadbir urus negeri yang berintegriti selama 30 tahun di bawah kepimpinan saf ulama dan teknokrat.

### **Dasar**

Menyedari buruknya gejala rasuah, Allahyarham Tuan Guru Dato' Bentara Setia Haji Nik Abdul Aziz Nik Mat (Tok Guru) mengisytiharkan pentadbiran yang berlandaskan ajaran Islam sebaik sahaja mengambil alih tampuk pemerintahan kerajaan negeri Kelantan. Dengan slogan Membangun Bersama Islam (MBI), Allahyarham mula memperkenalkan tiga prinsip penting dalam jentera pentadbirannya iaitu Ubudiyah, Masuliyah dan Itqan (UMI).

Melalui prinsip Masuliyah (bertanggungjawab terhadap tugas tanpa melakukan penipuan, pengkhianatan, kezaliman dan rasuah), beliau mengorak langkah membetulkan kepincangan dalam kepimpinan dan tadbir urus sewaktu di bawah pemerintahan kerajaan Barisan Nasional (BN) di Kelantan, khasnya yang melibatkan sistem kawalan dan disiplin dalam menjalankan projek-projek kerajaan.

Sebagai contoh, sistem tender runding dalam pemberian tender balak boleh menyebabkan pengurusan kewangan terdedah kepada risiko penyelewengan dan pecah amanah di samping melemahkan akauntabiliti dan tanggungjawab mereka yang terlibat terutama kakitangan kerajaan sendiri.

### **Hapus sistem tender runding**

Menteri Besar Kelantan itu telah mengambil langkah berani menghapuskan sistem tender runding yang mengganggu kemantapan pengurusan kewangan. Saya masih ingat sewaktu bertugas sebagai wartawan di Kelantan, saya sempat menemu bual bekas penghulu tanpa mukim di Tendong, Ting Lal Hong yang juga bapa kepada pelakon terkenal Dato' TS Jeffry. Beliau menjelaskan bahawa selepas teraju kerajaan negeri diambil alih oleh PAS, ramai ahli perniagaan Cina menyatakan lebih senang berurusan dengan pihak kerajaan negeri di bawah kepimpinan Tok Guru, kerana tidak lagi perlu memberi "duit kopi". Semua urusan berkaitan juga bersifat telus.

Selain itu Tok Guru mengambil langkah menghapuskan amalan memberi cenderamata/hadiah kepada pemimpin ketika melakukan lawatan rasmi kerana amalan itu juga boleh menjurus ke arah budaya rasuah. Langkah yang diambil oleh beliau adalah bersifat pencegahan sebelum berlaku sesuatu gejala yang tidak

diingini.

Penerapan prinsip Ubudiyah (menjalankan tugas atau tanggungjawab dengan niat mengabdikan diri kepada Allah) pula telah berjaya menerapkan kesedaran bahawa pekerjaan yang dilakukan adalah suatu ibadat dan diperhatikan oleh Allah SWT. Kesedaran tersebut mampu mendidik pemimpin agar menjalankan tugas dengan sempurna dan menjaga kepentingan rakyat serta tidak mudah terjerumus melakukan perkara buruk seperti rasuah kerana mereka tahu segala tindak-tanduk diperhatikan Allah SWT.

Sepanjang pentadbiran Tok Guru dari tahun 1990 sehingga 2013, beliau telah berjaya mengekang gejala rasuah daripada terus menular dalam kerajaan pimpinannya. Ternyata dasar MBI yang pada awalnya dipandang sebelah mata oleh umum telah berjaya membawa negeri Kelantan ke dimensi baharu. Malah dasar yang dipelopori oleh Tok Guru memberikan kekuatan untuk PAS terus bertahan sehingga lebih 30 tahun memegang tampuk kuasa di Kelantan.

### **Gandingan mantap Ahmad-Amar**

Apabila Tok Guru melepaskan jawatan sebagai Menteri Besar pada tahun 2013, tempatnya telah digantikan oleh Ustaz Dato' Bentara Kanan Haji Ahmad Yakob. Susuk pengganti Tok Guru yang mesra dengan gelaran Ustaz Mad ini juga bukan calang-calang orangnya. Biarpun pada awalnya ramai yang ragu-ragu dengan kemampuan Ustaz Mad sebagai pengganti Tok Guru, ternyata percaturan yang dilakukan oleh Tok Guru adalah tepat.

Gandingan regu mantap 2A Ahmad-Amar; Ustaz Mad selaku Menteri Besar dan Dato' Haji Mohd Amar Abdullah sebagai timbalannya, adalah teraju negeri yang telah berjaya memacu perubahan dan kejayaan Kelantan pasca kepimpinan Tok Guru.

Dasar MBI yang dirintis oleh Tok Guru telah diberikan nafas baharu di bawah pentadbiran Ustaz Mad. Selepas setahun menerajui pemerintahan negeri Kelantan, beliau telah melancarkan Pelan Strategik Merakyatkan Membangun Bersama Islam menuju Keberkatan, Kemakmuran dan Kebajikan.

Pelan ini pada dasarnya adalah penerusan daripada 23 tahun pelaksanaan dasar MBI. Namun ia telah diperkukuh dengan misi menuju keberkatan, kemakmuran dan kebajikan serta merangkumi seluruh rakyat.

### **Pemeriksaan UMI**

Tiga prinsip utama iaitu Ubudiyah, Masuliyah dan Itqan kekal menjadi teras dasar MBI bagi menggerakkan pentadbiran dan pengurusan kerajaan negeri Kelantan. Konsep UMI terus diperkasa melalui latihan, seminar mahupun bengkel bagi memastikan penghayatan dan pemahaman oleh seluruh anggota pentadbiran awam negeri Kelantan. Usaha ini dilakukan bagi melahirkan



Lafaz Ikrar sempena Gerakan Revolusi Anti Rasuah

memiliki akauntabiliti sehingga membentuk budaya kerja berprestasi tinggi.

### Bebas Rasuah

Selain penerapan konsep UMI, kerajaan negeri telah mengambil langkah proaktif untuk terus membendung gejala rasuah. Kelantan menjadi negeri pertama yang mengarahkan Ketua Jabatan Negeri dan Persekutuan untuk menandatangani Ikrar Bebas Rasuah. Kerajaan negeri juga telah menyertai Gerakan Revolusi Antirasuah (GERAH) yang telah dilancarkan pada tahun 2017 oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Bagi membuktikan keseriusan kerajaan negeri membanteras gejala rasuah, kerajaan negeri telah bertindak membangunkan Pelan Integriti Organisasi (PIO) Pejabat SUK Kelantan pada tahun 2008 selaras dengan pelaksanaan Pelan Integriti Nasional (2004) oleh kerajaan Persekutuan.

Objektif PIO (2008-2020) adalah untuk memperkukuh asas nilai-nilai murni dan membudayakan integriti sebagai amalan warga kerja jabatan di samping meningkatkan pentadbiran dan sistem penyampaian perkhidmatan yang cekap, berdisiplin dan berintegriti, serta meningkatkan daya tahan dan produktiviti kerja warga jabatan.

### Lima strategi

Bagi mencapai objektif tersebut, lima strategi PIO telah dirancang.

1. Pemantapan pentadbiran jabatan yang cekap, berdisiplin dan berintegriti.
2. Peningkatan kesedaran melalui amalan budaya kerja berintegriti.
3. Peningkatan kesedaran pelaksanaan pematuhan kepada sistem penyampaian perkhidmatan awam.
4. Pemantapan sistem kawalan dalaman jabatan.
5. Pengurusan prestasi dan pengiktirafan warga jabatan.

### Langkah proaktif

Tidak terhenti dengan pembentukan PIO, kerajaan negeri terus mengambil langkah proaktif membentuk Pelan Antirasuah Kelantan 2020-2024 (KACP) sebagai menyahut saranan Perdana Menteri. Kerajaan negeri memandang serius isu pelanggaran integriti, rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan terutama yang melibatkan penjawat awam negeri Kelantan. Oleh itu Bahagian Integriti dan Tadbir Urus, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan telah diberi mandat membangunkan Pelan Antirasuah Kelantan.

Visi dan misi KACP adalah untuk membentuk pentadbiran negeri yang berintegriti serta bebas rasuah di samping memperkasa tadbir urus kerajaan negeri. Bagi mencapai visi dan misi tersebut, KACP telah merangka strategi berikut untuk diguna pakai dalam pelaksanaannya.

1. Memperkukuhkan profesionalisme dan kecekapan penyampaian perkhidmatan awam negeri Kelantan.
2. Mempertingkatkan keberkesanan dan ketelusan perolehan awam.
3. Meningkatkan kredibiliti agensi penguatkuasaan



undang-undang.

4. Memperkasakan tadbir urus baik dalam entiti korporat.
5. Memperkasakan kebertanggungjawaban dan integriti politik.
6. Mempertingkatkan kredibiliti sistem perundangan dan kehaklman syarlah.

### Pelan antirasuah

Justeru, tidak hairanlah usaha bersungguh-sungguh menangani gejala rasuah ini terbukti berhasil apabila Kelantan diisytiharkan sebagai negeri sifar rasuah sejak 1990 sehingga tulisan ini disiapkan pada 22 September 2021.

Sewaktu sesi soal jawab Persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN), Timbalan Menteri Besar Kelantan menjelaskan pencapaian tersebut diperolehi hasil pelaksanaan dasar MBI yang diperkenalkan oleh PAS semenjak awal mengambil alih kuasa selain beberapa siri program yang diadakan dari semasa ke semasa.

Tambahnya lagi, antara progam yang dilaksanakan termasuk mengadakan program latihan UMI yang dilaksanakan di semua jabatan kerajaan pada hari Khamis setiap minggu bermula pukul 2.30 hingga 3.30 petang.

Selain itu, pada peringkat Pejabat Setiausaha Kerajaan Kelantan, pelaksanaan MS ISO370001206 iaitu sistem pengurusan antirasuah juga turut dilakukan di semua jabatan dan agensi kerajaan negeri sesuai dengan ketetapan Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019-2029.

Pelantikan bekas Pengarah SPRM, Dato' Mohd Samsudin Yusoff sebagai Pegawai Pemantauan dan Pelaksanaan Program Integriti Kerajaan Negeri pada tahun lalu turut menggambarkan keseriusan kerajaan negeri untuk kekal dikenali sebagai sebuah kerajaan yang berintegriti.

Sememangnya isu rasuah dalam kalangan pemimpin akan meletus sebaik sahaja hampir pilihan raya. Namun sering kali juga kes tersebut tenggelam apabila parti yang dituduh meraih kemenangan. Begitu juga desas-desus mengatakan Exco kerajaan negeri akan dipanggil oleh SPRM untuk membantu siasatan kes rasuah Alr Kelantan Sdn. Bhd. (AKSB) bernilai RM27 juta membabitkan tender dan kerja-kerja berkaitan syarikat air berkenaan. Namun sehingga 24 Julai 2021, Astro Awani melaporkan tiada exco kerajaan negeri yang dikehendaki tampil membantu siasatan.

Sebagai kesimpulannya, integriti pemimpin dan pegawai kerajaan negeri yang begitu tinggi berpunca daripada budaya kerja pihak kerajaan negeri yang sentiasa mengamalkan sikap terbuka sejak dahulu sehingga kini untuk pihak berkuasa lain dan SPRM menyiasat sekiranya terdapat dakwaan dikemukakan.

Kesediaan kerajaan memberi kuasa dan kerjasama

Kesediaan kerajaan memberi kuasa dan kerjasama tanpa sebarang campur tangan terhadap siasatan kes rasuah oleh pihak berkuasa membuktikan keterbukaan kerajaan negeri Kelantan menangani isu rasuah.

Hal tersebut bertitik tolak daripada dasar MBI yang diterapkan oleh Tok Guru sejak awal pentadbirannya dan kemudian diteruskan serta ditambah baik oleh dua teraju utama; Ahmad dan Amar yang membuktikan keberkesanan kepimpinan gabungan ulama dan teknokrat. ■

## PELAN ANTIRASUAH NASIONAL



## PELAN INTEGRITI ORGANISASI



# TIGA KAMPUNG BERNAMAKAN POHON


Oleh:  Norzana Razaly  Alin Alauddin

Pohon, antara ciptaan Allah yang sangat istimewa. Sejak zaman Nabi Adam, pokok ada ceritanya sendiri dan dikaitkan dengan asbab kewujudan manusia di dunia. Pokok juga digambarkan dengan pelbagai perlambangan, kekuasaan, kebesaran dan pengajaran kepada manusia sehingga al-Quran banyak bercerita tentangnya.


Pada edisi pengenalan slot Leluhur yang menggantikan Heritage, dua penulis berganding bahu merungkal kisah di sebalik asal-usul tiga lokasi di Kelantan yang mendapat nama daripada pohon iaitu Guchil, Pulau Chondong dan Meranti berserta paparan informasi pembangunan semasa.



## GUCHIL



## PULAI CHONDONG



## MERANTI

## Guchil

**Namanya diambil sempena pokok guchil yang tumbuh subur di sekitar Masjid Baruh Guchil suatu ketika dahulu, sekarang bergelar Masjid Annur Bandar Guchil.** Kedudukannya sangat strategik iaitu di kawasan berbukit dan persimpangan utama antara Gua Musang dan Kota Bharu.

Menurut Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Guchil, Hilmi Abdullah, pada zaman darurat, kerajaan mengumpulkan seluruh penduduk di sebuah estet kelapa sawit di Kuala Krai untuk melindungi mereka daripada ancaman komunis. Tempat ini kemudian dikenali sebagai Dalam Kerawat kerana seluruh kawasan dikelilingi kerawat duri.

"Setelah darurat berakhir, masing-masing kembali ke Kampung Enggong, Sungai Durian, Kenor, Batu Balai, Batu Lada dan Tualang. Manakala rumah di Guchil disewakan kepada mereka yang berhijrah dan bekerja di sekitar Kuala Krai. Sehingga kini, masih terdapat sebahagian peninggalan kerajaan lama, palong emas, kubu tentera Jepun, jambatan lama dan kubu tentera British", jelasnya.

Galeri Kuala Krai menyimpan artifak pemerintahan Puteri Urduja, Raja Perempuan Kelantan purba yang berpusat di Kuala Lebir sebagaimana catatan sejarah catatan Ibnu Batutah, seorang pengembara Arab yang singgah di Kuala Krai dalam pelayaran beliau ke Tanah Besar China. Sehingga kini, masih terdapat artifak seperti tembikar dan senjata peninggalan kerajaan lama, tapak palong emas, kubu perang dan kubur Kristian milik askar British, Batu Bersurat Tentera Jepun, dan batu pengikat tall jong (kapal).

Bagi memastikan kelestariannya, selaku wakil rakyat, Hilmi terus memulihara warisan sejarah dan menghidupkan semula pekan Guchil 1 hingga 7 sekali gus bandar Kuala Krai dengan pembangunan hospital dalam taman, masjid dan sekolah. Termasuklah Lebuh Raya Central Spine Road (CSR) dan pembinaan semula zoo, memajukan kembali Tangga Bradley dan taman rehlah seperti Tasik Krai yang dilengkapi restoran terapung.

### Pusat hentian setempat

Bermotokan "Guchil Sejahtera Rakyat Terbela" Hilmi menaik taraf Dataran Peladang sebagai Pusat Hentian Setempat yang menyediakan surau, pasar raya, restoran, kedai runcit, hentian dan kaunter tiket ekspres berdekatan pasar borong, pejabat pos dan pejabat kerajaan serta dewan serba guna.

Pada masa yang sama, keperluan lain tetap diutamakan dengan menambahkan baik kemudahan infrastruktur termasuk melebarkan jalan. Penduduk yang terkesan akibat pandemik COVID-19 diberi perhatian dengan menyalurkan pelbagai bantuan termasuk keperluan asas seperti, beras, gula, minyak, wang tunai dan lain-lain.



**Program Mega Outreach Merdeka di Guchil anjuran Pejabat Kesihatan Daerah Kuala Krai dengan kerjasama KraiTiff dan KESEDAR Wilayah Kuala Krai serta penglibatan semua petugas barisan hadapan.**

### Mengangkat martabat seni

Selaku pemimpin yang beraspirasi mendidik masyarakat menyukai keindahan melalui elemen seni, Hilmi mengajak khalayak menghayati lukisan mural di Masjid Mukim Keroh dengan paparan keindahan alam bermotif flora dan fauna. Termasuklah di Dataran Guchil, di Tandas Awam Jalan Adam dan di Bangunan Easy Fit, Jalan Tengku Zainal Abidin.

Di samping, Pusat Kraftangan Kuala Krai diwujudkan sebagai tempat pameran dan jualan hasil kraf terutama sekali bagi pengusaha kraf di Mambong dan masyarakat setempat yang ingin menjual atau mempamerkan hasil kraf mereka kepada orang ramai.

Hasil pengubahsuaian sebuah rumah kerajaan yang tidak didiami selama 7 tahun dan dirasmikan pada 30 Ogos 2001, kini pusat seni yang menjadi daya penarik kepada pengunjung Taman Tasik Krai dan ke Taman Burung Kuala Krai tersebut menjadi antara ikon Guchil.

### Pulai Chondong

Sebuah pekan berkeluasan 54.98 kilometer persegi dan bertanah datar yang semakin berkembang dalam Parlimen Machang. Kebanyakan penduduk bekerja menanam padi dan jagung selain berkebun getah, usahawan, berkhidmat dengan kerajaan serta swasta.

**Menurut cerita lisan, Kampung Pulai Chondong mendapat nama sempena gelaran ulama Abdul Samad Abdullah yang dikenali sebagai Tok Pulai Chondong. Sewaktu dalam perjalanan pulang dari Mekah, beliau singgah di Kampung Bilal Talib dan membina sebuah surau berdekatan seponon pulai yang condong.**

Menurut ADUN Pulai Chondong, Azhar Salleh, surau berkenaan pernah terbakar dua kali. Kemudian masjid baharu didirikan yang dikenali sebagai Masjid Tok Pulai Chondong dibina daripada kayu cengal dengan ketinggian menara 17.37 meter.

Di Pulai Chondong juga terdapat kawasan rekreasi kolam air panas Tok Bok Kampung Rengas, Sekolah Menengah Sains Machang, Maahad Tahfiz Al-Quran Wal Qiraat, Maahad Shamsul Maarif (jelaki dan perempuan) dan Kelantan Biotech Sdn. Bhd. (anak syarikat Perbadanan Menteri Besar Kelantan (PMBK).

40 peratus penduduk di Mukim Kerawang terlibat dalam bidang pertanian padi, getah dan kelapa sawit seperti. Manakala, 15 peratus bekerja kerajaan, 25 peratus kakitangan swasta dan 10 peratus berniaga dan baki 10 peratus lagi menjalankan aktiviti pelbagai untuk keseluruhan 17862 penduduk.

Menariknya, Bukit Buluh setinggi 263 meter terdapat kuari iaitu kawasan pemecahan batu-batu bukit menggunakan kaedah letupan yang diadakan pada hari Jumaat sebelum Solat Jumaat. Bunyi letupan tersebut dapat didengari dikawasan sekitarnya. Oleh itu, sebahagian daripada kawasan bukit itu telah mengalami penyahutan akibat letupan batu yang dilakukan.

Walaupun berada di kawasan bukit seperti Bukit Buluh, masih terdapat tanaman getah dan bukan dibiarkan menjadi hutan belantara. Di Mukim Gading Galoh pula terdapat banyak rumah kerana berhampiran pekan dan Sekolah Kebangsaan Pulai Chondong. Selain itu, terdapat juga lebuh raya tunggal dan lorong berkereta motor menghubungkan daerah Machang ke bandar Kota Bharu.

## Meranti

Kampung Meranti yang dilengkapi pelbagai kemudahan asas seperti pasar basah, pasar malam, pasar pagi, pusat pendidikan, pusat rekreasi dan Internet, masjid, klinik serta balai polis ini amat strategik lokasinya menghubungkan penduduk dengan Kota Bharu, Pasir Mas, Tumpat dan Rantau Panjang.

Penemuan perigi lama oleh penyelidik dari Universiti Malaysia Kelantan (UMK) menambah "nilai" perkembangan ini. Perigi sedalam lapan meter itu dikatakan bersangkut paut dengan kedatangan Laksamana Hang Tuah singgah di situ untuk berehat ketika dalam pelayaran ke Siam untuk membeli enam ekor gajah daripada Raja Siam, Phra Chau.

Menurut ADUN Meranti, Dato' Mohd Nassuruddin Daud, dahulunya Meranti ialah belantara yang dipenuhi pokok besar yang suatu ketikanya terbakar akibat kemarau teruk.

Dalam kejadian itu, hanya seponon pokok meranti terselamat dan dari situlah nama Kampung Meranti dikenali sehingga kini. Akibat musibah tersebut, kawasan berkenaan menjadi subur dan sesuai untuk pertanian. Kemudian, menjadi penempatan petani dan penoreh getah.

## Pembangunan seimbang

Meranti memiliki pusat pengajian agama yang menjalankan projek pertanian seperti di Maahad Tahfiz Darul Ulum Meranti (MAFIZ) yang aktif menjalankan tanaman hidroponik salad dan sawi berteknologi Nutrient Film Technique - NFT.

Pengurusnya, Ustaz Ahmad Syaraf Nassuruddin, 24, mencadangkan projek tersebut untuk mendedahkan para huffaz kepada sistem pertanian jangka pendek (sebulan) bermula dengan pembinaan Rumah Perlindungan Hujan (RPH) dan penyediaan palpa PVC berpetak.

Pada 20 September 2021, Nassurudin mewakili Penghulu Mukim Alor Buloh, Afendi Mohd Nawi untuk menyampaikan ucapan terima kasih atas kunjungan rasmi Exco Pertanian Kelantan ke tapak pertanian bersepadu berteknologi tinggi yang diusahakan komuniti di Mukim Alor Buloh.

"Sumbangan Kerajaan Negeri melalui portfolio exco pertanian insya Allah mampu merencanakan aktiviti pertanian di DUN Meranti kerana empat daripada sepuluh plot pertanian iaitu Rumah Cendawan Pintar, Fertigas Cili, Holtikultur Jagung Manis Hibrid dan Akuaponik sudah disediakan sebagai model berasaskan IR4.0 untuk dicontohi bakal usahawan tani lain yang berminat menceburi bidang pertanian komersial", katanya ketika dihubungi.

Di samping itu, Nassuruddin juga berikhtiar membantu PMBK Development Sdn. Bhd. (salah satu anak syarikat PMBK) mendapatkan kelulusan kerajaan negeri untuk melaksanakan Projek Rumah Mampu Milik Kelantan (RMMK) yang memenuhi keperluan golongan berpendapatan sederhana memiliki rumah sendiri. Sekali gus menarik minat pelabur sektor peruncitan, stesen minyak, kilang pembuatan dan industri hiliran.

**Kesimpulannya, paparan slot leluhur ini mengingatkan kita Intl sari surah Ibrahim ayat 24 hingga 25 iaitu kalimah yang baik ibarat sebatang pohon yang baik. Pangkalnya (akar tunjang) tetap teguh, cabang pucuk-nya menjulang ke langit dan berbuah dengan izin Tuhan-Nya untuk dinikmati.**

Allah mengemukakan perbandingan itu supaya hamba-Nya mendapat pelajaran dengan berbuat kebajikan sebagaimana para pemimpin yang gigih berkhidmat untuk memberi manfaat kepada rakyat. ■



## Sentiasa bersama

Berdasarkan rawi bahari yang nenda dengar zaman-berzaman, nekbat dladun demi menghargai nilai kepatuhan dan kesetiaan Awang Selamat yang amat mementingkan keselamatan baginda sehingga sanggup berkorban nyawa demi melindunginya ke mana sahaja, pada bila-bila masa.

Mereka jarang berenggang, hatta ketika Saadong dihantar ke Siam. Awang Selamat tetap istiqamah menjaga keselamatan Raja Perempuan Kelantan itu tanpa pengetahuan sesiapa pun kecuali bonda angkat Puteri Saadong iaitu Paduka Cik Siti Wan Kembang.

Kata nenda lagi, melalui cerita lisan, asal-usul perkataan nekbat terbit daripada dua kalimah; nekmah (ejaan lama bagi nikmat) dan bersahabat. Ciri percakapan orang Kelantan suka menyebut perkataan secara ringkas dan cepat. Contohnya, sesungguhnya hati disingkatkan menjadi "sengoti", seri indah kepada "serendah". Oleh itu, daripada falsafah nikmat bersahabat Saadong – Awang Selamat yang mendamba naungan arasy di akhirat, lalu dipendekkan menjadi nekbat.

## Formula dua "ت" satu "ف"

"Kuih yang diadun resipinya di puncak Bukit Marak itu diperbuat daripada gabungan dua bahan diwakili dua kalimah hijaiyah yang serupa iaitu "ت" (tepung) beras jemah dan "ف" (telur), hurai nenda.



Telur sebagai persiapan awal

Tepung sebagai bahan utama

Hadis Riwayat Bukhari dan Muslim merekodkan daripada Abu Hurairah r.a, Nabi Muhammad SAW menerangkan perhal tujuh golongan manusia yang akan mendapat naungan daripada Allah pada hari kiamat apabila tidak ada naungan ketika itu melainkan arasy Allah SWT. Salah satu daripada tujuh golongan istimewa itu ialah dua insan yang saling mengasih kerana Allah, kedua-duanya bertemu dan berpisah sematamata kerana-Nya.

Nenek moyang Melayu memperturunkan didikan daripada maksud hadis ini dengan mentamsilkannya seperti persahabatan Puteri Saadong dengan Panglima Awang Selamat yang berteraskan kasih sayang dan kesetiaan tulus ikhlas tanpa nafsu badani (tarikan seksual) atau dalam istilah psikologi disebut cinta platonik.

Kata nenda, lambang persahabatan akrab kerana Allah itu diterjemahkan melalui resipi nekbat ciptaan Puteri Saadong atau nama sebenarnya Puteri Maryam binti Raja Loyor, sebaik sahaja baginda bersemayam di Bukit Marak, Bachok, setelah kemangkatan suaminya, Raja Abdullah pada tahun 1671.

Selepas mendengar cucunya berbasmalah dan membaca doa usai wuduk untuk memastikan diri sentiasa berada dalam keadaan bersuci semasa memasak, nenda menyambung, satu "ف" pula ialah قيسغ (pisang) yang dilecek sehingga mengeluarkan air.

Nenda menunjuk ajar teknik taburan sedikit demi sedikit empat cawan tepung beras jemah yang telah siap disangal dan disejukkan ke dalam mangkuk berisi limpahan buih putih hasil kepukan enam biji telur.

"Kepuk telur mesti dengan tangan, arah lawan jam barulah menjelma apungan buih ringan bak kapas di permukaan", pinta nenda kepada cucunya lalu menceritakan kesan tapak kaki Awang Selamat yang lama berdiri membantu mengepuk telur sampai sekarang kelihatan di Bukit Marak.



Telur dipukul rata



Tepung di adun bersama telur

### Tulus bersahabat

Hilangnya kuning warna telur (citra diraja) menjadi buih putih (aura kesucian) adalah simbolik persahabatan tulus raja dan panglima yang berbeza jantina tanpa secuil pun berahi.

Nenda menyambung peri, kesucian persahabatan sejati, Saadong-Awang Selamat diserikan dengan perlambangan tiga sudu air lecekan pisang yang disebut Allah sebagai buah syurga melalui Al-Waqiah ayat 28. Air pisang juga manisnya asli dan memercikkan aroma wangi. Hanyir telur pun tiada lagi. "Pisang memang ada gula dipanggil glukosa, fruktosa dan sukrosa. Pisang pun banyak khasiat kandungan airnya 75 peratus, 1.3 peratus protein dan 0.6 peratus lemak. Zat karbohidrat dan potasiumnya dapat beri tenaga segera kepada badan. Sesuai sangat dengan keperluan sahabatnya, seorang hulubalang!", cucunya mencelah keterujaan.

### Dua peringkat pembuatan

Pembuatan nekbat dilakukan secara dua peringkat. Pertama, adunan sukatan tiga bahan tadi dibakar di dalam acuan tembaga berlubang sepuluh menggunakan sabut kelapa supaya aromanya tidak hilang. Sukatan tersebut berjaya menghasilkan 100 biji Nekbat dalam tempoh 25 minit lalu disejukkan membentuk ketulan gebu seperti bahu tetapi tawar dan keras.



Masukan adunan kedalam acuan tembaga



Adunan dibakar menggunakan sabut kelapa

Nenda menarik perhatian anak cucunya, "perhatikan baik-baik, pada awalnya nekbat itu keras dan tawar kan? Itulah gambaran perasaan Puteri Saadong apabila diuji dengan peristiwa dukacita setelah pulang dari Siam".

Baginda Raja Perempuan Kelantan yang bijaksana dan solehah kerana diasuh oleh bonda angkatnya, Paduka Cik Siti Wan Kembang yang warak dan berjiwa besar, Nenda menyangkal fitnah kononnya Puteri Saadong bergundah-gulana akibat dikhabarkan suaminya memungkir janji dengan berkahwin lain.

Kata nenda lagi, akhlak kedua-dua Raja Perempuan Kelantan itu amatlah terpuji sebab itulah Puteri Saadong sanggup berkorban nyawa dan tanah air kerana enggan rakyatnya menjadi mangsa kekejaman pemerintah Ayuttaya (Thailand), Raja Narai Ramathibodi III.

"Masakan semudah itu Puteri Saadong yang pintar lagi solehah untuk merajuk dan tergamak membunuh suami kerana kes dimadukan?" Rasional nenda melemparkan soal sembari menyusun sabut di atas acuan tembaga berlubang sepuluh sama dengan acuan baulu.

Falsafah "keras" dan "tawar" nekbat selepas dibakar itu falsafah kentalnya jiwa baginda menerima ujian hidup yang satu demi satu dihadapinya. Paling memilukan, baginda difitnah zaman-berzaman sebagai penikam suaminya dengan pacak sanggul suasa.

"Suasa ialah pancalogam iaitu campuran antara 70 peratus tembaga, 20 peratus emas dan 10 peratus perak menjadikannya aloi yang keras. Patutlah pantas merobek pangkal halkum Raja Abdullah dan menyebabkan kemangkatannya", hurai cucu, si ulat buku.

"Benar! Walhal, ketika Raja Abdullah terburu-buru hendak berterus-terang tentang pernikahan baginda dengan isteri baharunya, baginda tanpa sengaja merentap tangan Puteri Saadong yang sedang berhias untuk menyambut kepulangan suami yang dirindui", kata bonda sambil membakar nekbat sehingga berwarna kuning keemasan dan menjaga tahap apinya pada kadar sederhana.

Sambung nenda, Raja Abdullah tidak tahu bahawa Puteri Saadong reda menerima berita itu. Lalu dalam cemas dan terkocoh-kacah, Raja Abdullah cuba memalingkan tubuh permaisurinya yang sedang berdandan.

Sebaik sahaja badan Puteri Saadong mengadap Raja Abdullah, tangan Raja Perempuan Kelantan yang kemas menggenggam cucuk sanggul kesayangannya tanpa sengaja tercacak tepat pada rongkongan Raja Abdullah dan menjadi asbab peragut nyawanya.

"Emas tetap bahaya walau berapa pun kadar peratusannya dan amat mudarat jika terkena badan lelaki. Sebab itulah lelaki diharamkan memakai perhiasan emas hatta suasa!", tazkirah bonda menambah pengajaran di sebalik resipi nekbat.

## Penawar kedukaan

Seterusnya, peringkat kedua ialah menyediakan derawa (air gula). Dua gelas air citra dua kallimah syahadah tunjang akidah dua sahabat sejati nenda masukkan ke dalam periuk. Ditambah pula enam sudu besar gula kabung melambangkan enam rukun iman yang mereka yakini dan lima kuntum bunga cengkih arca lima rukun Islam yang diamalkan. Kemudian, dua helai simpulan pandan refleksi keharuman akhlak melalui amal jariah, menyempurnakan semerbak aroma berjellra. Itulah falsafah penawar duka lara Saadong yang pulih diubati Awang Selamat.



Masukkan gula secukupnya untuk dimasak



Air gula yang dimasak bersama daun pandan

Sembari mengangkat nekbat dari dalam mangkuk berisi derawa suam, nenda mengingatkan, Nekbat tidak boleh disira lama bagi mengelakkannya kembang. "Pengalas gelaran kepada perempuan bertubuh gempal tetapi beralir muka manis, bagalkan nekbat kembang", guraunya.

## Tautan jiwa dua sahabat

"Nah, siaplah satu juadah simbolik cinta platonik dua sahabat yang dibatasi syarak", kata bonda seraya menjelaskan cinta platonik wujud terhadap individu yang bersahabat terlalu rapat dengan individu yang berlainan jantina.

Tambah bonda, cinta sejati itu langsung tiada kecenderungan seksual kerana cinta platonik ini hanya lebih mementingkan keakraban atas niat mahu melindungi sahabat sehingga rela berkorban nyawa.

Hijrah Saadong-Awang Selamat bermahramkan Inang dan dayang ke Gunung Ayam, Gua Musang mempopularkan resipi lambang persahabatan suci itu di puncak Chinta Wangsa pula.



Nekbat dimasukkan kedalam air gula sebagai proses akhir

## Kesahihan fakta

Bukti adunan itu hanya sedap dikepek secara manual tanpa mesin disahkan oleh pewaris resipi nekbat tradisional, Rosnani Hamzah, 61, yang sudah 30 tahun mengusahakan pembuatan nekbat di Taman Wangli, Gua Musang.

Tambahnya lagi, bukan semua orang dapat mewarisi resipi kuih nekbat ini kerana ia memerlukan kepakaran dan kesabaran ketika membancuh putih telur bersama tepung gandum dan esen perisa pisang.

"Resipi sekarang senang gunakan gandum" katanya yang mampu menjual nekbat sehingga 11 ribu biji sepanjang bulan Ramadan, mengesahkan cerita nekbat pernah didengarinya berasal dari kampung leluhurnya iaitu Bukit Marak. ■




Sedia dihidang untuk santapan

# PONDOK SELIGI MENANG ANUGERAH KEJIRANAN HIJAU 2020

Oleh:

Siti Hajar Husna  
Che Hassin

dan

Norzana  
Razaly

Pondok Permai Seligi (PPS) yang terletak di Kampung Permatang Sungkai, Pasir Puteh, Kelantan membawa kelainan sejak awal penubuhannya pada tahun 1990. Di samping sistem pengajian konvensional yang meliputi pengajian ilmu al-Quran dan hadis serta kitab ulama silam yang bercirikan tradisional dalam kalangan pelajar masih dikekalkan, penerapan konsep pondok agro pelancongan dengan menceburi sektor pertanian dan penternakan yang sinonim sebagai aktiviti ekonomi tertua semenjak zaman Nabi Adam a.s menjadi keistimewaan untuk dikunjungi bersama keluarga.



## 2016 detik permulaan

Mudirnya, Tuan Guru Haji Irfan Abdul Hamid atau Harueman Daoh, 52, memilih untuk menyuaipadan silibus ko-kurikulum pondok ini dengan menerapkan unsur pertanian bersepadu secara organik melalui cara menanam ulam-ulaman, pokok herba, buah-buahan dan memelihara haiwan ternakan seperti kambing, arnab, ayam dan ikan bermula tahun 2016.

Konsep pengajian pondok tradisional yang mengadakan kelas pengajar kepada pelajar dan memberi kuliah agama kepada masyarakat digabungkan dengan aktiviti pertanian bersepadu menggunakan teknologi canggih untuk melestarikan alam sekitar yang mampan menjadi faktor kemenangan PPS dalam pertandingan Anugerah Kejiranan Hijau (AKH) pada tahun 2020.

PPS ialah pondok terawal dipilih oleh pihak Pusat Pembangunan Pondok Berhad (PPPB) antara 25 pondok untuk menyertai projek Gerakan Pertanian Al-Falah (GEPA) yang dirasmikan oleh Timbalan Menteri Besar Kelantan, Dato' Mohd Amar Abdullah pada 29 Ogos 2019 di Pondok Ihya' Al-Ulum Kampung Repek, Pasir Mas.



**Projek penternakan kambing.**

## 20 ekor kambing perintis

Pondok agro ini pada mulanya dibekalkan 20 ekor kambing dan kini berjaya mengembangkan ternakannya sehingga mencecah 40 ekor kambing untuk memudahkan pembayaran zakat (seekor setiap tahun).

Selain faktor iklim yang sesuai dengan aktiviti penternakan, di PPS juga terdapat projek menghasilkan palet makanan ternakan sendiri untuk mengurangkan kos membeli palet makanan dari luar.

Penternakan arnab pedaging, ikan dan burung hiasan serta pertanian akuaponik secara alamiah dan hidroponik turut diusahakan oleh pelajar dan agamawan PPS dengan khidmat nasihat agensi berkaitan pertanian, penternakan dan perikanan serta NGO. Taman Arnab dalam Persatuan Penternak Arnab Pedaging Kelantan (APEK), di Buluh Poh, Ketereh turut menjadi rujukan kepada pelajar PPS.



**Pertanian sayur-sayuran secara hidroponik.**

## Pemodenan industri pertanian

Penggunaan teknologi dan penghasilan inovasi dalam sektor pertanian serta penternakan di Kelantan amat membanggakan. Para petani dan penternak tidak kering idea membangunkan inovasi dan teknologi bagi memudahkan urusan harian.

Buktinya, projek agro di PPS memperlihatkan kemahiran pertanian dalam industri asas tani dengan semakin terbentang luas di Kelantan yang menuju ke arah perkembangan positif. Pemodenan dalam industri pertanian dan produk hiliran bersumberkan pertanian kian rancak berlangsung di sini.

Oleh sebab itu, pemodenan terus diusahakan melalui kerjasama dengan syarikat berkaitan kerajaan atau Government Linked Companies (GLC) dan juga jabatan pertanian, perikanan, haiwan serta Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) yang terlibat sama dalam proses pemindahan informasi dan teknologi yang terus berjalan tanpa mengira latar belakang petani dan penternak.

## Pencapaian peserta bella

Hal ini memberi sasaran pemodenan dan inovasi bersifat menyeluruh termasuk kepada generasi muda melalui pencapaian para peserta belia dari PPS dan kumpulan penanam cendawan dari Pulau Melaka yang berjaya meraih pendapatan sekitar RM3,000 seminggu.

Sementelahan, projek kolaboratif seliaan pejabat Exco selaku penyumbang dana dengan kerjasama kumpulan komuniti dan penyelidik Universiti Institut Teknologi MARA (UITM) Pulau Pinang memodenkan penanaman cendawan tiram di PPS dengan mengaplikasikan sistem kawalan kelembapan suhu di bawah paras 25 darjah celsius yang seragam sepanjang tahun.

## Naib Juara AKH 2020

Pencapaian sedemikian memberi kesan positif jangka pendek dan dalam masa tiga tahun mengangkat nama PPS di mata Malaysia apabila dinobatkan sebagai Naib Juara dalam AKH 2020 anjuran PLAN Malaysia sempena Hari Perancangan Bandar Sedunia (HPBS) 2020.



**Sijil dan plaa pengiktirafan sebagai naib juara bagi Anugerah Kejlranan Hijau 2020.**

Justifikasi kemenangan PPS dipengaruhi oleh Kebun Kejlranan yang berkonsepkan Hugelkultur, Akuaponik, Vertical Farming, No Dig In, Hidroponik dan beberapa kaedah lain. Misalnya, dengan kaedah tanaman yang bercirikan Hugelkultur, penghasilan baja yang kaya dengan bahan organik untuk akar tanaman seperti kunyit hitam, halla bara dan juga pokok rossele berjaya menjadi produk komersial.

Kejayaan PPS ini dapat membantu para petani lain mengelakkan penggunaan baja yang mengandungi unsur kimia dan secara tidak langsung, teknik ini dapat memelihara dan memulihara alam sekitar dengan lebih selamat dan selesa. Tambahan pula, baja organik tersebut mampu membentuk persekitaran yang bermanfaat dan habitat kepada cacing tanah serta hidupan mikrob yang bertindak menjadikan tanah lebih subur.

### **Kebun Kejlranan**

Selain itu, projek tanaman sayuran hidroponik di PPS sudah masuk beberapa pusingan dalam pengeluaran sayuran dan hasilnya dapat dijual sekali gus menjana ekonomi pondok tersebut.

Dalam menjayakan Kebun Kejlranan ini, beberapa lokasi strategik dengan saluran air yang lengkap telah



**Pertanian organik melalui Kebun Kejlranan.**

dipilih sebagai lokasi penanaman seperti di tempat pengumpulan sisa, tanah perkuburan, kebun sayur organik, halaman rumah dan juga di dalam galeri 500 jenis pokok.

Aktiviti begini dapat mendidik masyarakat setempat terutamanya generasi muda agar bergiat aktif dalam pertanian. Oleh itu, pelajar di sini tidak mempunyai desakan untuk bekerja di luar kerana mereka hanya perlu memfokuskan projek-projek tanaman yang ada di pondok ini sebagai sumber makanan dan sumber pendapatan penghuni PPS.

### **Kolam SPAH**

Selain itu, faktor penyumbang terbesar dalam kemenangan PPS sebagai Naib Juara AKH 2020 ialah penyediaan Sistem Pengurusan Air Hujan (SPAH) berbentuk kolam takungan air hujan untuk kegunaan siraman pokok-pokok tanaman serta pembersihan dengan kapasiti besar berukuran 20x10x5 kaki.

SPAH ialah teknik pengurusan air yang bertujuan melambatkan aliran air larian permukaan dan menjadi bekalan air alternatif percuma dan berkesan dengan memasukkan Effective Microorganism (EM) untuk pembiakan bakteria baik serta mengatasi bau tidak menyenangkan ke dalam kolam setiap dua minggu sekali.

SPAH terletak di tempat tinggi dan ia tidak memerlukan penggunaan pam sama sekali serta dilengkapi dengan binaan zinc tadahan di sekeliling kolam sekali gus sebagai pengumpulan daun-daun yang gugur untuk dijadikan baja.

Dalam sistem pengurusan ini, air takungan berfungsi sebagai sumber air selain air telaga yang dapat dialirkan ke kebun sayur dan tanaman lain dengan menggunakan penapis yang kemas supaya saluran air berjalan lancar dan tidak tersumbat dengan sampah yang memasuki takungan air.

Melalui sistem yang efektif ini, air dapat disalurkan ke lima lokasi kebun berbeza dengan sistem tekanan air yang tinggi di samping menjadi tempat pembiakan tanaman azola. Azola pula berfungsi sebagai hos

kepada alga simbiotik biru hijau dan bertanggungjawab untuk penetapan asimilasi nitrogen daripada udara sekali gus menjadi makanan ikan.

### **Bahan organik**

Pada waktu yang sama, PPS memperglatkan kaedah pengkomposan dalam menghasilkan baja organik sendiri dengan menggunakan bahan terurai dan dikitar semula sebagai baja dan pinda tanah.

Kaedah pengkomposan ini dijalankan melalui beberapa proses yang memerlukan pemantauan yang teliti dengan kemasukan air, udara, dan bahan yang kaya dengan karbon dan nitrogen seperti proses memasukkan daun kering, rumput hijau, dedak beras, tinja haiwan dan mencampurkan Effective Microorganism (EM) dengan air sebelum menutup kompos dengan kemas.

### **Elemen 3R**

Salah satu amalan yang dititikberatkan oleh komuniti PPS ialah mengamal dan menerapkan elemen 3R yang dikenali sebagai reduce, reuse, dan recycle dengan menggunakan bahan-bahan terpakai dan terbuang untuk menceriakan dan meningkatkan hasil kebun tanaman.

Amalan ini amat penting dalam usaha melindungi alam sekitar daripada terus tercemar dan memberi impak yang besar kepada kesihatan dunia dalam menjamin masa hadapan yang cerah dan Indah untuk generasi akan datang.

Antara penggunaan semula bahan terbuang (reuse) adalah menghasilkan teknologi gas daripada sisa dapur seperti makanan dan buah. Bahan ini akan mengeluarkan gas dan menghasilkan bahan api untuk kegunaan pemanasan, memasak dan aktiviti lain seperti gas asli. Teknik ini sekali gus dapat mengurangkan jumlah sisa pepejal dan sisa makanan daripada pembaziran.

Melihat kepada proses (recycle) pula, tong biru diguna pakai untuk menyimpan baja cair dengan menggunakan buah-buahan dan sayur-sayuran yang rosak. Penggunaan kitar semula seperti botol kaca juga digunakan sebagai benteng atau pagar untuk ladung azola dan tanam-tanaman selain menggunakan bekas-bekas plastik untuk aktiviti tanaman.

Seterusnya, bahan terbuang yang digunakan dalam kaedah (reuse) adalah seperti bongkah cendawan terpakai dan dipecahkan untuk dijadikan baja tanaman. Biochar arang hitam pula diguna pakai kerana berupaya menambah baik kualiti tanah melalui aplikasi bahan itu ke atas tanah dengan hasil dalam meningkatkan penghasilan tanaman.

Biochar mampu melindungi sebahagian unsur foliar dan juga mengatasi masalah penyakit daripada tanah. Selain daripada itu, peti yang rosak diguna semula

untuk membuat mesin pengeraman telur ayam sekitar 37.5 hingga 39.5 darjah celcius untuk tempoh pengeraman. Kadar tumbesaran dan waktu penetasan anak ayam boleh diseragamkan serentak dan menjimatkan ruang.

Di samping itu, menggunakan tenaga solar dalam skala besar untuk menjimatkan elektrik dan membuat bumbung reban amab, ayam dan tempat letak kereta menggunakan kepingan solar yang menjadi idea bernas PPS dalam usaha pemeliharaan alam sekitar.

### **Projek Agro Pelancongan**

Kelestarian dan keindahan alam sekitar disebabkan faktor geografi PPS menjadi tarikan untuk perancangan akan datang sebagai destinasi lawatan bagi pengunjung untuk menikmati keindahan alam sekitar di pondok tersebut.

Sepanjang perjalanan menuju ke puncak bukit Sri Permai yang memakan masa setengah jam perjalanan dari pondok, pengunjung akan dapat merasai sendiri bunyi air mengalir dan kedengaran arus air yang menggambarkan betapa puncak bukit Sri Permai dapat menjadi destinasi yang menyeronokkan untuk melakukan aktiviti perkhemahan dan perkelahan.

Dalam pada itu, air yang bersih dipuncak bukit Sri Permai adalah antara tempat empangan air yang mengalir ke PPS bagi kegunaan pelajar dan penghuni pondok. Pembersihan empangan air ini akan dilakukan semasa musim hujan untuk mengekalkan mutu kebersihannya.

### **Kesimpulan**

PPS perintis institusi pengajian agama yang diasimilasikan dengan bidang pertanian moden berteknologi tinggi menjadi faktor kemenangan PPS dalam Anugerah Kejiranan Hijau 2020. Bagi pertandingan tahun 2021 pula, PPS sudah menyediakan prasarana tarikan pelancong seperti taman bunga, kolam renang dan spa ikan.

Semoga segala perancangan dan idea yang disenaraikan dalam menjayakan projek agro pelancongan di PPS dapat membawa manusia mengenali Allah SWT melalui Interaksi dengan flora dan fauna yang Indah untuk terus dipelihara oleh pengunjung sepanjang berladah di PPS dan harapnya, PPS berjaya dinobatkan sebagai juara Anugerah Kejiranan Hijau 2021 dalam pertandingan pada kali ini. 📌

# ZARINA MOHD NAWAWI

TOKOH KEBAJIKAN NEGERI KELANTAN TAHUN 2020

*Di Sini Cintanya Bertamu*

Oleh:  Ade Irma Suryani  
Che Leh



*Padang Temu padang baiduri,  
Tempat raja membangun kota;  
Bakti ditabur tidak terperi,  
Selagi nafas masih dihela.*

Melewati wajah wanita ini di muka buku, bagal ada sesuatu yang sukar untuk ditebak. Bibirnya tidak lekang mengukir senyum. Tujur katanya lembut berisi makna. Santun dan lakunya mengundang senyum, merawat luka dan hiba mereka yang disantuni. Seketika mengenali beliau, ternyata aura wanita berjiwa halus ini ada pesonanya sendiri.

Figura yang dimaksudkan ialah Zarina Mohd Nawawi, 49, Tokoh Kebajikan NGO Cakna, sempena Hari Kebajikan Negeri Kelantan 2020. Penglibatannya dalam kerja kebajikan bagaikan "padang permalnan" yang membahagikan. Di situlah kasihnya tertumpah.



Di sisi lain, tirai hidupnya tidak secerah mentari siang. Di sebalik kelincuhan menyantuni dan membahagikan insan lain, beliau sendiri suatu ketika pernah berperang dengan pelbagai ujian yang melingkari hidup termasuk kegagalan dalam rumah tangga. Hatinya tidak pernah tenang, bagal ada ruang kosong yang perlu diisi. Ada kalanya beliau lelah dan hampir berputus asa. Rumah yang menjadi tempat berteduh terpaksa dilelong. Semua itu bagai melengkapkan konflik dan tekanan yang dihadapi.

Pun begitu, wanita berjiwa kental ini enggan mengalah. Apa pun yang terjadi, ibu kepada dua orang putera ini berusaha sedaya mungkin mengharungi badai. Jelasnya, "dalam tempoh tersebut saya banyak muhasabah diri, membaca kitab dan mentadabbur ayat suci al-Quran. Sehingga suatu hari saya terjumpa dua petikan hadits, yang bermaksud: Barang siapa yang memudahkan kesulitan orang lain, Allah akan mempermudah urusannya di dunia dan akhirat, dan sebaik-baik manusia adalah mereka yang memberi manfaat kepada orang lain. Hadis itulah yang menjadi penguat semangat untuk saya meneruskan langkah."

Menurut wanita berwajah penuh keibuan ini, minat terhadap kerja kebajikan terpupuk sejak 10 tahun lalu sewaktu menyewa di Projek Perumahan Rakyat (PPR), Puchong, Selangor, setelah berpisah dengan bekas suami.

"Saya memahami situasi penduduk setempat. Ketika itu saya sudah berhenti kerja di Ibu pejabat, sebuah syarikat kosmetik terkemuka di Ibu kota. Untuk

## TOKOH KEBAJIKAN NGI CAKNA

### ZARINA BINTI MOHD ZAWAWI

#### HARI KEBAJIKAN NEGERI KELANTAN

2020

Sempena 3 Dekad Pentadbiran Membangun Bersama Islam

Utus Setia Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita  
Kerajaan Negeri Kelantan

menampung keperluan hidup kami bertiga, saya menjual gubahan bunga secara dalam talian. Pada sebelah malam saya mengajar anak-anak jiran yang terdiri daripada anak-anak asnaf dan muafal mengaji Iqra'. Pada mulanya hanya enam orang, kemudian bertambah sehingga 20 orang.

Namun, yang paling berbekas di hati apabila saya membantu menyelesaikan masalah jiran yang terpaksa bergelap, hanya bertemankan cahaya lilin selama tiga hari kerana tidak mampu membayar bil elektrik. Saya berasa sangat bahagia, walaupun ketika itu saya sendiri kesempitan wang," ujarnya sewaktu dihubungi baru-baru ini.

### Inspirasi mimpi

"Apa pun, langkah saya dalam aktiviti amal terinspirasi daripada mimpi, sewaktu saya mencari diri dan jalan penyelesaian terbaik tatkala berhadapan masalah yang membelit diri ketika itu. Suatu malam, saya bermimpi berada di sebuah rumah kecil dikelilingi pondok yang dihuni oleh mereka yang daif. Mimpi itu tidak lama tetapi cukup terkesan di hati dan sering bermain di fikiran. Namun saya cuba menafikan dan menganggap itu hanya mainan tidur," katanya lagi.

Bertitik tolak dari situlah, ditambah dengan naluri halus secara fitrah yang peka dengan nasib insan lain yang kurang bernasib baik, mendorong Zarina terus membantu selagi termampu. Niat dan usaha murninya mendapat sokongan daripada keluarga dan teman-teman rapat yang turut membantu dari aspek perolehan dana.

"Aktiviti ini saya lakukan pada hujung minggu dan dikongsikan dalam Facebook. Dari situ, ramai yang berminat untuk turut serta. Melihat kepada penerimaan dan sumbangan daripada pelbagai pihak membuatkan saya semakin bersemangat untuk membantu lebih ramai yang terkesan dengan kemiskinan bandar. Sekurang-kurangnya ia dapat membantu meringankan sedikit beban mereka," jelasnya lagi.

Mengakui bukan mudah untuk menjalani kehidupan sebagai ibu tunggal bersama anak yang masih kecil, beliau enggan menoleh ke belakang dan mengenang

cerita duka yang menyakitkan. Kala berada di lapangan, hatinya sering berbunga melihat warga yang disantuni tersenyum ceria sedangkan hati sendiri meruntun hiba.

Dua tahun mendepani kemelut di ibu kota sendirian, sekitar tahun 2012, Zarina mengambil keputusan untuk kembali ke kampung halaman di Bukit Gading, Tanah Merah, Kelantan, dan memulakan hidup baharu. Kehadiran kedua-dua buah hatinya menjadi tunggak kekuatan agar beliau terus cecal mengharungi duri kehidupan.

Di kampung, beliau sering membantu ibu menghantar makanan kepada warga tua yang mendalami ilmu agama di pondok pengajian berhampiran rumah mereka. Lantas, dia terfikir, apa yang dilalui kini sama seperti mimpi itu. Tatkala banjir melanda, hatinya dijentik lagi untuk turut sama membantu. Sejak itu penglibatannya menyantuni asnaf dan anak yatim semakin aktif.

### Projek Dapur Ramadan

Wanita berjiwa kental ini menambah, "kita perlu kreatif menjana sumber pendapatan jika mahu meneruskan kesinambungan kerja kebajikan. Tidak perlu meminta-minta atau mengharap pertolongan orang. Justeru, pada tahun 2018, saya memulakan projek Dapur Ramadan. Ia terinspirasi daripada sambutan yang diterima daripada penyumbang dan penambahan asnaf yang perlu dibantu."

"Melalui projek ini, kami menjual ketupat palas yang dimasak sendiri oleh asnaf. Pelanggan boleh memilih pelbagai ketupat seperti lemak, manis, berinti serunding daging dan lain-lain. Pada peringkat awal ia dilakukan secara kecil-kecilan. Sambutan yang diterima amat luar biasa, bukan sahaja di Kelantan bahkan di seluruh negara terutama pada bulan April dan sepanjang bulan Syawal, atau ketika Hari Raya Aidiladha."





**Sumbangan makanan untuk diagihkan kepada semua warga Pondok Bukit Gading.**



**Bantuan dan sumbangan dihulurkan kepada pelajar Maahad Ahmadi Tanah Merah.**



**Menyantuni warga emas di Pondok Bukit Gading.**



**Sumbangan Ramadan bersama warga kilang.**

Pada waktu puncak, mereka dapat menghasilkan sebanyak 10 ribu hingga 11 ribu biji ketupat setiap hari dengan dibantu oleh 30 orang asnaf. Zarina amat menitik beratkan kualiti dan rasa, sesuai dengan kehendak pelanggan serta dijual dengan harga berpatutan. Demi meneruskan kelangsungan dana, usahawan gigih ini tidak pernah tandus idea untuk terus menghasilkan produk. Antaranya, tumis budu nasi kerabu bersama sambal dan sambal bilis pedas.

Usaha wanita berkulit putih mulus ini tidak terhenti di situ. Beliau turut memperkenalkan skim pinjaman tanpa faedah (qardhul hasan) kepada warga Dapur Ramadan yang selama ini menjadi sebahagian nadi penggerakannya. Melalui cara ini mereka dapat membeli barangan keperluan seperti motosikal, peti sejuk dan lain-lain, termasuk membeli kereta terpakai. Bayaran akan ditolak melalui potongan gaji.

"Melihat hidup mereka yang semakin berubah sudah cukup membahagiakan saya. Ini antara anugerah terindah buat saya," luahnya diiringi nada ceria. Dalam masa yang sama, beliau menekankan nilai agama kepada warga kerja. Sebelum memulakan kerja, mereka diwajibkan mengaji al-Quran dan bertaklim selama sejam, dibantu seorang ustaz yang bertugas secara sukarela.

Hasil pendapatan yang diperolehi membantu

memperluaskan usaha murni itu termasuk menaja 400 bungkus makanan setiap hari kepada lapan buah sekolah agama di sekitar Tanah Merah, sebelum perintah kawalan pergerakan (PKP) dikuatkuasakan. Lebih membanggakan, aktiviti perniagaan diperluaskan sehingga lahirnya Dapur Ramadan II (DR II) yang menyediakan pelbagai menu menarik.

Walau bagaimanapun, DR II terpaksa ditutup buat sementara waktu dan kini digunakan sebagai tempat penyediaan ketupat demi menjaga prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan oleh kerajaan.

### **Mendepani cabaran**

Biarpun rutin harian yang padat, wanita berjilwa kental ini tidak pernah mengeluh. Malah beliau bahagia dengan apa yang diusahakan. Sikap kedua orang putera yang sentiasa ringan tulang banyak membantu kelancaran aktiviti.

Lazimnya, apa pun yang diceburi, pasti tidak terhidar daripada cabaran. Namun dianggap sekadar picisan yang tidak membekas dalam diri. Apa yang dilakukan adalah pilihan sendiri dan beliau tidak pernah menyesal.

Setelah sedekad bergelumbang dengan aktiviti amal, wanita berwajah manis biarpun usia hampir mencecah setengah abad ini bagai lali mendepani cabaran dan

kerenah orang ramai demi memenuhi permintaan asnaf yang semakin bertambah. Namun, apa yang dikesali, terdapat segelintir masyarakat yang bersikap tamak dan mementingkan diri tanpa mempedulikan orang lain.

"Saya tidak pernah mempeduli kata-kata di belakang, atau apa sahaja yang cuba menghalang usaha ini. Jauh sekali melemahkan semangat saya untuk terus berusaha membantu seramal boleh mereka yang kurang bernasib baik. Lebih-lebih lagi dalam keadaan pandemik seperti sekarang," tegasnya.

Menyedari kehidupan masyarakat yang semakin terdesak ketika negara berhadapan dengan pandemik COVID-19, antara usaha yang dilakukan ialah dengan mengadakan jualan "lockdown" di DR Mart bermula 1 Jun sehingga pertengahan Julai lalu. Sepanjang tempoh itu, asnaf boleh membeli barang keperluan dengan harga di bawah kos jualan.

Selain itu, pihaknya turut menawarkan pakej menarik, berharga antara RM20 dan RM50, kepada badan-badan kebajikan di seluruh Kelantan membeli barang sumbangan untuk diagihkan kepada mereka yang memerlukan. Sempena Hari Raya Aidiladha pada tahun ini, sebanyak 15 ekor lembu berjaya dikorban dan dibahagikan kepada asnaf serta anak yatim.

#### **Pendekatan agama dan pendidikan anak-anak**



**Zarina bersama anak-anaknya.**

Dalam kesibukan, Zarina tidak pernah mengabaikan tugas sebagai ibu. Pendidikan anak-anak tetap diutamakan, seiring dengan penerapan agama. Kini beliau boleh tersenyum melihat Muhammad Uthmanul Irfan Abd. Malik, 22, berjaya melanjutkan pelajaran ke menara gading dalam jurusan perakaunan. Sementara Muhammad Harraz Iman Abd. Malik, 21, pula dalam jurusan Pendidikan Bahasa Inggeris Sebagai Bahasa Kedua (TESL).

Disebabkan pendedahan yang diterima sejak kecil dalam kerja kebajikan, mendorong kedua-dua orang permata hatinya berjalan seiring menjejak langkah si ibu.

#### **Tidak harapkan pengiktirafan**

Zarina tidak menyangka pembabitannya selama ini mendapat perhatian daripada kerajaan negeri. Dengan nada merendah diri beliau berkata, "saya tidak pernah mengimpikan sebarang pengiktirafan atau anugerah. Malah, pada mulanya perasaan saya berbelah bahagi sama ada untuk menerima atau tidak anugerah ini kerana merasakan ada orang lain yang lebih layak."

"Pada masa yang sama, saya terfikir apa yang dikurniakan ini ada hikmahnya dan memberi manfaat kepada orang lain terutama penyumbang yang sentiasa berdiri teguh di sisi saya. Apa pun saya hargai pengiktirafan ini. Saya harap anugerah ini akan menjadi pendorong agar lebih ramai akan tampil membantu mereka yang terkesan, terutama dalam situasi wabak COVID-19 melanda Kelantan sekarang. Dengan itu akan lebih banyak sumbangan yang dapat disalurkan kepada masyarakat."

Pun begitu, beliau berharap tidak wujud persaingan yang tidak sihat sesama penggerak masyarakat atau NGO, atau masing-masing terlalu mahu menonjolkan diri menunjuk siapa yang hebat, siapa yang lebih baik dan sebagainya, kerana ia memberi impak yang tidak manis di mata masyarakat.

"Kerja kebajikan ini dilakukan secara sukarela dan aktiviti amal sebegini sepatutnya dilakukan dengan setulus hati tanpa ada persaingan sesama sendiri," tegasnya penuh makna. ■



**Pasukan Dapur Ramadan dengan kerjasama dari NGO Fastablul Khalrat sedang menyilapkan bungkusan nasi ayam masak merah untuk disedekahkan kepada kampung-kampung terlibat banjir sekitar gua musang.**



## NASKEN COFFEE SASAR DISENARAIKAN DI BURSA SAHAM

Oleh: Mohd Zailani Abd Rahman

Pembukaan cawangan Nasken Coffee di Troika, Kota Bharu membuka mata ramal pihak bahawa pemiliknya mempunyai cita-cita luar biasa dalam perniagaan berasaskan makanan dan minuman sehingga menarik minat Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi (pada ketika itu), Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi membuat lawatan rasmi ke kafe berkenaan pada 8 Mac 2021.

Ketua Pegawai Eksekutif Nasken Coffee, Mohd Nazif Ab Aziz, 26, mengilhamkan nama Nasken daripada kalimah Arab yang bermakna tenang atau kedamaian menerusi perniagaan sajian aneka kopi, makanan barat dan variasi kek bermula dengan premis perintis di Pasir Tumbuh pada 27 Disember 2019.

Idea pembukaan kafe hipster tercetus setelah melihat potensi industri ini yang cepat berkembang selain daripada karektor rakyat Kelantan yang gemar "memburu" makanan. Tambahan, beliau merupakan penggemar kopi sekali gus memudahkan mengatur keperluan restoran pada peringkat awal.

Namun, pada permulaan, Nazif tiada niat untuk menguasai pasaran kafe hipster di Kelantan secara besar-besaran, sebaliknya menjadikan perniagaan itu sebagai tempat melihat potensi diri sesuai dengan usia belianya.

Justeru, apabila operasi cawangan pertama itu menunjukkan potensi besar, beliau bersama Ketua Pegawai Operasi, Mohd Hairi Mat Isa, 35, merangka idea memperkembangkan jenama Nasken Coffee melalui beberapa pendekatan.

Nazif dan Hairi mula merangka strategi bagi memajukan perniagaan kopi dengan sedikit pulangan modal melalui perniagaan di cawangan Pasir Tumbuh setelah yakin premis tersebut mampu berkembang.

### Tiga langkah pemerhatian

Hairi berkongsi hal penting yang beliau praktikkan dari aspek pemantauan. Pertama, pemerhatian serius terhadap sikap pelanggan kerana baginya orang Kelantan tidak lokek berbelanja untuk menikmati menu yang sedap dan berkualiti apalagi dengan harga setimpal berserta layanan mesra.

"Keistimewaan perniagaan kopi adalah kita memiliki penggemar yang ramai dalam kalangan anak muda dan yang berkeluarga. Rakyat Kelantan tiada masalah dengan harga sebaliknya mahu minuman sedap dan berkualiti serta premis yang selesa", ujarnya yang menjadikan beberapa jenama kedai kopi gah pada peringkat antarabangsa sebagai rujukan.

Langkah kedua, Nasken Coffee membuat penyelidikan termasuk melihat kesesuaian makanan yang disediakan khususnya kepada penduduk di negeri ini dengan mengkaji bagaimana Starbucks berjaya menguasai perniagaan kafe hipster dengan hebat, begitu juga Mcdonalds boleh berkembang maju dengan mengambil kira falsafah perniagaan orang Kelantan.

Ketiga, bagi meningkatkan kualiti pengurusan, Nasken Coffee sentiasa prihatin terhadap kehendak pelanggan melalui kajian soal selidik terhadap menu dan hidangan keseluruhan demi memenuhi kehendak semasa.

"Kita menerima pakai pandangan dan kritikan pelbagai pihak dengan positif sekali gus segera memperbaiki diri. Dengan cara ini, kami yakin Nasken Coffee dapat berkembang maju", akui Hairi.

### Kemahiran membuat kopi

Menyediakan kopi yang bagus adalah matlamat utama. Oleh itu Nasken Coffee memastikan stafnya memiliki ilmu dan kemahiran yang tinggi bagi menghasilkan kopi yang berkualiti dan sedap.

"Pihak pengurusan sedia melatih pekerja dan sanggup mengeluarkan belanja besar demi kemajuan organisasi dengan menjadikan cawangan Pasir Tumbuh sebagai pusat latihan kerana kami percaya pekerja mahir adalah aset utama syarikat", kata Nazif.

Rintangan di luar jangkauan belia seusia mereka ialah untuk meyakinkan pelabur yang melihat usia mereka sebagai halangan. Namun kesungguhan mereka merangka pelan perniagaan secara sistematik dan terperinci membuatkan pelabur senior "membuka mata".

### Strategi Perniagaan

Walaupun sudah mempunyai asas perniagaan yang kukuh, Nasken Coffee tetap berhadapan pelbagai masalah yang tidak dijangka seperti kekurangan pelanggan di cawangan tertentu.

Akhirnya, mereka terpaksa mengubah strategi dengan membuat perubahan konsep di cawangan Pengkalan Chepa apabila kafe yang dibuka itu bukan lokasi laluan orang ramai. Seterusnya, mereka merangka strategi mengenai pilihan produk, kelebihan daya saing dan kepuasan pelanggan.

"Setelah melihat lokasi cawangan itu kurang strategik, kami membuat sedikit perubahan dengan memasukkan ruang santai atau lepak dan elemen libur di dalam bangunan bagi menarik pelanggan", kata Nazif.



Nasken Coffee terus menyesuaikan diri dengan persekitaran perniagaan kerana konsep perniagaan kini yang memerlukan pihak pengurusan bertindak dengan cekap dan efisien atas keperluan semasa demi kemajuan syarikat.

### Rangkaian Nasken Coffee


Selaras dengan perkembangan perniagaan semasa, Nasken Coffee kini sudah mempunyai 10 cawangan dengan keupayaan operasi pada tahap yang maksimum. Menariknya, di sebalik industri perniagaan yang dikatakan menguncup pada musim pandemik COVID-19, Nasken Coffee tidak menjadikan ia sebagai alasan sebaliknya menguatkan lagi daya tahan dengan memperkembangkan perniagaan mereka dengan teratur.

"Jika tidak kerana Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dilaksanakan, jenama Nasken Coffee sudah memasuki pasaran Pahang apabila cawangan di Kuantan sudah memasuki fasa terakhir pengubahsuaian. Kami rancang operasi di Pahang bermula setelah pembukaan cawangan pertama di Kuala Terengganu selesai", kata Nazif bersemangat.

### Sasaran tersenarai di Bursa Saham

Terkini, Nasken Coffee memiliki 200 pekerja dan salah satu perniagaan yang dianggap pantas berkembang sekali gus memberi dimensi baharu khususnya dalam skop perniagaan kafetaria bergaya hipster di Kelantan.

Melalui strategi yang berkesan, pengurusan Nasken Coffee yang ditunjangi golongan muda kini berada di atas landasan kukuh untuk memperluaskan operasi di seluruh negara. Melalui strategi jangka panjangnya, pengusaha perniagaan yang 100 peratus milik bumiputera ini merancang untuk menyenaraikan syarikatnya di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) pada tahun 2030.



Demi mencapai impian, pihak pengurusan Nasken Coffee merangka strategi khusus melibatkan status pemilikan cawangan yang akan dibuka selaras dengan syarat layak disenarai di BSKL.

"Kami mengambil beberapa langkah termasuk memperluaskan perniagaan dengan memperkenalkan konsep "pemegang saham" sekali gus membuka peluang kepada usahawan dan pelabur untuk bersama dengan syarikat mengembangkan lagi operasi", kata Nazif.

Tambahnya, pendekatan itu selaras dengan syarikat francals dan kafe hipster terkemuka pada peringkat antarabangsa yang melihat kepentingan memasuki senarai Bursa Saham. Secara tidak langsung pihaknya mampu mengembangkan perniagaan bumiputera selalunya mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan khususnya kepada anak-anak muda di seluruh negara.

"Perkara ini bukan mudah kerana melibatkan pelaburan yang besar tetapi tidak mustahil kerana kita sudah mempunyai 10 cawangan pada tahun lepas dan kita bergerak kepada sasaran 40 premis lagi dalam masa terdekat", jelas Nazif.

### Cabaran dalam perniagaan

Nazif dan Hairi mengakui setiap perniagaan akan berhadapan dengan pelbagai cabaran namun apa yang penting, setiap masalah perlu ditangani secara berhemah apalagi melibatkan kakitangan.

Nazif menjelaskan, cabaran ini boleh diselesaikan sekiranya mempunyai ilmu yang cukup, tahu teknik dan selok-belok serta mampu membuat keputusan yang tepat. Masalah yang wujud dijadikan sebagai ukuran dan pengalaman dalam merangka tindakan seterusnya dalam mengembangkan syarikat.

Mengulas mengenai cabaran khusus dalam menguruskan kafe hipster, perkara itu berkait rapat dengan rasa iaitu memastikan kualiti aroma kopi yang dihasilkan memenuhi standard yang ditetapkan dan menepati cita rasa pelanggan.

Oleh itu, pengurusan Nasken Coffee mengkaji dan mempelajari pendekatan jenama antarabangsa mempertingkatkan kualiti produk yang dihasilkan dengan mewujudkan prosedur operasi standard (SOP) tersendiri.

"Kepakaran memilih bijan kopi terbaik adalah asas penting dalam perniagaan ini kerana ia penentu sejauh mana kami mampu berkembang maju di masa hadapan," kata Nazif. Lantaran itu, pihak pengurusan mesti menyampaikan ilmu kepada pekerja supaya mereka dapat menghasilkan minuman yang memenuhi plawalan yang ditetapkan oleh syarikat.

Secara tuntasnya, target mereka pada tahun 2021 ialah merealisasikan Nasken Coffee Pilihan Nombor Satu Pantar Timur. Sementelahan, kegigihan pemiliknya merangka pelan perniagaan bakal mencabar kuasa-kuasa besar dalam Industri yang sama hanya beberapa tahun sahaja lagi. ■



# DAPATKAN PRODUK KAK ZAIDAH



HUBUNGI  
 017-685 1943  
 wea@stokiskelantan



## RAMUAN TURUN TEMURUN MINYAK KEMPIS PERUT

SESUAI UNTUK LELAKI DAN WANITA



Khasiat:

- Mengempiskan perut/mengurangkan perut yang menggeleber
- Membuang angin dalam badan
- Mengurangkan sakit senggugut
- Untuk yang menghidap penyakit batu karang (sapu pada bahagian belakang)
- Untuk yang ada penyakit buah pinggang (sapu pada bahagian yang bengkak)
  - Menghilangkan sakit aendi
- Untuk wanita selepas bersalin
- Boleh menghilangkan sakit perut
  - Melegakan kembung perut
  - Mengurangkan parut & selulit
- Membantu anak-anak yang kencing malam
  - Menghilangkan sakit lutut
  - Menghaluskan kulit

**KELANTAN SANA SINI**



Oleh: Alin Alauddin

## **SARAPAN NASI DI KELANTAN EMPAT JENIS NASI, EMPAT JAJAHAN**

Kata orang, andai mahu merasai syurga makanan berkulturnya ke Negeri Cik Siti Wan Kembang. Pasti berbaloi menjamu selera dengan kepelbagaian juadah yang unik sama ada manis, nasi berserta lauk-pauk daripada sarapan hingga makan malam.

Edisi kali ini fokus kepada sarapan yang menjadi satu kemestian buat masyarakat Kelantan. Pilihan utama, semestinya nasi yang ditampilkan dengan pelbagai variasi lauk. Antaranya nasi berlauk ikan tongkol atau dikenali sebagai ikan aya oleh masyarakat setempat, nasi berlauk gulai kerutuk itik serati, nasi kukus ayam goreng berempah, nasi kerabu kambing bakar, nasi dagang ayam gulai, nasi hujan panas dan lain-lain.

Menariknya, di setiap jajahan pasti ada kedai makan yang menjadi lokasi kegemaran pelanggan. Bahkan ada yang sanggup datang dari jauh semata-mata untuk menjamu selera. Jom kita berkunjung ke empat jajahan yang menjadi tumpuan dan buah mulut pelanggan.



**Kedai Mok Yoh Pok Kob Gulai Serati dan Ayam Kampung, Kampung Kubang Golok, Bachok.**

Terkenal dengan nasi berlaukkan kerutuk itik serati dan ayam kampung dek keenakan masakannya, pelanggan sanggup menunggu dan beratur panjang semata-mata untuk membeli sarapan di Kedai Mok Yoh Pok Kob (KMYPK) di Kampung Kubang Golok, Bachok.

Bagi penggemar kerutuk serati dan ayam kampung, KMYPK adalah pilihan yang tepat. Malah ada yang sanggup datang dari Terengganu semata-mata kerana mahu merasai sendiri keenakannya.

Kedai ini beroperasi seawal pukul 6.30 pagi, sebelum Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), manakala sejak pelaksanaan PKP pula, KMYPK dibuka pada pukul 8.00 seperti yang ditetapkan oleh kerajaan, sehingga pukul 2.00 petang.

Selain menu istimewa yang menjadi cap dagang kedainya ialah pelanggan boleh menikmati pelbagai menu lain yang tidak kurang menariknya seperti serati goreng, kerutuk ayam kampung, gulai kuning kepala ikan tenggiri atau kepala ikan merah dan banyak lagi menu yang disajikan bersama nasi putih atau nasi dagang.

Menurut pengurusnya, Amir Adli Awang, 33, semua juadah dimasak sendiri oleh dua orang (kakak dan adik bellau). Mereka memperoleh kemahiran memasak daripada ibu, Rokiah Deris, 68, yang mahir memasak masakan tradisional dan sering diundang menjadi tukang masak di majlis kenduri di kampung mereka.



### Sambutan menggalakkan

Anak muda ini menjelaskan, "pada mulanya mak hanya berniaga nasi berlauk secara kecil-kecilan dengan membuka gerai berhampiran rumah kami bagi membantu menambah pendapatan keluarga. Sambutan yang diterima amat menggalakkan. Kemudian, kami memperbesarkan sedikit demi sedikit gerai yang sedia ada dengan menambah meja dan kerusi. Melihat kepada potensi dan peluang itu, saya terfikir untuk mengkomersialkan perniagaan ini."

"Kami kumpulkan sedikit demi sedikit wang hasil jualan untuk menambah baik kedai demi keselesaan pelanggan sehinggalah seperti apa yang dilihat pada hari ini. Nama kedai diambil sempena nama mak dan ayah. Mak mesra disapa Mok Yoh, manakala ayah pula, Awang Mat Taib, 73, dikenali sebagai Pok Kob oleh penduduk setempat. Dalam masa yang sama untuk mengelak berlakunya ciplak seperti yang banyak terjadi pada hari ini. Ada yang mengambil kesempatan di atas kelebihan dan populariti orang lain tanpa mengambil kira kualiti masakan yang dijual", katanya.

### Resipi warisan

Sebagai perniagaan keluarga, setiap orang diberikan tugas masing-masing. Jika kakak dan adik menguruskan dapur, Amir pula bertindak sebagai pengurus yang berperanan memastikan segala keperluan bahan mentah mencukupi di samping menyelia pekerja dan sebagainya. Selain resipi warisan keluarga, kakak dan adiknya bijak mengolah resipi baharu dan diterima baik oleh pelanggan.

Setiap pagi, pelanggan dihidangkan dengan 15 menu sebagai pilihan termasuk menu terkinl laltu Ikan gelama bekok yang dibuat menggunakan resipi istimewa sebagai pembuka selera.

Harga yang ditawarkan sekitar RM3.50 hingga RM7.00 bergantung kepada jenis lauk yang dipilih. Mereka menggunakan bahan segar bagi memastikan kualiti dan rasa terjamin. Kedai ini dibuka setiap hari. Sekiranya mahu bercuti, mereka akan memaklumkan lebih awal di laman sosial agar tidak menyusahkan pelanggan.

Setelah sembilan tahun beroperasi, mereka mengembangkan perniagaan dengan menyediakan perkhidmatan catering dan produk sejuk beku menggunakan nama Mok Yoh Pok Kob bagi membolehkan pelanggan di luar Kelantan merasai keunikan resepi asli keluarannya.



### Kak Mah Nasi Kukus Ayam Goreng Berempah, Labok, Machang

Bagi penduduk sekitar Machang dan kawasan berhampiran, nama Kak Mah Nasi Kukus Ayam Goreng Berempah (KMKNKAGB) begitu dekat dengan mereka. Aroma ayam goreng berempah dan keenakan kuah gulainya mengundang kecur para pelanggan lebih-lebih lagi jika dimakan semasa masih panas. Justeru, tidak hairanlah pada musim perayaan, cuti persekolahan atau cuti umum, jumlahnya akan bertambah sehingga berlaku kesesakan lalu lintas.

Kedai ini dibuka seawal pukul 7.00 pagi hingga 4.30 petang, sering menjadi pilihan pelanggan yang mahu ke tempat kerja atau bersarapan bersama keluarga yang akan dihidangkan dengan pelbagai menu pilihan dengan harga berpatutan. Nasi ayam goreng berempah berharga RM5.00 sebungkus, manakala lauk-lauk lain antara RM4.00 dan lebih (bergantung pada pilihan lauk). Masakan nasi kukus ayam goreng berempah diperkenalkan sekitar 15 tahun lalu, dan terus menjadi sebutan pelanggan hingga ke hari ini.

### Laris sejak 33 tahun lalu

Menurut Rasimah Hussin, 54, yang mesra disapa Kak Mah, beliau mula berniaga kira-kira 33 tahun lalu dan bersyukur hingga kini hasil masakannya masih laris.

Ibu kepada lima orang cahaya mata ini mengakui bukan mudah untuk berada dalam keadaan selesa seperti hari ini. Ada kalanya beliau letih berhadapan dengan pelbagai kerenah pelanggan termasuk yang tidak membayar harga makanan, harga bahan mentah yang semakin meningkat dan sebagainya. Namun, semangatnya tidak pernah pudar. Beliau yakin dengan janji Tuhan. Jadi, semua itu dihadapi dengan tabah.

"Pada mulanya saya hanya menjual nasi campur berlauk gulai daging. Selama beberapa tahun saya berulang alik membawa nasi dan lauk yang siap dimasak dari rumah ke tapak jualan dengan menunggang motosikal. Rezeki tidak menentu, sekilo daging kadang-kadang habis, kadang-kadang tidak. Namun, saya terus bertahan dan enggan putus asa. Lama-akelamaan, pelanggan semakin bertambah dan kedai saya semakin dikenali termasuk pelanggan dari luar Kelantan," ujar wanita cekal ini yang mengakui, sejak PKP, bisnesnya sedikit merosot.

Kini perniagaan KMNKAGB diwarisi oleh dua orang anaknya. Salah seorang daripada mereka membuka cawangan tidak jauh dari situ.



### Liniey Nasi Kerabu Tumis Kambing Bakar, Kampung Paya Bemban, Kota Bharu

Penggemar nasi kerabu tumis berlaukkan kambing bakar pasti serasi dengan nama Liniey Nasi Kerabu Tumis Kambing Bakar (LNKTKB), di Kampung Paya Bemban, Kota Bharu.

Kedai yang menggabungkan nama suami isteri, Rosli Ibrahim, 51, dengan Zaini Ahmad, 51, bukan sahaja mampu bersaing dengan mereka yang telah lama bertapak dalam perniagaan makanan, bahkan mempunyai pelanggan tetapnya sendiri.

Menurut Zaini yang mesra disapa Kak Ni, pada mulanya beliau hanya menjual nasi kerabu tumis dengan lima ekor ayam. Dua ekor daripadanya digulai, manakala tiga ekor lagi dibakar, dan tiga tin susu untuk pelanggan yang ingin minum sambil menikmati sarapan. Kemahiran memasak diperoleh daripada ibu mentua selain minat yang mendalam dalam bidang perniagaan.

"Sejak berkahwin saya sering membantu mak yang ketika itu mengusahakan kedai kopi secara kecil-kecilan, menjual nasi kerabu tumis dan gulai ayam. Dari situlah saya belajar kemahiran memasak. Disebabkan masalah kesihatan yang dihadapinya, kedai itu terpaksa ditutup. Beberapa tahun selepas itu, sekitar tahun 2012, barulah saya buka kedai ini tidak jauh dari tapak kedai asal menggunakan resipi warisan mak," tambahnya.

### Lokasi strategik

Selain nasi kerabu kambing bakar dan masakan lain yang menyelerakan, lokasi kedai yang strategik turut memberikan kelebihan buatnya. Perniagaan yang dahulunya secara kecil-kecilan kini mempunyai dua buah cawangan iaitu di Pengkalan Chepa dan Binjai yang diuruskan oleh anak-anaknya dengan dibantu lebih 30 orang pekerja.

Selain nasi kerabu tumis kambing bakar, menu sarapan yang turut menjadi pilihan pelanggan ialah nasi dagang, nasi lemak, gulai ikan aya (tongkol), daging bakar, puyuh bakar dan banyak lagi disediakan seawal pukul 6.30 pagi hingga 2.00 petang, selama tujuh hari seminggu.

"Bagi memastikan pelanggan kekal setia, kami hidangkan makanan yang enak bersama minuman yang sedap", ujarnya dilirngi tawa mesra yang diamlkan sebagai petua memikat pelanggan.

Setelah sembilan tahun beroperasi, wanita ini berbangga dengan penermaan pelanggan dan sebagai ibu, beliau berharap perniagaan ini diwarisi oleh anak cucu selaku pewaris legasi. Dalam masa yang sama, beliau tidak pernah takut berhadapan saingan kerana menganggap setiap orang ada rezeki masing-masing dan setiap pelanggan ada selera mereka sendiri.



### **Kedai Makan Pok Su Pi Nasi Berlauk Ikan Aya, Jalan Manan, Pasir Puteh**

Kedai yang terletak di tapak menjual kereta terpakai di Jalan Manan berhampiran Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Kai Chih, Pasir Puteh ini popular kerana menyajikan nasi berlauk gulai ikan aya seawal pukul 6.00 pagi hingga 12.00 tengah hari.

Kedai ini semakin menjadi pilihan penggemar sarapan di kawasan sekitar sejak dua tahun lalu kerana harga yang ditawarkan sangat berpatutan iaitu RM3.00 sebungkus untuk nasi berlauk dan nasi dagang dengan gulai ikan aya, manakala nasi kerabu ayam bakar pula berharga RM4.00.

Perniagaan ini diusahakan oleh pasangan suami, isteri, Mohd Saupi Abdullah, 52, dan Rohani Mohd Salleh, 40, sejak enam bulan sebelum pelaksanaan PKP dan semakin berkembang sehingga mampu bersaing dengan mereka yang lebih berpengalaman dan telah lama bertapak di sekitar daerah ini.

### **Permintaan tinggi**

Saupi bersyukur kerana pandemik COVID-19 tidak sedikitpun menjejaskan perniagaannya. Bahkan, permintaan yang tinggi diterima daripada pelanggan sejak musim PKP ini kerana kebanyakan pelanggan membeli dalam jumlah yang banyak antara 10 hingga 15 bungkus setiap orang berbanding sebelum berlakunya pandemik.

"Sebelum memulakan perniagaan, isteri saya menimba pengalaman dan belajar memasak di merata tempat selama beberapa tahun, termasuk daripada tukang masak yang mahir dari Thailand. Setelah yakin, barulah kami membuka perniagaan secara kecil-kecilan."

Bellau yang pernah mengusahakan perniagaan kereta terpakai berkata, "keputusan untuk menukar bidang perniagaan diambil setelah mengambil kira risiko dan pulangan. Tambahan pula dalam keadaan ekonomi seperti sekarang. Pelanggan akan membeli nasi setiap hari dan membayar secara tunai berbanding bisnes kereta yang terpaksa berhadapan dengan pelbagai kekangan."

Mengakui setiap perniagaan akan berhadapan dengan cabarannya sendiri, beliau menganggap semua itu sebagai asam garam kehidupan. Sepanjang dua tahun beroperasi, kedainya dibuka pada setiap hari kecuali pada Hari Raya Aidilfitri dan Aidiladha. ■



Oleh: Chu E Llang

# Andak Anjang

**Penerima Anugerah Khas  
Wanita Orang Asli Sempena  
Hari Sayyidatina Khadijah  
2021**

*Alam Semula Jadi Bersehati Dengan Kami*

Jasa dan budinya yang tidak lokek menghulur khidmat bakti kepada masyarakat setempat telah mendapat perhatian pihak kerajaan dan diberi pengiktirafan Anugerah Khas Wanita Orang Asli sempena Hari Sayyidatina Khadijah (HSK) 2021. Pengumuman nama Andak Anjang, anak jati Kampung Tuel, Gua Musang yang lahir pada September 1976 bergema memenuhi Dewan Jamuan Utama, Kompleks Kota Darulnaim pada 31 Mac lalu.

Wanita peramah berketurunan Orang Asli dari suku kaum Temilar Ini mengakui amat berhubung rapat dengan alam semula jadi yang banyak mempengaruhi corak kehidupan. Hal tersebut telah membuka mata masyarakatnya bahawa setiap usaha yang baik akan diganjar penghargaan atau pengiktirafan.

Namun, bagi Andak itu bukanlah tujuan utama kerana beliau menganggap segala rezeki adalah ketentuan Tuhan. Bersyukur dengan apa yang ada kerana semua itu bertitik-tolak daripada sebuah kehidupan yang saling memerlukan. Penulis mengabadikan sebuah sajak bagi merakam keakraban hubungan perasaan tokoh itu dengan alam sekelilingnya.

*Gunung selalu ada di situ  
Lekuk jalan selalu melilit dan mengitari gunung  
Dan manusia harus memahami dan menyesuaikan diri  
Dengan jalan hidup  
Manusia harus berjuang membina dan memperbaiki  
Mencipta dan mengukir dan seterusnya  
Membuat pilihan yang memberi  
Nilai dan makna pada hidupnya.*

Wartawan Qiadah berpeluang mewawancara Andak Anjang dan menyediakan kupasan menarik tentang kehidupan Orang Asli yang sinonim dengan alam semula jadi.

**Qiadah:** Tahniah, kerana dinobatkan sebagai Tokoh Khas Wanita Orang Asli pada HSK 2021 oleh Kerajaan Kelantan. Apakah perasaan dan pengalaman puan ketika menerima anugerah?

**Andak:** Saya amat terkejut setelah mendapat tahu dipilih sebagai penerima Anugerah Khas Wanita Orang Asli daripada penghulu kampung, dan dikehendaki hadir sebagaimana yang ditetapkan. Saya sungguh terharu dan ingin mengucapkan terima kasih kepada kerajaan negeri melalui Urus Setia Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita (U-KeKWa) yang telah memilih saya. Bagi saya, pengiktiran ini adalah satu penghargaan yang tinggi dan sangat bernilai serta menambah semangat saya untuk membantu masyarakat kampung sedaya upaya.

Untuk hadir di majlis tersebut, saya berasa bimbang, cemas dan gundah kerana terpaksa berhadapan dengan majlis yang begitu besar. Namun saya mendapat sokongan dan galakan daripada suami, keluarga dan sahabat serta jiran. Saya berani sesuaikan diri berada dalam majlis yang begitu asing kerana sambutan mesra oleh para pengiring dan petugas acara membuat saya berasa selesa dan tidak janggal berada dalam kalangan "orang bandar".



**Qiadah:** Setelah menerima anugerah berprestij itu, masyarakat suku Temiar mula menjadi perhatian. Apa pandangan puan?

**Andak:** Kehadiran saya di majlis gilang-gemilang itu memang menyedarkan saya bahawa atas keprhatian kerajaanlah saya boleh berada di majlis yang begitu besar. Di sana saya juga dapat melihat pelbagai kaum, dan anugerah yang mereka terima bersama saya.

Suami saya juga pernah menerima anugerah daripada kerajaan. Ini bermakna kerajaan ini adalah kerajaan yang bertanggungjawab dan banyak memajukan masyarakat Orang Asli.

**Qiadah:** Apakah lagi bantuan yang amat bermakna kepada Orang Asli?

**Andak:** Contoh kecaknaan Kerajaan Kelantan terhadap Orang Asli juga boleh dilihat melalui peristiwa pada 13 Julai lalu, Dato' Bentara Kanan Menteri Besar Kelantan menyampaikan sumbangan komputer riba kepada pelajar Orang Asli dari Pos Balar bernama Jasni Angah.

Jasni ialah penghafaz sembilan juzuk al-Quran dan siswa di Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS) dalam jurusan Diploma Pengajian Islam.

Berikutnya, pada 16 Julai lepas, Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) dan badan bukan kerajaan (NGO) menyalurkan bantuan kepada golongan terjejas ketika pandemik sekarang termasuk muafak dan Orang Asli bukan Islam.

Bantuan Prihatin MAIK bernilai RM200,000.00 itu diagihkan dalam bentuk makanan asas. Saya sangat bersyukur mendengar nasib 40 keluarga yang terjejas dengan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0 terbela.

Sebelum itu, MAIK juga membuka kelas fardu ain dan melantik suami saya yang menjadi guru mengajar di kelas fardu ain di kampung saya. Kemudahan infrastruktur yang lain pun banyak kerajaan Kelantan dan Persekutuan sediakan.

**Qiadah:** Apakah perubahan yang ketara di penempatan puan pada masa sekarang berbanding dahulu?

**Andak:** Dahulu kampung kami nak keluar masuk pun susah. Sekarang sudah ada jalan berturap. Terdapat generator untuk dapatkan bekalan elektrik, sudah ada slaran radio, televisyen serta rangkaian Astro.

Terima kasih kepada kerajaan yang banyak membantu kami sehingga sekarang ada yang dapat membeli motosikal dan kereta. Kenderaan lain pun dapat masuk ke kampung kami dengan mudah.

**Qiadah:** Apakah pekerjaan orang kampung setelah disediakan banyak kemudahan dan infrastruktur?

**Andak:** Pekerjaan orang kampung masih tertumpu pada pertanian tetapi ada juga yang menoreh getah dan buruh kontrak. Ada yang masih mengekalkan kerjaya tradisi iaitu mencari hasil dari hutan seperti petai, madu lebah dan akar kayu, namun sekarang mereka sudah menjadi usahawan dengan menjualnya sendiri (bukannya melalui orang tengah).

**Qiadah:** Mengapakah masyarakat suku Temiar sangat mencintai alam semula jadi yang indah dan permai?

**Andak:** Sebab sejak turun-temurun kami menetap di kawasan pedalaman. Kami dapat rasai alam semula jadi ini sangat bermakna dan banyak nilainya serta memberi manfaat kepada masyarakat kami dari segi sumber rezeki. Kehidupan kami sangat rapat dan sudah tentu kami sayangi dan cintai alam ini dan mahu supaya harta ini dikekalkan dalam keadaan yang elok. Kami memohon supaya hutan tidak dimusnahkan.

**Qiadah:** Boleh puan ceritakan perubahan yang ketara sekiranya kemusnahan alam sekitar berlaku, apakah nilai hidup masyarakat suku Temiar turut berubah?

**Andak:** Memang perubahan alam sekitar berlaku seperti cuaca semakin panas dapat dirasai. Malah, hujan tidak menentu. Pokok-pokok hutan ditebang dengan meluas. Kini nak tengok hutan tebal pun semakin sukar sebab semuanya telah diteroka. Nilai hidup kami turut berubah. Kami menanam ubi, keladi, sayur-sayuran dan sebagainya. Sekarang, tanaman kami kurang menjadi kerana sering diganggu oleh haiwan yang kelaparan di hutan. Sumber hutan yang selama ini menjadi rezeki kami juga turut berkurangan. Air sungai juga selalu keruh, hendak mendapat ikan sungai pun susah.

**Qiadah:** Masihkah masyarakat kampung puan mengamalkan budaya dan adat resam seperti memuja roh nenek moyang atau pokok besar?

**Andak:** Setelah memeluk Islam, kami berusaha mendalami ajaran Islam. Maka, apa yang dilarang oleh Islam, kami tidak melakukannya lagi. Kami cuba mematuhi suruhan dan larangan dalam Islam. Kami berasa bersyukur dapat mempelajari dan mendalami agama Islam. Lagipun amalan nenek moyang kami dahulu pun tidak banyak perbezaannya dengan Islam. Sebab itulah keluarga kami dengan mudah dapat menerima Islam.

**Qiadah:** Apakah pandangan puan terhadap pendidikan sebagai pengubah corak hidup generasi baharu?

**Andak:** Setelah jalan di Kampung Tuel berturap, ramai anak-anak ke sekolah terutamanya sekolah di Pos Hendrop walaupun jaraknya 10 km. Hal ini menunjukkan kesedaran terhadap pendidikan amat tinggi.



Andak Anjang ketika menerima Anugerah Khas Wanita Orang Asli bersempena Hari Sayyidatina Khadijah 2021.

Termasuklah sembilan orang anak saya. Alhamdulillah, yang keempat bernama Maria Ab. Razak sudah berjaya menerima Diploma Pendidikan Awal Kanak-kanak di KIAS dan sekarang mengajar di Sekolah Kampung Wok. Tiga abangnya; Zul, Amran dan Shaari juga sudah bekerja. Manakala Shuhaida, Nor Haslin, Mohd Fazi, Nor Humairah dan Nor Ayuni masih bersekolah.

**Qiadah:** Bagaimanakah masyarakat puan mengekalkan ciri tradisi Kampung Tuel dalam bentuk yang lebih moden?

**Andak:** Kampung ini adalah kampung nenek moyang kami, suku kaum Temiar. Jadi, kami akan pastikan amalan tradisi kampung ini kekal sebagaimana asal selagi tidak melanggar undang-undang negara dan agama Islam. Kemodenan itu pula perlu diikuti berdasarkan keadaan semasa selagi tidak melenyapkan jati diri suku kaum Temiar.

**Qiadah:** Setelah dinobatkan sebagai tokoh, apakah hasrat puan kepada masyarakat kampung?

**Andak:** Hasrat saya ialah untuk selalu membantu masyarakat kampung sedaya yang mampu. Sebelum ini pun saya selalu pergi menolong suami mengajar kelas fardu Ain.

Saya juga berhasrat memajukan kampung kami dengan bantuan Infrastruktur daripada kerajaan. Saya mohon, jika ada apa-apa bantuan yang sesuai berkaitan alatan pertanian atau bahan pendidikan, bolehlah segera disalurkan kepada kami.

**Qiadah:** Dalam aspek kemajuan, penambah baik apakah yang puan Inginkan supaya kehidupan masyarakat kampung bertambah makmur?

**Andak:** Kami kaum yang berdikari, namun masih mengharapkan bantuan kerajaan. Kami bersyukur dengan apa yang sudah disalurkan oleh kerajaan. Kami sudah diberi jalan raya untuk berulang-alik ke tempat kerja dan menghantar anak ke sekolah.

Jika boleh, perbanyakkan lagi bantuan berbentuk kegunaan awam seperti pusat Internet dan kemudahan kesihatan kerana saya percaya hidup masyarakat Orang Asli bertambah makmur dengan Ikhtiar Kerajaan memberi suntikan imunisasi kepada 15,000 Orang Asli di seluruh negara.

Saya dengar berita di televisyen, Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar Abdul Rahman Mohamad mengumumkan 38,000 lagi Orang Asli sudah mendaftar sebagai penerima vaksin Covid-19 dan menunggu tarikh suntikan. Terima kasih Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Kelantan!

**Qiadah:** Agensi kerajaan yang mana lagi memainkan peranan membantu memajukan Orang Asli?

**Andak:** Setakat ini kami mendapat banyak bantuan daripada Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA). Jabatan inilah tempat kami bergantung untuk meningkatkan kemahiran diri melalui kursus dan bimbingan.

Masyarakat kami hadir beramai-ramai untuk belajar ilmu pertanian yang banyak membuka minda serta mendapat khidmat nasihat dalam membantu menguruskan kebajikan masyarakat Orang Asli dan kerajaan Kelantan pun banyak berkerjasama. Semestinya, jasa U-KeKWA tidak akan saya lupakan kerana HSK 2021 amat bermakna dalam sejarah hidup saya.

Di samping itu, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam (JAHEIAK) Kelantan juga mengurniakan Anugerah Kecemerlangan Orang Asli kepada Jasni Angah dari Pos Balar dan Muhammad Zulkimi Ajem dari Pos Tuel sempena sambutan Hijratul Rasul, 1443H. Lebih membanggakan, kedua-dua belia Orang Asli dari Gua Musang itu sekarang bertugas sebagai Kader Pendakwah Pelapis Orang Asli di bawah JAHEIAK.

**Qiadah:** Apakah harapan Andak dalam tempoh lima tahun dari sekarang?

**Andak:** Saya berharap supaya hak tanah adat Orang Asli dijaga sepenuhnya oleh Kerajaan Negeri kerana suku Temiar yang hidup sejak turun-temurun sebagai komuniti di Kampung Kelaik dan Kampung Cabil, Pos Blau, Gua Musang menduduki, menggunakan dan memiliki tanah tersebut dari generasi ke generasi serta mengutip hasil hutan sebagai punca pendapatan, kegunaan harian dan produk perubatan tradisional.

Jika dicerobohi oleh pihak kurang prihatin, aset kami yang tumbuh secara fitrah seperti pokok buluh yang menjadi bahan binaan utama bagi masyarakat kami untuk membina atau membalki rumah akan musnah.

Saya juga berharap agar ramal lagi masyarakat Orang Asli diberi peluang melanjutkan pelajaran di institusi pengajian tinggi tempatan dan luar negara dengan penajaan khas daripada pihak kerajaan. ■

# PROMOSIKAN PRODUK ANDA

MELALUI

MAJALAH KORPORAT PERBADANAN MENTERI BESAR KELANTAN

# QIADAH



## KEUNTUNGAN ANDA

10,000 CAPAIAN PELANGGAN SECARA CETAKAN  
100,000 CAPAIAN PELANGGAN SECARA MAYA  
**PERCUMA** REKA BENTUK IKLAN  
**PERCUMA** MAJALAH QIADAH (MINIMA 50 UNIT)  
**JIMAT** DAN **BERPATUTAN**  
PENERBITAN **DISAHKAN** OLEH PERPUSTAKAAN  
NEGARA MALAYSIA (MEMPUNYAI KOD ISSN)

MAKLUMAT LANJUT SILA HUBUNGI  
**014-538 2083 (Adib)**



**PERBADANAN MENTERI BESAR KELANTAN**  
Tingkat 6, Bangunan PMBK, Jalan Kuala Krai,  
15050 Kota Bharu, Kelantan  
Tel: 09-747 4082 Faks: 09-747 7815

مجلس قيمتائين



# HADIAH PERTANDINGAN KUTIPAN MINYAK MASAK TERPAKAI

ANTARA PUSAT PEMBANGUNAN WANITA KELANTAN (PPWK)

20 Muharram 1443H/ 29 Ogos 2021 (Ahad)  
10.00 Pagi | Aplikasi Zoom



Anjuran bersama  
Urus Setia Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita  
Kerajaan Negeri Kelantan  
dan Kelantan Utilities Mubaarakan



*Kempen*

## Tukar Minyak Masak Terpakai Kepada Pitih

*Guna, Simpan & Jual*



Oleh: Mohd Azrein Che Asari

Guna (goreng) Simpan dan Jual. Semudah tiga langkah kecil anda telah berjaya merawat bumi kita daripada terus dinodai dengan pencemaran sisa buangan minyak masak terpakai (UCO). Malahan dengan tindakan ini mampu menjana sumber pendapatan tambahan. Sebelum ini mungkin ramal dalam kalangan masyarakat Kelantan tidak sedar dan tidak tahu UCO boleh dikitar semula dan mampu menjana pendapatan sampingan.

Menurut statistik kajian pencemaran 2016, setiap isi rumah menggunakan minima secara purata minyak masak sebanyak 2 kilogram sebulan manakala 45% minyak yang tidak boleh digunakan akan dibuang begitu sahaja. Turut disedari pembuangan UCO ke dalam sinki secara berleluasa boleh menyebabkan sistem perparitan tersumbat dan menggalakkan pembiakan halwan perosak seperti tikus dan lipas yang akan menjejaskan kesihatan penduduk.

Situasi tersebut telah mendorong Kelantan Utilities Mubaarakan Holdings Sdn Bhd (KUM) yang merupakan salah satu anak syarikat Perbadanan Menteri Besar Kelantan (PMBK) menggerakkan Kempen Tukar Minyak Masak Terpakai kepada Pitih pada tahun 2019, Kempen Tukar Minyak Masak Terpakai Kepada Pitih dan Hadiah Misteri pada tahun 2020 dan Kempen Tukar Minyak Masak Terpakai Kepada Minyak Sawit pada tahun 2021. KUM telah bekerjasama dengan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Negeri, Pusat Pembangunan Wanita Negeri Kelantan (PPWK), Majlis Minyak Sawit Malaysia (MPOC) dan beberapa NGO.

Impak daripada kempen ini berjaya membuka mata banyak pihak dan masyarakat untuk mengurus sisa buangan dengan sistematik dan secara tidak langsung dapat menambah pendapatan sampingan serta mampu menyumbang kepada kelestarian alam sekitar yang mampan. Ianya juga memberi ilmu kepada

**Kempen**  
**TUKAR MINYAK MASAK TERPAKAI (UCO)**  
**KEPADA PITH**  
*Rakyat Kelate Cerna Kebersihan*

**Minyak Sawit**  
 mengandungi **Vitamin E,**  
 tinggi **Vitamin K**  
 dan zat **magnesium diet.**

Elakkan menggunakan minyak masak berulang kali untuk kesihatan yang baik

**HUBUNGI**

PASIR MAS / JELI 019-3298732	TUMPAT 011-33736876	BACHOK 012-9842171	KOTA BHARU 013-6055747 014-8410293 017-9528730 019-9344316	TANAH MERAH / MACHANG 019-9780769	PASIR PUTEH 019-9862883	KUALA KRAI / GUA MUSANG 012-3574896
---------------------------------	------------------------	-----------------------	--	--------------------------------------	----------------------------	--

**KELANTANKU BERSIH**

masyarakat bahawa UCO boleh dijadikan biodiesel bagi kenderaan berat.

Malah, ia mampu membuka peluang pendapatan tambahan kepada masyarakat Kelantan khususnya yang mana banyak produk hiliran mampu dihasilkan daripada UCO ini seperti sabun pencuci, lilin dan bunga hiasan yang mana KUM juga memainkan peranan dalam memberikan kesedaran kepada masyarakat melalui bengkel dan taklimat yang dianjurkan.

Selain daripada memberi taklimat berkaitan UCO, kami juga memberi pendedahan tentang kebaikan minyak sawit berbanding minyak sayuran lain dan juga keburukan menggunakan minyak masak berulang kali terhadap kesihatan makanan.



Melalui kempen ini, KUM telah berjaya mengumpul 27 tan UCO sepanjang tahun 2019 hingga Oktober 2021 di negeri Kelantan. Walaupun masih banyak UCO yang tidak dluruskan dengan sistematik, KUM yakin melalui usaha yang dlmalnkan oleh semua pihak kita mampu menguruskan UCO yang lebih banyak pada masa akan datang.

Kita akui kesedaran untuk menjaga alam sekitar dalam kalangan masyarakat masih rendah disebabkan kurangnya pendedahan dan penyampaian maklumat mengenai kitar semula sisa minyak masak. Justeru itu, KUM akan terus melaksanakan pelbagai program kesedaran yang akan menarik minat masyarakat untuk menyertalnya.

Namun sebagai anggota masyarakat yang bertanggungjawab, semua pihak perlu berganding bahu menjaga alam sekitar agar la menjadi tempat yang selesa untuk didiami oleh generasi kini dan akan datang. Kami menyeru agar masyarakat dapat mengambil peluang kempen yang dianjurkan bagi menjaga alam sekitar dan juga mengurangkan perbelanjaan dapur dengan menyimpan dan menjual UCO atau tukar UCO kepada produk hiliran. 🍷



The banner features logos at the top: the Malaysian coat of arms, the Kelantan state emblem, and the MPOB logo. Below these is the word 'كيمفین' in Arabic script. The main title reads 'KEMPEN TUKAR MINYAK MASAK TERPAKAI (UCO) KEPADA MINYAK SAWIT'. It is signed 'Dirasmikan Oleh' by 'YB DR. IZANI BIN HUSIN', the Local Government, Housing and Health Minister. The date is '21 SAFAR 1443H | 28 SEPTEMBER 2021'. On the left is a portrait of YB Dr. Izani Bin Husin. On the right are images of cooking oil bottles, including one labeled 'Sawit'. At the bottom, it says 'KELANTANKU BERSIH' and features the 'Sawit' logo.



بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

PERBADANAN KEMAJUAN IKTISAD NEGERI KELANTAN



## "Penggerak Pembangunan Ummah"

Sebuah badan korporat yang bertanggungjawab dalam menerajui pembangunan dan pertumbuhan ekonomi Negeri Kelantan, berlandaskan prinsip-prinsip Islam untuk kesejahteraan Ummah.



**Ab Aziz Bin Yunus**  
Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan  
Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan

📍 Tingkat 4-11, Bangunan PKINK, Jalan Tengku Maharani, 15000 Kota Bharu, Kelantan.

🌐 [www.pkink.gov.my](http://www.pkink.gov.my) 📱 Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan

✉️ [pkink@pkink.gov.my](mailto:pkink@pkink.gov.my) 📞 Tel : 09-7414141 📠 Faks : 09-7414140



# AIR KELANTAN SDN. BHD.

## MASALAH BEKALAN AIR TERAWAT DI KELANTAN



## SUMBER AIR MENTAH SEMASA AKSB



## SUMBER AIR MENTAH BAHARU AKSB



## CADANGAN TAPS MELALUI KERJASAMA AKSB DAN PIHAK KETIGA



- Komponen Utama Projek**
- ◆ TAPS
  - ◆ Ibu Bekalan Air
  - ◆ LRA 500 JLH
  - ◆ Paip agihan utama 139km
  - ◆ Tangkiimbangan @ 9 buah



- Fakta Pemilihan Tapak**
- ◆ Sekitar 30km dari bandar utama
  - ◆ Berdekatan Sungai Kelantan
  - ◆ Kawasan berpaya & berbukit
  - ◆ Kepadatan penduduk yang rendah
  - ◆ Kawasan belum dibangunkan

## TINGKAT KAPASITI LRA AKSB



**Nota:**  
LRA – Loji Rawatan Air  
JLH – juta liter sehari



# PERANCANGAN BAGI MENYELESAIKAN MASALAH BEKALAN AIR TERAWAT KE SELURUH NEGERI KELANTAN



## PROGRAM PENGURANGAN NRW – PENUKARAN PAIP AC



## PROGRAM PENGURANGAN NRW – AKTIVITI LAIN



## PELAN INDUK AKSB 2021 - 2030



## PELAN INDUK AKSB 2021 - 2030

### PELAN INDUK (2021-2030) UNTUK TINGKATKAN BEKALAN AIR AWAM DI NEGERI KELANTAN



# Program Sumbangan Amal Kelab Cempaka

Oleh: Zairos Fadiela Zainal Abidin



Seiring dengan usaha untuk memastikan kesejahteraan semua dalam tempoh Pelan Pemulihan Negara, kerajaan menyeru syarikat dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) turut melibatkan diri dalam membantu kerajaan mengagihkan bantuan. Oleh yang demikian, Kelab Muslimat Perbadanan Menteri Besar Kelantan (Cempaka) telah mengambil inisiatif mengadakan program Sumbangan Amal Penyerahan Kit Produk Kebersihan dan Kesihatan kepada golongan yang memerlukan dengan kerjasama NGO Misi Kembara Dakwah (MKD).

Sumbangan berbentuk barangan keperluan penjagaan harian untuk kebersihan dan kesihatan (gel mandian, sabun cuci tangan, syampu, pensanitasi tangan dan peltip muka) telah diberikan kepada 60 orang asnaf di daerah Bachok. Program ini telah diadakan pada 09 November 2021 bertempat di pejabat urusan MKD yang dihadiri oleh Presiden Cempaka iaitu Mazween Mohamed berserta Timbalan Presiden; Siti Norazami Mohamed Anuar dan Zairos Fadiela Zainal Abidin selaku Pengarah Program. Turut hadir ialah Senator Dr. Wan Martina Wan Yusoff selaku Presiden MKD.


Kerjasama yang dijalankan ini membuktikan keprihatinan kelab Cempaka kepada golongan yang memerlukan dalam suasana pandemik kini. Juga menjadikan amalan berinfaq di jalan Allah sebagai satu program kelab agar mampu menjadi contoh yang baik di samping sebagai saham akhirat kepada ahli-ahli Cempaka yang memberikan sumbangan dan tenaga kerja, sebagaimana firman Allah dalam Surah al-Baqarah, ayat 245 yang bermaksud; "Sesiapa yang ingin-fakkan hartanya di jalan Allah dengan harta yang baik, maka Allah melipat gandakan ganti kepadanya dengan banyak. Allah menahan dan melapangkan (rezeki) dan kepada-Nyalah kamu dikembalikan." ■





# TEROWONG MASA

Sumber dan foto ehsan daripada Perbadanan Muzium Kelantan.



## PERPUSTAKAAN UMUM CARNEGIE 1980-an

Bangunan Perpustakaan Awam Kelantan  
(Perpustakaan Umum Carnegie) di  
Jalan Doktor pada tahun 1980an.





## **Menara Tabung Haji 2021**

Tapak asal Perpustakaan Awam di Jalan Doktor kini telah menjadi Menara Tabung Haji Kota Bharu, gambar tahun 2021.

# Dialek K E L A N T A N

Oleh: Nor Iman Mohd Yusoff  
Disemak oleh Abdullah Mohd Yassin (Munsi Dewan)

Mari kita kenali  
alatan dan perkakasan  
di Kelantan.



## PISA NNOREH

### PISAU GETAH (RUBBER NOTCH KNIFE)

Pisau yang dibuat daripada logam matanya bengkok pada bahagian hujungnya. Pisau ini digunakan untuk menoreh getah. Sebutannya ialah 'pi-sa nno-reh'.



## BATU NGASOH BATU ASAH (HONE)

Alat ini dibuat daripada batu yang digunakan untuk mengasah pisau, parang, kapak dan sebagainya. Sebutannya ialah 'ba-tu nga-soh'.



## PISA GHAUK SERAUT

Pisau yang tajam digunakan untuk melicinkan, menajamkan dan menghaluskan rotan, buluh, bilah kayu dan sebagainya. Sebutannya 'pisa gha-uk'.



## PARE BONG PARANG BESAR

Alat seperti golok dan mempunyai hulu yang boleh dimasukkan kayu bulat supaya panjang. Alat ini digunakan untuk menebas, memotong dahan dan membelah kelapa. Sebutannya ialah 'pa-re bong'.



**KANDARE  
GANDARAN**

Kayu berbentuk dacing yang digunakan untuk memikul rumput atau barang di atas bahu. Sebutannya ialah 'ka-nda-re'.



**LEPO**

**PAHAT SIMEN (CONCRETE CHISEL)**

Alat seperti pahat yang digunakan untuk memahat simen. Sebutannya ialah 'le-po'.



**KRETO TOLOK**

**KERETA SORONG (WHEEL BARROW)**

Alat yang mempunyai satu roda dan ditolak dari belakang. Alat ini digunakan untuk mengisi barang, memunggah barang, pasir, tanah dan sebagainya. Sebutannya ialah 'kre-to to-lok'.



**UBAT LAPU**

**BATERI (BATTERY)**

Alat yang diperlukan sebagai tenaga untuk menyalakan lampu suluh, jam dinding, permainan kanak-kanak dan sebagainya. Sebutannya ialah 'u-bat la-pu'.



### **TANGOK TANGGUK**

Alat dibuat daripada rotan atau jaring yang berbingkai dan digunakan untuk menangkap ikan, udang dan sebagainya. Sebutannya ialah 'ta-ngok'.



### **SKREPO PENGIKIS (SCRAPPER)**

Alat ini dibuat daripada besi yang digunakan untuk mengikis sesuatu pada sesuatu permukaan. Sebutannya ialah 'skre-po'.



### **GGERAK PENCAKAR SAMPAH (RAKE)**

Alat ini mempunyai gerigi panjang diujung dan digunakan untuk menarik sampah, rumput, bahan kering dan sebagainya. Sebutannya ialah 'gge-rak'.



### **GHOBA PEMADAN (ERASER)**

Alat ini dibuat daripada getah dan digunakan untuk memadamkan tulisan. Sebutannya ialah 'gho-ba'.





**JELOK  
BESEN (BASIN)**

Alat ini diperbuat daripada besi, tembaga atau plastik yang digunakan untuk mengisi barang atau bahan untuk memasak. Sebutannya ialah 'je-lok'.



**SPANNA IDUP  
SEPANNA BOLEH LARAS  
(ADJUSTABLE SPANNER)**

Alat ini digunakan untuk mencengkam, mengetatkan atau melonggarkan nat, bolt dan sebagainya. Sebab dinamakan spanna Idup kerana terdapat satu bahagian pencengkamnya dapat digerakkan untuk disesuaikan dengan saiz nat dan bolt. Sebutannya ialah 'spa-na i-dup'.



**GOBEK  
PELUMAT SIRIH**

Alat yang dibuat daripada besi atau tembaga dan digunakan untuk menumbuk dan melumatkan sirih. Biasanya digunakan oleh orang tua yang suka makan sirih tetapi sudah kekurangan atau ketiadaan gigi. Sebutannya ialah 'go-bek'.



# KELANTAN ICT GATEWAY SDN BHD



**YB Dato' Dr. Mohamed Fadzli bin Dato' Haji Hassan**  
Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Insan,  
Pendidikan, Pengajian Tinggi, Sains dan Teknologi

## 01 Safety Audit of Communication Infra



Implementation and enforcement of the telecommunication structures safety audit.

Potential collaboration related to ICT and communication infrastructure projects, including fiberisation under PFI.



## 02 Kelantan Digital Initiative

## Our Services

## 03 IT & Digital Training



ICT & digital training consultation for government and private agencies. E-commerce program, via training and coaching for entrepreneurs.

Focus on mining, agriculture, logging activities, utility and telecommunication asset inspections, and training.



## 04 Drone Technology

## 05 Kelantan Pay



Promote the cashless society through an e-payment initiative.

Market place for local products.



## 06 KALA Shop

Kelantan ICT Gateway Sdn. Bhd.,  
L3.07, Pusat Transformasi Bandar (UTC),  
Lot 378, Seksyen 16, Jalan Hamzah,  
15050 Kota Bharu, Kelantan

info@kigsb.com.my  
 www.kigsb.com.my  
 09-741 4370 09-741 4372

Make IT Happen  
**DIGITAL**



بازر تو گورو  
BAZAR TOK GURU

# JOM NIAGA MEGA


USAHAWAN  
KELATE  
Jom Daftar

✓ SEWA LOT RM90  
✓ SEWA BELI RM350

 HUBUNGI SEGERA

019-932 2295

011-2546 9440

 Bazar Tok Guru

 bazarviralkelate

**BAUCAR**

15% LOT BIASA

10% LOT PENJURU

**DISKAUN BAGI 50 PEMBELI**

#BAZARVIRALKELATE

 [www.pmbk.gov.my](http://www.pmbk.gov.my)


 Bazar Tok Guru

 bazarviralkelate

NAMA:  
ALAMAT:

NO. IC:

Baucar ini sah untuk pembelian di lot tingkat 2 & 3 Bazar Tok Guru



**Wahai umat manusia!  
Sesungguhnya telah datang  
kepada kamu al-Quran yang  
menjadi nasihat pengajaran dari  
Tuhan kamu, dan yang menjadi  
penawar bagi penyakit-penyakit  
batin yang ada di dalam dada  
kamu, dan juga menjadi hidayah  
petunjuk untuk keselamatan, serta  
membawa rahmat bagi  
orang-orang yang beriman."**

(Yunus: 57)

*Lindung Diri,  
Lindung Semua*

#ALLAHJAGAKITA  
#KITAJAGAKITA



Kerop Menceci Tangan



Elak Berada Di Tempoh Berdekatan



Pakai Pajlip Muka



Elakkan Berjabat Tangan



Gunakan Pembersih Tangan



PERBADANAN MENTERI BESAR KEHANTAN  
www.pmbk.gov.my

